

**MODUL KURSUS PRAPERKAHWINAN  
ISLAM : KAJIAN TERHADAP  
KEBERKESANANNYA DI JABATAN  
AGAMA ISLAM NEGERI PERAK,  
DARUL RIDZUAN.**

**RUHIL HAYATI BINTI M. BUSRA**

**JABATAN FIQH DAN USUL  
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM  
UNIVERSITI MALAYA  
KUALA LUMPUR  
2011**

**MODUL KURSUS PRAPERKAHWINAN  
ISLAM ; KAJIAN TERHADAP  
KEBERKESANANNYA DI JABATAN  
AGAMA ISLAM NEGERI PERAK, DARUL  
RIDZUAN.**

**RUHIL HAYATI BINTI M. BUSRA**

**DISERTASI INI DIKEMUKAKAN UNTUK  
MEMENUHI KEPERLUAN BAGI  
IJAZAH SARJANA SYARIAH  
(SECARA DISERTASI)**

**JABATAN FIQH DAN USUL  
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM  
UNIVERSITI MALAYA  
KUALA LUMPUR  
2011**

## **ABSTRAK**

Kajian ini dibuat untuk mengenal pasti tahap keberkesanan Modul Bersepadu Kursus Praperkahwinan Islam (MBKPPI) yang dilihat daripada 4 dimensi iaitu konteks, input, produk dan proses. Kajian ini mengambil 24 orang pemudahcara kursus MBKPPI dan 298 orang para peserta kursus MBKPPI sebagai sampel kajian bagi mengumpulkan data-data primer melalui soal-selidik. Statistik deskriptif berbentuk sukatan kecenderungan memusat telah digunakan sebagai analisis pengukuran data dalam kajian ini. Kajian ini menggunakan kerangka teori model Konteks, Input, Produk dan Proses daripada Daniel L.Stufflebeam dan Anthony J.Shinkfiel (1984). Empat persoalan kajian adalah berdasarkan penilaian konteks; permasalahan yang menghalang keberkesanan kursus MBKPPI, penilaian input; keberkesanan MBKPPI dari aspek output, penilaian proses; keberkesanan penggunaan pelbagai strategi dan kaedah pengajaran serta penilaian produk; keberkesanan objektif kursus MBKPPI dalam mencapai sasaran yang dihasratkan. Hasil dapatan kajian menunjukkan dimensi konteks tahap permasalahan Modul Bersepadu Kursus Praperkahwinan Islam (MBKPPI) yang sederhana berdasarkan nilai min 1.93. Dimensi input pula menunjukkan tahap keberkesanan yang tinggi berdasarkan skor nilai min ialah 4.42. Dimensi proses menunjukkan tahap keberkesanan yang tinggi berdasarkan skor nilai min ialah 4.26. Dimensi produk menunjukkan tahap keberkesanan yang tinggi berdasarkan skor nilai min 4.83.

## ABSTRACT

This research is to determine the level of effectiveness the *Modul Bersepadu Kursus Praperkahwinan Islam* (MBKPPI) which has been observed through 4 dimensions of context, input, product and process. The research used 24 MBKPPI course facilitators and 298 MBKPPI course participants as samples to collect prime data through questionnaires. The descriptive statistic in the form of measures of central tendency will be used as the analytical data measurement for the research. The research uses the theoretical frame model of Context, Input, Product and Process from Daniel L. Stufflebeam and Anthony J. Shinkfiel (1984). Four research questions based on context assessment; problems that obstruct the effectiveness of MBKPPI, input assessment; effectiveness of MBKPPI from output viewpoint, assessment of process; the effectiveness of using various strategies and methods and product evaluation; the effectiveness of MBKPPI course objectives in reaching the intended goal. The research findings from the context dimension show an average level of problems encountered in the *Modul Bersepadu Kursus Praperkahwinan Islam* (MBKPPI) based on the value of 1.93. Findings from the input dimension show a high level of effectiveness based on the minimum score value of 4.42. While findings from the process dimension also show a high level of effectiveness based on the minimum score value of 4.26. The product dimension findings show equally high level of effectiveness based on the minimum score value of 4.83.

## PENGHARGAAN

Alhamdulillah wa syukurillah, segala puji-pujian dan syukur ke hadrat Ilahi yang telah melimpahi rahmat, taufiq dan `ináyahnya kepada penulis dalam usaha menyiapkan kajian disertasi ini. Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad s.a.w, ahli keluarga baginda, para sahabat, tabi`in, tabi`ut tabi`in dan para solafus soleh yang telah merealisasikan suatu kehidupan yang diredhai oleh Allah s.w.t.

Setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih kepada Prof. Madya Dr. Raihanah bt. Hj. Azahari selaku penyelia disertasi ini yang telah memberi bimbingan, tunjuk ajar, teguran dan nasihat yang berterusan sehingga disertasi ini berjaya disiapkan dengan sempurna. Penghargaan juga ditujukan kepada para pensyarah khususnya pensyarah di Jabatan Fiqh dan Usul, yang turut memberi pandangan dan nasihat untuk menyiapkan disertasi ini.

Sekalung penghargaan dan jazákumullahu khairan kathirá buat suami tercinta Wan Azli b. Wan Chik yang banyak memberi komitmen dan menghulurkan pelbagai sumbangan sehingga disertasi ini berjaya dihasilkan. Doa berpanjangan buat anakanda yang dikasihi Wan Khadijah, Wan Mohd. Ubaidah dan Wan Saudah, semoga kalian dianugerahi kejayaan yang cemerlang di dunia dan akhirat.

Juga penghargaan buat bonda dan ayah mertua serta adinda Umar Fikri, Najahul Amani dan Wan Azlina, di atas sokongan moral yang diberikan. Tidak ketinggalan jutaan terima kasih kepada Ustazah Nornajwa, Ustazah Adibah dan Ukhtì Azlina Azlin yang turut sama memberikan bantuan dalam melicinkan lagi perlaksanaan kajian ini.

Seterusnya kepada pihak-pihak lain yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam menjayakan penulisan ini, jutaan terima kasih diucapkan. Semoga kajian ini dapat dimanfaatkan dan memberi sumbangan dalam memperkayakan khazanah ilmu serta sumber rujukan Islam.

RUHIL HAYATI BT. MOHD. BUSRA,  
Pusat Pengajian Al-Quran dan As-Sunnah (PUNSU),  
PUNSU Travel & Tours,  
Masjid Daerah Sultan Idris 11,  
36000 Teluk Intan,  
Perak.  
2011.

# KANDUNGAN

<b>TAJUK</b>	<b>HALAMAN</b>
PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN	ii
ABSTRAK	iii
ABSTRACT	iv
PENGHARGAAN	v
KANDUNGAN	vii
SENARAI KEPENDEKAN	xiii
PANDUAN TRANSLITERAS	xv
<b>BAB PERTAMA:</b>	
<b>PENDAHULUAN</b>	
1.1 Latarbelakang Masalah Kajian	1
1.2 Pengertian Tajuk	5
1.3 Objektif Kajian	6
1.4 Kepentingan Kajian	7
1.5 Ulasan Penulisan	7
1.6 Skop Kajian	17

1.7	Metodologi Penyelidikan	19
1.7.1	(a) Metod Pengumpulan Data	20
1.7.1	(b) Metod Dokumentasi	23
1.7.2	(a) Metod Historis	24
1.7.2	(b) Metod Analisa Data	24
1.8	Sistematika Penulisan	25

## BAB KEDUA:

### KEBERKESANAN MODUL BERSEPADU KURSUS PRAPERKAHWINAN ISLAM

2.1	Pengenalan	28
2.2	Keberkesanan Modul Bersepadu Kursus Praperkahwinan Islam	29

## BAB KETIGA:

### MODUL KURSUS PRAPERKAHWINAN

3.1	Pengenalan	51
3.2	Latarbelakang Pelaksanaan Kursus Praperkahwinan Islam Di Malaysia	55



3.2.1	Latarbelakang Modul Kursus Praperkahwinan Islam Di Jabatan Agama Islam Negeri Perak	56
3.3	Faktor-Faktor Kepentingan Modul Kursus Praperkahwinan Islam	60
3.3.1	Membantu Bakal Pengantin Membuat Persediaan Untuk Mendirikan Rumahtangga	60
3.3.2	Inisiatif Jabatan Agama Islam Untuk Membentuk Keluarga Muslim Dan Sakinah	61
3.3.3	Membantu Menangani Permasalahan Rumahtangga	62
3.4	Objektif Modul Kursus Praperkahwinan Islam	63
3.5	Pelaksanaan Modul Bersepadu Kursus Praperkahwinan Islam di Jabatan Agama Islam Negeri Perak, Darul Ridzuan	
3.5.1	Syarikat Atau Penganjur Kursus Praperkahwinan Islam	68
3.5.2	Statistik Bilangan Peserta Kursus	69
3.5.3	Aturcara Kursus Praperkahwinan Islam	70
3.5.4	Statistik Tahap Pencapaian Ujian Kelayakan Sijil Kursus Praperkahwinan Islam	71
3.6	Sumber Modul Bersepadu Kursus Praperkahwinan Islam (MBKPPI)	73
3.7	Rumusan	75

## BAB KEEMPAT

### ANALISA MODUL BERSEPADU KURSUS PRAPERKAHWINAN ISLAM DI JABATAN AGAMA ISLAM NEGERI PERAK, DARUL RIDZUAN.

4.1	Pengenalan	76
4.2	Bahagian A	
4.2.1	Latarbelakang Responden (Pemudahcara / Fasilitator)	76
4.2.1(a)	Jantina	77
4.2.1(b)	Kelulusan Akademik	78
4.2.1(c)	Pengalaman Sebagai Pemudahcara Kursus	78
4.2.2	Latarbelakang Responden (Peserta Kursus MBKPPI)	79
4.2.2(a)	Jantina	79
4.3	Bahagian B	80
4.3.1	Keberkesanan Dari Segi Dimensi Konteks	81
4.3.1.1	Sikap Dan Kesianaan Pemudahcara /Fasilitator Terhadap Modul Bersepadu Kursus Praperkahwinan Islam	82
4.3.1.2	Masalah-masalah Yang Dihadapi Dalam Pelaksanaan Modul Bersepadu Kursus Praperkahwinan Islam	85
4.3.2	Keberkesanan Dari Segi Dimensi Input	89

4.3.2.1	Tahap Keyakinan Pemudahcara	
	/Fasilitator Modul Bersepadu MBKPPI	
	Berdasarkan Topik-Topik Yang	
	Terdapat Dalam Sukatan	90
4.3.2.2	Kemudahan Kursus	93
4.3.2.3	Pelaksanaan Jadual Waktu Kursus	96
4.3.2.4	Sokongan Ketua Penolong Pengarah	
	Bahagian Pentadbiran Undang-Undang	
	Keluarga	99
4.3.2.5	Mengikuti Kursus Dalam Perkhidmatan	103
4.3.3	Keberkesanan Dari Dimensi Proses	105
4.3.3.1	Strategi Pengajaran Dan Pembelajaran	
	Mengikut Persepsi Pemudahcara	105
4.3.3.2	Strategi Pengajaran Dan Pembelajaran	
	Mengikut Pendapat Peserta	112
4.3.4	Keberkesanan Dari Segi Dimensi Produk	117
4.3.4.1	Pencapaian Objektif Modul Bersepadu	
	Kursus Praperkahwinan Islam (MBKPPI)	117
4.3.4.2	Perubahan Sikap Peserta Selepas Mengikuti	
	Modul Bersepadu Kursus Praperkahwinan	
	Islam (Persepsi Pemudahcara)	120

4.3.4.3	Perubahan Sikap Peserta Selepas Mengikuti Modul Bersepadu Kursus Praperkahwinan Islam (Persepsi Peserta)	124
4.4	Masalah-masalah Yang Dihadapi Oleh Penganjur- Penganjur Modul Bersepadu Kursus Praperkahwinan Islam (MBKPPI)	127
4.5	Kesimpulan	130

## BAB KELIMA:

### PENUTUP

5.1	Pengenalan	132
5.2	Kesimpulan	136
5.3	Saranan Dan Cadangan	139

BIBLIOGRAFI	144
-------------	-----

SENARAI LAMPIRAN	154
------------------	-----

## SENARAI KEPENDEKAN

a.s	-	‘Alayh al-Salam
bil	-	Bilangan
cet	-	Cetakan
Dr.	-	Doktor
et.al	-	Lebih dari seorang penulis
H	-	Hijrah
Hj	-	Haji
hlm	-	Halaman
Ibn	-	Ibnu
jld	-	Jilid
M	-	Masihi
no.	-	Nombor
<i>ibid</i>	-	Ibidem : Rujukan Sebelum
<i>op.cit</i>	-	Opera citato : Rujukan Berselang
Prof.	-	Professor
r.a	-	Radiya Allah ‘anhu
s.a.w	-	Salla Allahu ‘Alaihi wa sallam
sdn. bhd	-	Sendirian Berhad
s.w.t	-	Subhanahu wa Ta’ala
(t.t)	-	Tanpa Tarikh

- (t.t.p) - Tanpa Tempat Penerbitan
- terj. - Terjemahan
- MBKPPI - Modul Bersepadu Kursus Praperkahwinan Islam.

## PANDUAN TRANSLITERASI

Huruf Arab	Nama Dan Transkripsi
ا, ء	a, ' (Hamzah)
ب	b
ت	t
ث	th
ج	j
ح	ḥ
خ	kh
د	d
ذ	dh
ر	r
ز	z
س	s
ش	sh
ص	ṣ
ض	ḍ
ط	ṭ
ظ	ẓ
ع	'
غ	gh
ف	f
ق	q

ك	k
ل	l
م	m
ن	n
ه	h
و	w
ي	y
ة	h

Vokal Panjang	Transliterasi
ا / ي	= a
ي	= ī
و	= ū

Vokal Pendek	Transliterasi
____(fathah)	= a
____(kasrah)	= i
____(dammah)	= u



Diftong		Transliterasi
او	=	aw
ای	=	ay
و	=	uww
ی	=	iy/i

Sumber : Akademi Pengajian Islam (2006), *Buku Panduan Tesis / Disertasi Ijazah Tinggi*, Kuala

Lumpur : Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, hlm 30-32.

# **BAB PERTAMA**

## **PENDAHULUAN**

### **1.1 Latarbelakang Masalah Kajian**

Mutakhir ini kadar perceraian di kalangan masyarakat Islam di Malaysia adalah suatu isu yang sangat perlu diberi perhatian yang wajar. Ini kerana pada tahun 2000, 14.46% kes perceraian di Malaysia telah berlaku berbanding jumlah perkahwinan pada tahun berkenaan. Pada tahun 2003 pula kadarnya meningkat kepada 15.22% dan pada tahun 2006 kadar tersebut telah meningkat 16.95%. Seterusnya pada tahun 2008 pula mencatatkan sebanyak 22,289 kes perceraian di Malaysia atau 17.10% kes dari jumlah 130,314 perkahwinan.<sup>1</sup>

Pada tahun 1990, 14% perceraian telah berlaku berbanding jumlah perkahwinan pada tahun berkenaan. Pada tahun 1991 pula kadarnya meningkat kepada 20%. Di negeri-negeri di utara Semenanjung antara tahun 1985 sehingga tahun 1991, di Kedah misalnya 8,682 bilangan kes perceraian berlaku atau 13.83% dari jumlah 62,714 perkahwinan, di Perlis 2,113 kes perceraian atau 22.79% dari jumlah 9,272 perkahwinan. Sementara itu, di

---

<sup>1</sup>Laman Utama, <http://www.islam.gov.my/informasi/statistik> perceraian seluruh Malaysia. php, 04 April 2010.

Pulau Pinang pula mencatat 3,939 kes perceraian atau 17.4% kes dari jumlah 22,638 perkahwinan.<sup>2</sup>

Merujuk perangkaan di atas dapatlah disimpulkan bahawa daripada sepuluh perkahwinan Islam di Malaysia, sekurang-kurangnya tiga daripadanya menghadapi krisis yang serius. Manakala dua atau satu daripada perkahwinan berkenaan tidak dapat mengatasi krisis itu dan terpaksa dibubarkan. Justeru mengadakan Kursus Praperkahwinan Islam adalah merupakan satu alternatif pihak Jabatan Agama bagi menangani konflik rumahtangga yang boleh membawa kepada perceraian.

Sulaiman Endut dalam penulisannya menyatakan bahawa kursus praperkahwinan hendaklah diwajibkan bagi pasangan-pasangan yang akan melangsungkan perkahwinan. Ini kerana berdasarkan kepada kajian rambang di Wilayah Persekutuan di dapati kursus tersebut amat berjaya mengatasi kadar perceraian di kalangan pasangan yang berkursus. Di dapati daripada 3,000 pasangan yang berkahwin sejak tahun 1992 sehingga 1994, kadar perceraian di kalangan mereka ialah satu peratus sahaja.<sup>3</sup>

Berdasarkan perangkaan kadar perceraian di Perak pada tahun 1987 sehingga 1989 didapati daripada 9,000 pasangan yang telah berkahwin, kadar perceraian di kalangan mereka adalah 11.0%. Selepas 5 tahun pelaksanaan Kursus Praperkahwinan Islam, statistik menunjukkan kadar perceraian telah

---

<sup>2</sup> Idris Awang, *Keperluan Badan Khidmat Nasihat Keluarga Dalam Menyelesaikan Krisis Rumahtangga*, *Jurnal Syariah*, Jilid 1, Bil 2, 1993 hlm 223-224.

<sup>3</sup> Sulaiman Endut (1997), *Ingin Tahu Perkahwinan*, Kuala Lumpur : Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd, Kuala Lumpur, hlm 131.

menurun iaitu dari tahun 1990 sehingga 1995, daripada 58,705 perkahwinan, kadar perceraian telah menurun sehingga 7.6%.<sup>4</sup>

Meskipun kursus ini menunjukkan pencapaian dalam perlaksanaannya, namun terdapat kajian yang menunjukkan bahawa terdapat beberapa kelemahan dalam pelaksanaannya. Menurut kajian Syarifah Syukriah, pihak penganjur Kursus Praperkahwinan Islam MBKPPI hendaklah mengatur jadual yang bersesuaian dan tidak terlalu ketat agar peserta tidak merasa tertekan semasa menghadiri kursus tersebut. Pihak penganjur kursus MBKPPI juga hendaklah memastikan pemudahcara dapat menepati waktu permulaan dan waktu akhir kursus mengikut jadual yang ditetapkan.<sup>5</sup>

Selain itu terdapat peserta kursus yang tidak berpuas hati dengan kelancaran perjalanan kursus. Mereka menyatakan bahawa terdapat sesetengah program yang bermula lewat daripada yang dijadualkan. Ini menyebabkan dewan menjadi bising dengan suara peserta berborak sesama mereka. Tidak kurang juga yang mengambil peluang ini untuk berjumpa dengan pasangan masing-masing di luar dewan. Seharusnya pihak penganjur kursus dapat bertindak tegas terhadap permasalahan ini.

Kajian Syarifah Syukriah mendapati 10% responden menyatakan ketidakpuasan hati mereka terhadap tempat yang disediakan. Tempat yang

---

<sup>4</sup>“Statistik Nikah, Cerai Dan Rujuk dari Tahun 1987 hingga 2005” yang dikeluarkan oleh Bahagian Pentadbiran Undang-Undang Syariah, Jabatan Agama Islam Negeri Perak.

<sup>5</sup> Syarifah Syukriah binti Tun Habib (2003), *Kursus Pra Perkahwinan Islam : Analisis, Metode Dan Pelaksanaan Serta Keberkesanannya Dalam Pembentukan Institusi Kekeluargaan Islam di Wilayah Persekutuan*. (Tesis Sarjana, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia), hlm. 54

tidak selesa dan kurang kelengkapan ini dikatakan kurang sesuai untuk diadakan kursus. Manakala 6% responden berpendapat aspek kemudahan dan yuran kursus MBKPPI perlu diberi perhatian. Pihak penganjur kursus perlu menyediakan ruang surau yang lebih luas bagi membolehkan peserta sembahyang secara berjemaah. Terdapat juga yang berpendapat bahawa yuran kursus MBKPPI adalah terlalu tinggi.

Selain daripada itu, didapati 3% responden mencadangkan agar bilangan peserta dihadkan untuk satu-satu kursus MBKPPI.<sup>6</sup> Mengikuti kajian Towil Juraimi mendapati 90% daripada responden menyatakan tempat kursus MBKPPI sesuai dan selesa serta 7.5% responden lagi tidak pasti. Manakala 2.5% daripada responden yang mendakwa tempat tersebut tidak selesa dan tidak sesuai.<sup>7</sup>

Hakikatnya terdapat berbagai masalah dan isu yang berbangkit daripada pelaksanaan Modul Bersepadu Kursus Praperkahwinan Islam (MBKPPI). Justeru, hal ini perlu dikenalpasti dan dinilai secara terperinci bagi menganalisis sejauh mana keberkesanan pelaksanaan MBKPPI menepati kehendak dan sasaran seterusnya mampu memberikan faedah kepada bakal pasangan suami isteri.

---

<sup>6</sup> *Ibid*, hlm. 57

<sup>7</sup> Towil bin Juraimi (1999), *Kursus Pra Perkahwinan : Suatu Kajian Tentang Prosedur Dan Kaedah Yang Digunakan Di Negeri Selangor Darul Ehsan*. (Tesis Sarjana, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia), hlm. 75

## 1.2 Pengertian Tajuk

Tajuk bagi tesis ini ialah “Modul Kursus Praperkahwinan Islam; Kajian Terhadap Keberkesanannya Di Jabatan Agama Islam Negeri Perak, Darul Ridzuan ”.

Modul : Kursus pelajaran (latihan dan sebagainya) yang dapat dilaksanakan secara tersendiri ke arah pencapaian sesuatu kelayakan atau kemahiran.<sup>8</sup>

Kursus : Pelajaran mengenai sesuatu perkara (kepandaian, pengetahuan dan sebagainya) yang diberikan dalam jangkamasa yang agak singkat.<sup>9</sup>

Praperkahwinan : Awalan yang bermakna sebelum perikatan yang sah antara seorang lelaki dengan seorang perempuan untuk menjadi suami isteri atau bernikah.<sup>10</sup>

Keberkesanan : Perihal berkesannya sesuatu tindakan atau perubahan.<sup>11</sup>

Jabatan Agama Islam Perak : Ia mempunyai beberapa bahagian

---

<sup>8</sup> Azizah Md Hussain et.al (2007), *Kamus Dewan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 1040.

<sup>9</sup> *Ibid.* hlm. 857

<sup>10</sup> *Ibid.* hlm. 655

<sup>11</sup> *Ibid.* hlm. 772

pentadbiran dan jabatan di bawah tadbir

Jabatan Agama Islam Perak iaitu:-

- a) Jabatan Agama Islam Daerah Negeri Perak.
- b) Bahagian Pentadbiran Undang-undang Syariah.
- c) Bahagian Penguatkuasaan Undang-undang Syariah .
- d) Bahagian Penyelidikan.
- e) Bahagian Dakwah.
- f) Bahagian Pendakwaan.
- g) Bahagian Pendidikan.

### **1.3 Objektif Kajian**

Objektif kajian ini ialah :-

- a) Menganalisis pelaksanaan Modul Bersepadu Kursus Praperkahwinan Islam di Jabatan Agama Islam negeri Perak.
- b) Mengenal pasti masalah dan isu yang berbangkit dari pelaksanaan Modul Bersepadu Kursus Praperkahwinan Islam .
- c) Menganalisa tahap keberkesanan pelaksanaan Modul Bersepadu Kursus Praperkahwinan Islam di Jabatan Agama Islam negeri Perak berdasarkan model penilaian konteks, input, proses dan produk.

#### **1.4 Kepentingan Kajian.**

Kajian berkaitan pelaksanaan Kursus Praperkahwinan Islam ini amat perlu diketengahkan agar hasil dapatan kajian ini dapat dimanfaatkan dan memberikan sumbangan positif kepada Bahagian Pentadbiran Undang-Undang Syariah di Jabatan Agama Islam Perak khususnya penganjur-penganjur Kursus Praperkahwinan Islam dan semua pihak yang terlibat dalam pelaksanaan kursus tersebut.

#### **1.5 Ulasan Penulisan**

Isu konflik rumahtangga sering diperkatakan dan menjadi perbualan yang hangat dalam kehidupan harian. Perjalanan rumahtangga yang tidak terlepas daripada pelbagai masalah memerlukan kekuatan keimanan yang teguh dalam sesebuah institusi kekeluargaan. Implikasi paling serius anak-anak menjadi mangsa keadaan dan mengheret mereka dengan masalah-masalah sosial.

Fenomena ini sebahagian besarnya kesan dari kegoyahan dan kelemahan institusi kekeluargaan dalam menyusun strategi dan perancangan bagi membentuk sebuah keluarga muslim dan melahirkan insan-insan soleh untuk kecemerlangan agama, bangsa dan negara.



Menyingkap permasalahan ini, maka telah banyak kajian yang telah dijalankan sama ada oleh individu mahupun sesebuah organisasi yang terlibat bagi menangani permasalahan ini, sekaligus mencari jalan penyelesaian.

Antara topik utama perbincangan yang dijadikan landas permasalahan kajian oleh para penyelidik ialah tentang keberkesanan kaedah serta pelaksanaan kursus praperkahwinan Islam yang dilaksanakan di Malaysia bagi persediaan setiap bakal pengantin yang akan mendirikan rumahtangga. Skop kajian yang dijalankan adakalanya terhad bagi sesebuah negeri sahaja.

Antara kajian yang pernah dijalankan berkenaan kursus praperkahwinan Islam ialah kajian yang telah dilakukan oleh Towil bin Juraimi di dalam tesis Sarjana Pengajian Islam di Universiti Kebangsaan Malaysia pada tahun 1999. Tesis tersebut bertajuk "*Kursus Praperkahwinan : Satu kajian tentang prosedur dan kaedah yang digunakan di negeri Selangor Darul Ehsan*".

Antara kesimpulan yang dibuat oleh Towil bin Juraimi tentang kursus praperkahwinan Islam ialah beliau telah menjelaskan tentang keberkesanan kursus praperkahwinan ini sebagai salah satu kaedah bagi membantu bakal-bakal pengantin membuat persiapan diri untuk mendirikan rumahtangga. Namun skop kajian tersebut lebih menjurus tentang aspek prosedur dan kaedah yang digunakan dalam pengendalian kursus tersebut.

Beliau juga hanya menjalankan kajian terhadap 80 orang peserta yang menghadiri Kursus Praperkahwinan Islam di Pejabat Agama Islam Kuala Langat, Selangor.<sup>12</sup> Pada masa yang sama, perincian tentang keberkesanan pelaksanaan kursus tersebut kurang dinyatakan secara lengkap. Begitu juga, tidak dinyatakan bagaimana pengawalan oleh pihak Jabatan Agama Islam negeri Selangor terhadap pelaksanaan kaedah yang digunakan sepanjang kursus tersebut dijalankan.

Walau bagaimanapun, usaha yang dilakukan oleh Towil bin Juraimi itu adalah suatu usaha yang baik dan sumbangan yang dapat dimanfaatkan bagi mendedahkan pelaksanaan Kursus Praperkahwinan Islam di negeri Selangor.

Manakala kajian-kajian lain berkaitan Kursus Praperkahwinan Islam yang pernah dijalankan ialah kajian yang dilakukan oleh Syarifah Syukriah binti Tuan Habib di dalam tesis Sarjana Pengajian Islam di Universiti Kebangsaan Malaysia pada tahun 2003. Tesis tersebut bertajuk "*Kursus Praperkahwinan Islam : Analisis, Metode Dan Pelaksanaan serta keberkesanannya dalam pembentukan institusi kekeluargaan Islam Di Wilayah Persekutuan*".

Kajian tersebut lebih memfokuskan tentang metode dan keberkesanan pelaksanaannya serta isi kandungan modul yang digunakan dalam Kursus

---

<sup>12</sup> Towil bin Juraimi (1999), *Kursus Pra Perkahwinan : Satu Kajian Tentang Prosedur Dan Kaedah Yang Digunakan Di Negeri Selangor Darul Ehsan.* (Tesis Sarjana Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia), hlm. 66

Praperkahwinan Islam. Di samping itu, beliau juga membuat kajian tentang penganalisaan dan penilaian mengenai sejauhmana keberkesanan modul yang digunakan dalam kursus tersebut. Ternyata hasil dapatan kajian tersebut menunjukkan bahawa kursus praperkahwinan Islam yang dilaksanakan dapat membantu bakal-bakal pengantin membuat persiapan untuk membina rumahtangga yang harmoni dan sejahtera.<sup>13</sup>

Siti Masliza pula telah membincangkan dalam kertas projeknya perkara yang berkaitan dengan keluarga bahagia dan ciri-ciri keluarga bahagia. Beliau menjelaskan tentang pelaksanaan Kursus Praperkahwinan Islam di negeri Selangor dan menganalisa keberkesanan kursus tersebut dalam membentuk keluarga bahagia.

Namun demikian, beliau juga hanya menjalankan kajian terhadap 50 orang peserta yang menyertai Kursus Praperkahwinan Islam di negeri Selangor. Antara kesimpulan yang dinyatakan dalam kajian tersebut ialah kursus tersebut memainkan peranan di dalam memberi ilmu pengetahuan kekeluargaan.<sup>14</sup>

Hasil kajian menunjukkan masih terdapat banyak kelemahan yang terdapat dalam pelaksanaan kursus tersebut, antaranya ialah kelemahan oleh pihak penganjur kursus. Beliau menjelaskan pihak penganjur perlu lebih peka

---

<sup>13</sup> Syarifah Syukriah binti Tun Habib (2003), "*Kursus Pra Perkahwinan Islam : Analisis, Metode Dan Pelaksanaan Serta Keberkesanannya Dalam Pembentukan Institusi Kekeluargaan Islam di Wilayah Persekutuan*". (Tesis Sarjana , Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia), hlm. 85

<sup>14</sup> Siti Masliza Mustapha (1996/1997), *Kursus Pra perkahwinan : Fungsi Dan Kesannya di Dalam Membentuk Keluarga Bahagia, Satu Tinjauan di Selangor Darul Ehsan*. (Kertas Projek, Fakulti Syariah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya), hlm 96.

terhadap tajuk-tajuk yang dibincangkan agar tujuan dan matlamat kursus dapat dicapai. Kerjasama dari para peserta kursus juga diperlukan supaya perjalanan kursus akan lebih lancar dan menepati masa yang ditetapkan.

Yusnita binti Marjuki dalam kertas projeknya bertajuk "*Kursus Praperkahwinan Jabatan Agama Islam Selangor : Kajian Mengenai Permasalahan.*"

Kajian ini lebih menjurus ke arah mengenalpasti masalah-masalah yang dihadapi sepanjang pelaksanaan kursus tersebut dijalankan. Kajian ini dijalankan terhadap 30 orang peserta yang menyertai kursus tersebut. Hasil dapatan kajian tersebut menunjukkan bahawa Kursus Praperkahwinan Islam memberi kesan dan memainkan peranan penting dalam usaha mewujudkan keluarga bahagia dan mengurangkan kadar perceraian khususnya di negeri Selangor. Namun matlamat ini tidak akan tercapai sekiranya terdapat masalah-masalah yang menghalang perjalanan program dengan lancar.<sup>15</sup>

Latipah binti Lebai Mat dalam kertas projeknya yang bertajuk "*Kursus Praperkahwinan : Satu Tinjauan Tentang Perlaksanaan Dan Kesannya Di Daerah Kota Setar, Kedah*" memfokuskan tentang kaedah perlaksanaan kursus dan kesannya di daerah Kota Setar, Kedah yang dianjurkan oleh badan dan pertubuhan swasta. Kajian ini dilakukan terhadap 48 orang peserta kursus yang dianjurkan oleh salah satu syarikat yang

---

<sup>15</sup> Yusnita Marjuki (2003), *Kursus Pra Perkahwinan Jabatan Agama Islam Selangor: Kajian Mengenai Permasalahan*, (Kertas Projek, Bahagian Pengajian Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya), hlm. 58.

terdapat di daerah Kota Setar iaitu Yiked Training and Consultancy Sdn. Bhd. Antara kesimpulan yang dinyatakan oleh beliau ialah kursus tersebut memberi kesan yang positif terhadap peserta kursus yang dapat dijadikan panduan berguna dalam menempuh alam rumahtangga.<sup>16</sup>

Safuah binti Yaacob pula dalam kajiannya yang bertajuk "*Kursus Praperkahwinan : Satu Tinjauan Pelaksanaan Dan Kesannya Di Pantai Timur*" yang dilakukan terhadap 48 orang peserta kursus tersebut.

Antara kesimpulan yang dibuat oleh Safuah ialah Kursus Praperkahwinan Islam amat diperlukan di zaman sekarang. Ini kerana masyarakat Islam kini terdedah dengan pelbagai cabaran. Beliau menyimpulkan bahawa kejayaan pelaksanaan kursus tersebut hanya dapat dicapai melalui pengurusan strategik dan sistematik dari pihak Jabatan Agama Islam Negeri serta kerjasama yang diberikan oleh semua peserta kursus.<sup>17</sup>

Siti Minah Abdul Rahim (1997), dalam kajiannya yang bertajuk "*Kursus Perkahwinan Peranan Dan Sumbangannya Dalam Mengurangkan Masalah Kekeluargaan, Satu Kajian di Daerah Taiping, Perak Darul Ridzuan*", telah mengulas mengenai kejayaan pelaksanaan kursus perkahwinan dalam menangani konflik kekeluargaan dan kes perceraian di daerah Taiping. Dengan menggunakan kaedah soal selidik hasil kajian beliau mendapati daripada 85 kes perceraian dari tahun 1989 sehingga 1996 secara rawak, hanya 30 kes atau 35% adalah pasangan yang berkahwin pada tahun-tahun

---

<sup>16</sup> Latipah binti Lebai Mat (2003), *op.cit*, hlm. 48

<sup>17</sup> Safuah binti Yaacob (2000), *op.cit*, hlm. 68

selepas kursus perkahwinan diwajibkan berbanding 55 kes daripada pasangan yang berkahwin sebelum kursus dilaksanakan.<sup>18</sup>

Siti Minah Abdul Rahim merumuskan dalam kajiannya bahawa kursus perkahwinan banyak memberi sumbangan dalam memberi kefahaman tentang agama terutamanya tentang asas-asas perkahwinan kepada bakal suami isteri di daerah Taiping. Hasil dari kursus tersebut masalah keluarga dapat dikurangkan. Walaupun terdapat beberapa masalah yang masih melanda pasangan yang telah berkursus namun ianya bukanlah semata-mata disebabkan faktor ketidakberkesanan kursus tetapi juga disebabkan oleh faktor-faktor lain.<sup>19</sup>

Marzuki Senafi (1997), melalui kajiannya yang bertajuk "*Kajian Di Mahkamah Syariah Manjung Mengenai Kadar Perceraian Dan Keberkesanan Kursus Praperkahwinan*" mendapati pelaksanaan kursus praperkahwinan yang dijalankan dapat mengurangkan masalah perceraian dari masa ke semasa. Ini berdasarkan perangkaan kadar cerai dan rujuk, yang menunjukkan pertambahan kepada bilangan pasangan yang rujuk kembali setelah bercerai dari setahun ke setahun. Purata menunjukkan 13.7% daripada pasangan yang bercerai setiap tahun telah rujuk kembali.<sup>20</sup>

---

<sup>18</sup> Siti Minah Abdul Rahim (1997), "*Kursus Perkahwinan Peranan Dan Sumbangannya Dalam Mengurangkan Masalah Kekeluargaan, Satu Kajian di Daerah Taiping Perak Darul Ridzuan*", (Kertas Projek, Fakulti Syariah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya), hlm. 72

<sup>19</sup> *Ibid*, hlm. 83

<sup>20</sup> Marzuki Senafi (1997), "*Kajian Di Mahkamah Syariah Manjung Mengenai Kadar Perceraian Dan Keberkesanan Kursus Pra Perkahwinan*", (Kertas Projek, Fakulti Syariah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya), hlm. 70.

Marzuki Senafi menyimpulkan bahawa kursus praperkahwinan adalah merupakan satu program yang banyak memberi manfaat kepada pasangan yang ingin mendirikan rumahtangga. Namun begitu, banyak program keilmuan lain yang boleh dianjurkan seperti kaunseling, program keluarga bahagia dan seumpamanya dalam memupuk keluarga yang harmoni dan kekal selamanya.<sup>21</sup>

Rohaidah Awang Nik (1997), dalam kajiannya “*Prosedur Praperkahwinan : Satu Kajian Tentang Pelaksanaannya Di Daerah Temerloh, Pahang Darul Makmur*” memfokuskan tentang prosedur kursus pra perkahwinan di daerah Temerloh, Pahang. Menurut beliau secara keseluruhannya prosedur yang dilaksanakan ini dapat mencapai matlamat yang diharapkan oleh pihak yang terlibat. Walaupun masih terdapat beberapa kelemahan namun ia sentiasa diperbaiki dari masa ke semasa.<sup>22</sup>

Beberapa buah buku mengenai Modul Kursus Praperkahwinan Islam ialah *Modul Bersepadu Kursus Praperkahwinan Islam (1996)* terbitan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, yang membincangkan tentang isi kandungan modul di dalam Kursus Praperkahwinan Islam iaitu modul pertama: asas pembinaan insan, modul kedua: prosedur undang-undang kekeluargaan dan modul ketiga: kemahiran keibubapaan dan pengurusan rumahtangga.<sup>23</sup>

---

<sup>21</sup> *Ibid*, hlm 71

<sup>22</sup> Rohaidah Awang Nik (1997), *Prosedur Pra Perkahwinan : Satu Kajian Tentang Pelaksanaannya di Daerah Temerloh Pahang Darul Makmur*, (Kertas Projek, Fakulti Syariah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya), hlm. 66

<sup>23</sup> Abdul Hamid Hj Zainal Abidin, et.al (1996), *Modul Bersepadu Kursus Pra Perkahwinan Islam (MBKPPI)*, Kuala Lumpur : Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, hlm.iii

Manakala buku *Modul Bersepadu Kursus Praperkahwinan Islam Semakan 2002*, terbitan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia adalah merupakan hasil semakan semula *Modul Bersepadu Kursus Praperkahwinan Islam (1996)* yang telahpun digunapakai selama 5 tahun. Penyemakan dan penyusunan semula MBKPPI versi 2002 ini merupakan penambahbaikan isi kandungan, susunan tajuk serta masa yang ditetapkan bagi setiap tajuk bagi memenuhi keperluan semasa masyarakat Islam. Buku ini disediakan untuk dijadikan bahan rujukan para pemudahcara Kursus Praperkahwinan Islam.<sup>24</sup>

Selain daripada itu, buku *Memasuki Gerbang Perkahwinan (2004)* yang diterbitkan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia membincangkan mengenai modul Kursus Praperkahwinan Islam sebagaimana yang dimuatkan di dalam buku *Modul Bersepadu Kursus Praperkawinan Islam*. Buku ini disediakan untuk rujukan para peserta Kursus Praperkahwinan Islam.<sup>25</sup>

Buku *Memasuki Gerbang Perkahwinan edisi kedua (2008)*, terbitan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia adalah penambahbaikan daripada buku *Memasuki Gerbang Perkahwinan 2004*. Penambahbaikan tersebut ialah mengenai panduan untuk mengatasi stress dan konflik yang menjadi isu dalam keruntuhan institusi keluarga masakini.<sup>26</sup>

---

<sup>24</sup> Mohammad Shahir Hj Abdullah, et.al (2002), *Modul Bersepadu Kursus Pra Perkahwinan Islam (MBKPPI)*. Kuala Lumpur : Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, hlm. iii

<sup>25</sup> Ghazali Hj Abd Rahman. et.al (2004), *Memasuki Gerbang Perkahwinan*. Kuala Lumpur : Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, hlm. vii

<sup>26</sup> Ghazali Hj Abd. Rahman. et.al (2008), *Memasuki Gerbang Perkahwinan*. Kuala Lumpur : Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, hlm. v



Buku *Garis Panduan Pengawalan Pelaksanaan Modul Bersepadu Kursus Praperkahwinan Islam 1997*, terbitan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia ini disediakan sebagai rujukan dan panduan yang seragam bagi Jabatan Agama Islam Negeri dan syarikat atau penganjur yang melaksanakan Kursus Praperkahwinan Islam.<sup>27</sup>

Buku *Garis Panduan Pengawalan Pelaksanaan Modul Bersepadu Kursus Praperkahwinan Islam Dan MBKPPI Saudara Baru (2002)*, terbitan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia merupakan penambahbaikan bagi buku *Garis Panduan Pengawalan Pelaksanaan Modul Bersepadu 1997*. Garis panduan ini menjadi panduan dan rujukan bagi Jabatan Kemajuan Islam Malaysia dan Jabatan Agama Islam Negeri dalam membuat pemantauan yang bersistematik terhadap pelaksanaan MBKPPI oleh penganjur Kursus Praperkahwinan Islam.<sup>28</sup>

Manakala buku *Garis Panduan Pengawalan Pelaksanaan Modul Bersepadu Kursus Praperkahwinan Islam* terbitan Jabatan Agama Islam Perak ini disediakan sebagai rujukan dan panduan yang seragam kepada Jabatan Agama Islam negeri Perak serta syarikat atau penganjur yang melaksanakan Kursus Praperkahwinan Islam di negeri Perak.<sup>29</sup>

---

<sup>27</sup> Mustafa b. Abd. Rahman, et.al (1997), *Garis Panduan Pengawalan Pelaksanaan Modul Bersepadu Kursus Pra Perkahwinan Islam*, Kuala Lumpur : Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, hlm. 1

<sup>28</sup> Mohamad Shahir Hj Abdullah. et.al (2002), *Garis Panduan Pengawalan Pelaksanaan Modul Bersepadu Kursus Pra Perkahwinan Islam (MBKPPI) Dan MBKPPI Saudara Baru*, Kuala Lumpur : Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, hlm. iv

<sup>29</sup> Zakaria b. Abd Razak. et.al (2005), *Garis Panduan Pengawalan Pelaksanaan Modul Bersepadu Kursus Pra Perkahwinan Islam (MBKPPI)*, Ipoh : Jabatan Agama Islam Perak, hlm. 1

Seterusnya buku *Garis Panduan Pengawalan Pelaksanaan Modul Bersepadu Kursus Praperkahwinan Islam 2008*, merupakan penambahbaikan bagi buku *Garis Panduan Pengawalan Pelaksanaan Modul Bersepadu Kursus Praperkahwinan Islam 2005*.<sup>30</sup>

Berdasarkan kajian-kajian lalu menunjukkan bahawa topik ini memerlukan kajian yang selanjutnya agar penyelidikan yang lengkap dan menyeluruh dapat dihasilkan khasnya pelaksanaan Modul Bersepadu Kursus Praperkahwinan Islam di Jabatan Agama Islam negeri Perak. Kebanyakan kajian lalu hanya menyentuh beberapa sudut tertentu sahaja tanpa membuat kajian menyeluruh berkaitan pelaksanaan Modul Bersepadu MBKPPI dan ia hanya tertumpu di negeri-negeri dan daerah tertentu sahaja.

Justeru, kajian yang dibuat ini akan mengkaji secara mendalam dan menyeluruh keberkesanan pelaksanaan Modul Bersepadu MBKPPI di Jabatan Agama Islam negeri Perak berdasarkan penilaian konteks, input, proses dan produk bagi mengenalpasti masalah dan isu berbangkit daripada pelaksanaan kursus tersebut.

## **1.6 Skop Kajian**

Kajian ini tertumpu kepada dua skop utama. Pertama, kajian ini merangkumi latarbelakang dan sejarah modul Kursus Praperkahwinan Islam,

---

<sup>30</sup> Zakaria b. Abd Razak. et.al (2008), *Garis Panduan Pengawalan Pelaksanaan Modul Bersepadu Kursus Pra Perkahwinan Islam (MBKPPI)*, Ipoh : Jabatan Agama Islam Perak, hlm.1

pelaksanaan modul yang diguna pakai dalam kursus tersebut, faktor-faktor kepentingan dan objektif modul serta sumber modul tersebut.

Kedua, skop pengkajian ini akan menjurus kepada Modul Bersepadu Kursus Praperkahwinan Islam di Jabatan Agama Islam Negeri Perak berdasarkan penilaian dari dimensi konteks, input, proses dan produk oleh Stufflebeam. Menurut Stufflebeam, penilaian pada asas adalah satu proses untuk mendapatkan dan menggunakan maklumat bagi membuat sesuatu keputusan.<sup>31</sup>

Penilaian konteks menyentuh tentang sikap dan kesediaan pemudahcara terhadap modul kursus dan masalah-masalah yang dihadapi dalam pelaksanaan modul tersebut. Penilaian input pula ialah tahap keyakinan pemudahcara berdasarkan topik-topik dalam modul, kemudahan kursus, penjadualan waktu kursus dan sokongan pihak Ketua Penolong Pengarah Bahagian Pentadbiran Undang-Undang Keluarga Jabatan Agama Islam Perak.

Manakala penilaian proses berkaitan strategi pengajaran dan pembelajaran dari persepsi pemudahcara dan peserta kursus. Kajian dari penilaian produk ialah mengenai pencapaian objektif modul dan perubahan sikap peserta selepas mengikuti modul menurut persepsi pemudahcara dan peserta kursus.

---

<sup>31</sup> Daniel L. Stufflebeam dan Anthony (1985), *Systematic Evaluation : A Self-Instructional Guide to Theory and Practice*. Boston : Kluwer – Nojhoff Publishing, hlm. 151.

## 1.7 Metodologi Penyelidikan

Dalam penyelidikan ilmiah, metodologi memainkan peranan penting untuk mendapatkan data dan fakta secara sistematik dan kolektif bagi menghasilkan sesuatu kajian yang berkualiti.

Metodologi ialah kaedah yang akan digunakan sama ada untuk mengumpul data atau menganalisis data. Penghuraian perkara ini sangat penting bagi melihat kaedah-kaedah yang dirangka boleh mencapai objektif yang dicadangkan.<sup>32</sup> Manakala perkataan penyelidikan pula bermaksud usaha-usaha untuk memperolehi data dan fakta yang diperlukan untuk mendapatkan perumusan dan akhirnya merumuskan generalisasi.<sup>33</sup>

Bagi menyempurnakan penulisan dan melengkapkan kajian ini beberapa kaedah telah digunakan berdasarkan teori-teori penyelidikan terkini iaitu:

- a. Metod Pengumpulan Data
- b. Metod Dokumentasi

---

<sup>32</sup> Ahmad Sunawari Long (2006), *Pengenalan Metodologi Penyelidikan Pengajian Islam*, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, hlm 42

<sup>33</sup> Koentjaraningrat, Raden Mas (1997), *Metode-Metode Penelitian Masyarakat*, Jakarta: P.T Gramedia, hlm 13

### **1.7.1(a) Metod Pengumpulan Data**

Proses pengumpulan data-data kajian yang dijalankan ini melalui dua bentuk pendekatan iaitu:

i) **Kajian Perpustakaan.**

Kaedah perpustakaan adalah langkah asas pertama yang digunakan oleh penyelidik bagi melakukan kajian terhadap objek-objek penyelidikan. Menerusi kaedah ini, fakta-fakta dalam semua bentuk dokumentasi melalui bahan rujukan dari sumber-sumber perpustakaan seperti buku-buku, jurnal-jurnal, risalah-risalah dan bahan-bahan rujukan yang sesuai telah digunakan untuk memperolehi setiap maklumat berkenaan Pelaksanaan Modul Bersepadu Kursus Praperkahwinan Islam MBKPPI. Selain itu, sumber internet digunakan penyelidik dalam bab satu dan dua.

Perpustakaan-perpustakaan yang dikunjungi ialah Perpustakaan Utama, Universiti Malaya, Perpustakaan Peringatan Zaaba, Universiti Malaya, Perpustakaan Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Perpustakaan Tun Sri Lanang, Universiti Kebangsaan Malaysia, Perpustakaan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Perpustakaan Sultan Abdul Samad, Universiti Putra Malaysia, Perpustakaan Awam Islam, Pusat Islam Malaysia, Perpustakaan Negara, Kuala Lumpur dan

Perpustakaan Tun Abdul Razak, Ipoh. Ini bertujuan bagi memperoleh bahan-bahan rujukan dari pelbagai versi sama ada dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris, mahupun dalam Bahasa Arab.

ii) Kajian Lapangan.

Kajian lapangan banyak digunakan penyelidik bagi membuat penyelidikan secara langsung dengan objek kajian yang dipilih untuk diteliti dan dikaji serta dibuat rumusan dan kesimpulan darinya. Konsep ini memerlukan penelitian secara langsung dari penyelidik dengan menggunakan kaedah-kaedah tertentu untuk mendapatkan data dan fakta bagi menghasilkan dapatan kajian yang tepat dan berkualiti.

Metod temubual dan pemerhatian dilakukan dalam bab tiga dan empat terhadap pihak penganjur Kursus Praperkahwinan Islam MBKPPI, pemudahcara-pemudahcara kursus dan para peserta kursus MBKPPI dalam usaha penyelidikan untuk mengumpul maklumat atau data bagi memperkukuhkan kesahan kajian.

Selain itu, metod soal-selidik telah digunakan dalam bab empat untuk mendapatkan data-data primer berkaitan keberkesanan pelaksanaan Modul Bersepadu MBKPPI. Untuk tujuan ini, set soalan telah disediakan untuk dijawab oleh responden.

### Soal selidik

Menerusi metod ini, sebanyak 2 set soal selidik telah disediakan. Set pertama disediakan untuk responden pemudahcara Kursus Praperkahwinan Islam MBKPPI. Manakala set kedua pula disediakan untuk responden para peserta kursus tersebut. Metod ini selanjutnya dilaksanakan berdasarkan aspek-aspek berikut:-

- a) Persampelan
  - i. Set soal selidik 1 – Sampel kajian terdiri daripada pemudahcara-pemudahcara Kursus Praperkahwinan Islam MBKPPI di Jabatan Agama Islam negeri Perak. Borang soal selidik yang diedarkan, dikembarkan bersama-sama surat yang menyatakan tujuan ianya dijalankan. Sebanyak 40 set borang soal selidik telah diedarkan, sebanyak 24 set ( N=24 ) daripadanya telah dikembalikan, iaitu kadar responden adalah sebanyak 60%.
  - ii. Set soal selidik 2 - Sampel kajian terdiri daripada peserta-peserta Kursus Praperkahwinan Islam MBKPPI di Jabatan Agama Islam negeri Perak. Pengedaran dan penerimaan borang soal selidik tersebut telah mendapat kerjasama dari

pihak urusetia penganjur-penganjur kursus yang berdaftar di bawah Jabatan Agama Islam negeri Perak. Sebanyak 300 set borang soal selidik telah diedarkan kepada responden. Borang soal selidik tersebut dikembarkan bersama-sama surat yang menyatakan tujuan ianya dijalankan. Daripada jumlah kesemua borang soal selidik yang diedarkan, sebanyak 298 ( N=298 ) daripadanya dikembalikan dengan sempurna, iaitu kadar responden adalah sebanyak 99.3%.

#### **1.7.1 (b) Metod Dokumentasi**

Setelah proses pengumpulan data dilakukan, maka kesemua data dan fakta yang diperolehi perlu didokumentasikan dengan penyusunan teratur dan kemas. Justeru penyelidik menggunakan beberapa metod bagi menyiapkan proses penyusunan kajian ilmiah ini sama ada terdiri daripada sumber primari atau sekunder.<sup>34</sup> Antara metod yang digunakan di dalam kajian ini ialah:-

- a. Metod Historis
- b. Metod Analisis Data

---

<sup>34</sup> Sumber primary ialah sumber yang ada kaitan secara langsung dengan situasi yang dijelaskan. Sumber sekunder ialah bahan yang ada perantara di antara penyelidik dengan keadaan atau pengalaman yang menjadi subjek diperbincangkan seperti ulasan, makalah dan buku ilmiah. Lihat Idris Awang (2009), *Penyelidikan Ilmiah Amalan Dalam Pengajian Islam*, Selangor: Kamil & Shakir Sdn. Bhd., hlm 94



### **1.7.2 (a) Metod Historis**

Metod historis merupakan suatu metod digunakan bagi menentukan adanya pendapat-pendapat yang tepat mengenai sesuatu kajian.<sup>35</sup> Metod ini digunakan penyelidik dalam kajian bab tiga.

Kepentingan metod ini amat diperlukan bagi mendapatkan data berkaitan dengan latarbelakang pelaksanaan Kursus Praperkahwinan Islam di Malaysia dan di negeri Perak, seterusnya meneliti fakta tentang bagaimana permulaan pelaksanaan kursus tersebut serta sejauhmana proses perkembangannya.

### **1.7.2 (b) Metod Analisa Data**

Apabila kesemua data-data yang diperlukan terkumpul melalui metod-metod yang dinyatakan, penyelidik akan mengolah dan menganalisis data-data tersebut berdasarkan dapatan-dapatan yang telah diperolehi.

Melalui data-data yang diperolehi daripada responden kemudiannya dianalisis menggunakan program Pakej Statistik untuk Sains Sosial (Statistical Package for Social Sciences-SPSS). Berdasarkan penilaian dimensi konteks, input, proses dan produk (Context, Input, Process, Product – Stufflebeam dan

---

<sup>35</sup> Abdul Halim Mat Diah (1987), "*Risalah Suatu Contoh Tentang Huraian Metodologi*" (Risalah dari kuliah yang disampaikan oleh pengarang di Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya) hlm.

Shinkfield, 1984) bagi menilai keberkesanan pelaksanaan Modul Bersepadu Kursus Praperkahwinan Islam.

Kajian ini akan menggunakan teori model konteks, input, produk dan proses yang diubahsuai daripada teori model context, input, process dan product (CIPP) yang direkabentuk oleh Daniel L.Stufflebeam dan Anthony J.Shinkfield (1984), memfokuskan kepada penilaian berorientasikan pembaikan (improvement oriented evaluation) yang bertujuan untuk membuat keputusan (decision making) terhadap sesuatu kursus atau program pendidikan.<sup>36</sup>

Kaedah deskriptif taburan kekerapan dan peratusan digunakan untuk mendapatkan gambaran tepat tentang punca dan bentuk permasalahan serta keberkesanan pelaksanaan Modul Bersepadu Kursus Praperkahwinan Islam dari pengalaman responden. Selain itu, pendekatan perbandingan juga digunakan dalam menganalisis data-data yang diperolehi untuk membuat kesimpulan.

## **1.8 Sistematika Penulisan.**

Penulisan disertasi ini dibahagikan kepada lima bab yang berasingan. Setiap bab dihuraikan secara terperinci, kemas dan teratur bagi mengoptimumkan penyampaian maklumat.

---

<sup>36</sup> Daniel L.Stufflebeam dan Anthony J.Shinkfield (1985), *Systematic Evaluation : A Self Instructional Guide to Theory and Practice*, Boston: Kluwer – Nijhoff Publishing, hlm. 155

Pada bab yang pertama adalah bab pendahuluan yang menjelaskan latar belakang masalah kajian, pengertian tajuk, objektif kajian, kepentingan kajian, ulasan penulisan, skop kajian dan metodologi kajian.

Bab yang kedua pula menjelaskan tentang pengertian kursus pra perkahwinan Islam, latarbelakang kursus tersebut, faktor-faktor keperluan kursus tersebut pelaksanaan Modul Bersepadu Kursus Perkahwinan Islam di negeri Perak, objektif modul dan sumber yang digunakan di dalam modul tersebut.

Bab yang ketiga mengandungi hasil kajian pelaksanaan modul kursus praperkahwinan Islam di Jabatan Agama Islam negeri Perak, dilihat dari dimensi konteks, input, proses dan produk. Kajian dari konteks ini menyentuh tentang sikap dan kesediaan fasilitator terhadap modul masalah-masalah yang timbul sebelum pelaksanaan modul tersebut.

Manakala kajian keberkesanan dari dimensi input menganalisa tahap keyakinan dan kemahiran fasilitator berdasarkan topik-topik modul, kelengkapan kemudahan kursus serta pelaksanaan jadual waktu kursus. Kajian keberkesanan dari dimensi proses pula menilai perjalanan kursus dan strategi pengajaran serta pembelajaran.

Seterusnya kajian terhadap keberkesanan dari dimensi produk menilai tahap pencapaian objektif modul serta perubahan sikap peserta selepas

mengikuti modul kursus dengan mengambil kira pandangan dari peserta kursus dan pemudahcara Kursus Praperkahwinan Islam.

Pada bab keempat yang merupakan bab terakhir mengandungi rumusan dan kesimpulan terhadap kajian yang dijalankan serta perbincangan hasil kajian. Pada bahagian ini, dikemukakan juga saranan-saranan berdasarkan penemuan dari kajian yang dilaksanakan.

Diharap kajian ini menjadi tirai pembuka untuk mengukur sejauhmana pelaksanaan Modul Kursus Praperkahwinan Islam di Jabatan Agama Islam Negeri Perak. Ini kerana proses pembelajaran tidak terhenti pada sesuatu masa tetapi ia berlanjutan hingga ke akhir hayat.

## **BAB KEDUA**

### **KEBERKESANAN MODUL BERSEPADU KURSUS PRAPERKAHWINAN ISLAM**

#### **2.1 Pengenalan**

Bab ini merupakan landasan teori bagi penulisan ini. Ia membincangkan mengenai teori keberkesanan pelaksanaan Kursus Praperkahwinan Islam MBKPPI.

Landasan teori merupakan konsep yang dijadikan pembolehubah-pembolehubah utama dalam mendasari sesuatu tajuk kajian. Landasan teori adalah penting untuk sesuatu kajian kerana memberi makna terhadap teori dan model yang digunakan dalam sesuatu kajian yang bertujuan mengemukakan kaedah yang digunakan, pandangan mengenai sesuatu isu, memahami latar belakang kajian dan untuk mengetahui sesuatu maklumat.<sup>1</sup>

Kajian terhadap sesuatu teori yang dijadikan sebagai landasan kajian memerlukan daya intelektual yang tinggi melalui pelbagai usaha penyelidikan yang disokong dengan beberapa dokumentasi rasmi.<sup>2</sup>

Seterusnya bab ini akan ditutup dengan membuat kesimpulan ke atas landasan teori yang digunakan dalam kajian ini.

---

<sup>1</sup> S.J Ball (1995), *Intellectuals or Technician?, The Urgent Role of Theory in Education Studies*. British Journal of Educational Studies, Bil 33, hlm. 225-271

<sup>2</sup> Gerald Thames (1997), *What's The Use of Theory?* Harvard Education Review, Jil.2, Bil 16, hlm, 75-85

## 2.2 Keberkesanan Modul Kursus.

Perkataan keberkesanan berasal daripada kata dasar kesan, yang membawa maksud tanda yang ditinggalkan oleh sesuatu (sama ada kebaikan atau keburukan) yang timbul daripada sesuatu kejadian (keadaan, perbuatan, tindakan dan lain-lain), kesudahan (hasil, akibat) daripada sesuatu efek.<sup>3</sup> Keberkesanan pula bermaksud perihal berkesannya (sesuatu tindakan, perubahan dan sebagainya).<sup>4</sup>

Perkataan keberkesanan adalah terjemahan daripada Bahasa Arab yang berasal daripada kalimah *ta'athhara-yata'athharu-mu'aththir*.<sup>5</sup> Kalimah *ta'athhara* bererti melahirkan padanya kesan.<sup>6</sup>

Modul merupakan suatu pembelajaran yang terancang ke arah mencapai hasrat penghasilan yang ditentukan. Penilaian modul adalah salah satu daripada beberapa aspek yang penting untuk melihat keberkesanan kursus yang dilaksanakan. Ia bertujuan untuk mengumpul maklumat dalam menentukan keputusan sama ada hendak menerima atau mengubah sesuatu perkara dalam kandungan modul. Terdapat empat komponen yang penting dalam menilai sesuatu modul iaitu isi kandungan, objektif modul, kaedah dan

---

<sup>3</sup> Teuku Iskandar (2006), *Kamus Dewan*, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 771

<sup>4</sup> *Ibid*, hlm. 772

<sup>5</sup> Asad M. Alkalali (1986), *Kamus Melayu Arab*, Kuala Lumpur : Thinker's Library Sdn. Bhd., hlm 264

<sup>6</sup> Ibrāhīm Madkūr (t.t), *al-Mu'jam al-Wāsit*, jld 1, Kaherah : Dār 'Umrān, hlm 5.

strategi pengajaran dan pembelajaran yang digunakan serta penilaian (ujian kelayakan sijil MBKPPI)

Kajian keberkesanan modul memfokuskan kepada matlamat kursus yang ingin dicapai atau menjadikan asas kepada alat pengukuran dan penilaian, kajian dibuat secara pemerhatian dengan menilai penggunaan strategi dan kaedah dalam pengajaran dan pembelajaran yang digunakan dapat mencapai tahap yang diharapkan.

Selain itu, penyelidik membuat penilaian keberkesanan kursus dan modul menggunakan alat pengukuran seperti instrumen soal selidik bagi mendapatkan data peserta kursus terhadap kursus dan membuat pemerhatian bagi mendapatkan data penguasaan kemahiran penggunaan strategi dan kaedah pengajaran dan pembelajaran.

Penilaian terhadap keberkesanan sesuatu kursus biasanya dibuat untuk menentukan kejayaan sesuatu program.<sup>7</sup> Ianya memfokuskan kepada tahap kejayaan, rancangan kandungan, pelaksanaan dan pencapaian objektif kursus itu sendiri.<sup>8</sup>

Terdapat pelbagai pendekatan penilaian terhadap kajian keberkesanan kursus. Norman E. Gronlund dan Robert L. Linn menggunakan penilaian formatif dan summatif bagi menilai keberkesanan sesuatu kursus. Penilaian

---

<sup>7</sup> W.R Borg dan M.D Gall (1989), *Educational Research An Introduction*, New York : Longman, hlm. 144

<sup>8</sup> Wilma S.Longstreet dan Harold G. Suane (1993), *Curriculum : for a New Millenium*, USA : Ailyn & Bacon, hlm. 143

formatif digunakan bagi menilai keberkesanan sesuatu kursus yang dibuat sepanjang kursus berlangsung sama ada terhadap unit-unit besar mahupun sub unitnya. Penilaian terhadap satu unit besar seperti membandingkan antara dua kursus maka prosedur promatifnya perlu dibuat secara formal dan lebih sistematik berbanding dengan penilaian dalam sub unitnya yang dibuat secara tidak formal. Melalui penilaian formatif, penilai boleh membuat keputusan sama ada untuk meneruskan, mengubahsuai, menyemak dan menghentikan sesuatu kursus.<sup>9</sup>

Manakala summatif bermaksud sum atau jumlah. Ia menilai sebanyak mana kesan-kesan kursus yang telah dicapai dalam komponen-komponen dan unit-unit dalam sesuatu kurikulum dan sukatan pelajarannya. Penilaian summatif bertujuan untuk memberi gambaran yang menyeluruh terhadap kualiti kursus dan seterusnya membuat rumusan atau keputusan terhadap kejayaan dan kegagalan kursus. Ia dibuat pada penghujung kursus atau setelah kursus tamat. Penilaian summatif dibuat secara formal yang memfokuskan kepada objektif kursus yang hendak dicapai. Ujian dan peperiksaan akhir dalam sesuatu kursus adalah contoh terbaik penilaian summatif.<sup>10</sup>

Scriven juga membahagikan penilaian terhadap kursus atau program kepada formatif dan summatif. Penilaian formatif dibuat semasa sesuatu kursus sedang berlangsung, manakala penilaian summatif dibuat pada akhir

---

<sup>9</sup> Norman E. Gronlund and Robert L. Linn (1990), *Measurement and Evaluation in Teaching*. New York : Mac Millan, hlm. 46

<sup>10</sup> *Ibid*, hlm. 47



kursus yang bertujuan untuk mengumpulkan maklumat bagi maksud sama ada meneruskan atau menghentikan sesuatu kursus, setelah sesuatu kursus itu tamat bagi melihat keberkesanan kursus.<sup>11</sup> Provus menilai keberkesanan kursus dari segi prestasi, standard dan produk.<sup>12</sup>

Lee J. Cronbach, menggunakan pendekatan saintifik dan *humanistic* bagi menilai keberkesanan sesuatu kursus. Pendekatan saintifik lebih kepada penggunaan kajian kuantitatif yang memfokuskan kepada *outcome-outcome* (apa yang dihasilkan) dan *impact* (kesan) sesuatu kursus. Pendekatan *humanistic* lebih kepada penggunaan kajian kualitatif yang menumpukan kepada aspek yang lebih bercorak naturalistik seperti faedah, kebaikan, fenomena dan tingkahlaku yang diperolehi daripada sesuatu kursus atau program.<sup>13</sup>

A.C Ornsetin dan R.P Hunkins, menggunakan penilaian *intrinsic* dan penilaian *pay-off* bagi menilai keberkesanan sesuatu kursus. Pendekatan penilaian *intrinsic* ialah satu bentuk penilaian untuk melihat kesan-kesan asas setelah sesuatu kursus itu dilaksanakan. Ia memfokuskan kepada kekuatan dan kebaikan kursus yang dilihat dari segi kriteria sukatan pelajaran, isi kandungan kursus, kaedah pengajaran, strategi pembelajaran, objektif kursus dan pencapaian matlamat kursus.<sup>14</sup>

---

<sup>11</sup> Michael Scrivan (1967), *The Methodology of Evaluation*, Chicago : Read Mc Nally, hlm. 39

<sup>12</sup> Malcom Provus (1971), *Discrepancy Evaluation for Education Program Improvement and Accessment*. Barkely, California : Mc Cutchan, hlm. 78

<sup>13</sup> Lee J. Cronbach (1982), *Desingning Evaluation of Educational and Social Program*. San Francisco : Jossey Bass, hlm. 24

<sup>14</sup> A.C Ornsetin dan R.P Hunkins (1988), *Curriculum : Foundations, Prinsiples and Essays*, Englewood Cliff, New Jersey : Prentice Hall, hlm. 255

Penilaian *pay-off* memberatkan *outcome-outcome* (hasil yang akan dicapai) khususnya dalam bidang akademik dan input-input (pengisian) iaitu dari aspek strategi dan kaedah pengajaran dan pembelajaran.<sup>15</sup>

L.E Seidman menggunakan pendekatan *utilitarian* dan *intuition* bagi menilai keberkesanan sesuatu kursus. Pendekatan *utilitarian* berkait dengan kajian saintifik, ia bermaksud pencapaian individu yang diukur melalui jumlah pelajar saiz institusi, semakin banyak jumlah pelajar dan saiz institusi yang besar maka semakin tinggi untuk melihat keberkesanan sesuatu kursus. Manakala *intuition* bercorak *humanistik*, bagi melihat impak kursus pada setiap individu.<sup>16</sup>

Ernest menggunakan pendekatan *monolithic*, *pluralistic* dan *multiple* bagi mengesan keberkesanan sesuatu kursus. Pendekatan *monolithic* adalah bentuk penilaian yang menggunakan satu sahaja jenis kajian sama ada kuantitatif serentak atau kualitatif. Penilaian *pluralistic* menggunakan dua bentuk penilaian kuantitatif dan kualitatif serentak dan *multiple* menggunakan pelbagai bentuk penilaian yang tidak spesifik sifatnya. Pendekatan *multiple* sering digunakan bagi pengumpulan dan pemerosesan data (kaedah *triangulation*).<sup>17</sup>

---

<sup>15</sup> Michael Scrivan (1970), *The Methodology of Evaluation*, Berkeley, California : Mc. Cutchan, hlm. 137

<sup>16</sup> L.E Seidman (1991), *Interviewing as Qualitative Research*, New York : Teachers College Press, Columbia University, hlm. 83

<sup>17</sup> Ernest, R. House (1990), *Trend in Evaluation*. Educational Research, April 1990, hlm. 24-28

Bagi penilaian keberkesanan sesuatu kursus, haruslah dilihat sebagai proses untuk memperbaiki sesuatu, bukannya untuk membuktikan sesuatu (*evaluation is not to prove, but to improve*).<sup>18</sup> Di samping untuk membolehkan tindakan susulan yang selanjutnya dibuat bagi mengukur kembali impak kursus dalam mencapai objektif yang seterusnya.<sup>19</sup>

Melalui aspek tujuan dan kepentingan penilaian keberkesanan sesuatu kursus atau program, ia membolehkan kursus atau program tersebut dapat disemak, diubahsuai dan diperbaiki dari masa ke semasa, untuk mendapatkan maklumat, mengesan tahap sesuatu penguasaan, untuk mengenalpasti kekuatan dan kelemahan, untuk mengambil tindakan susulan dan untuk memperbaiki proses atau sistem yang ada.<sup>20</sup>

Terdapat pelbagai teori dan model penilaian keberkesanan sesuatu kursus yang sesuai diguna pakai dalam konteks kajian terhadap keberkesanan sesuatu kursus.

Teori bermaksud pendapat yang dikemukakan untuk menerangkan sesuatu perkara, asas-asas kasar yang menjadi dasar pembentukan

---

<sup>18</sup> Daniel L. Stufflebeam, et.al (1977), *Education Evaluation and Decision Making*. Peacock, Itasca III, Phi Delga Kappan National Study Committee on Evaluation, Illinois : Peacock Publishers, hlm. 154

<sup>19</sup> A. Antelo dan R.L Henderson (1992), *Formulating Effective School Cooperation Partnership A Policy Analysis, School Cooperation*, Vol. 12, London : Croom Helm Ltd, hlm. 51

<sup>20</sup> Muhammad Ihsan (1997), *Persepsi Bekas Pelajar dan Pentadbir Sekolah Mengenai Keberkesanan Program Diploma Perguruan Universiti Malaya*, Tesis Sarjana, Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya, hlm. 42

(perkembangan) sesuatu pengetahuan atau pendapat mengenai cara-cara membuat sesuatu.<sup>21</sup>

Dalam bahasa Arab teori sinonim dengan *naẓarī* bermaksud; sesuatu yang sifatnya praktikal.<sup>22</sup> *Naẓarī* adalah *khal* dan *ikhwal al-‘Aqal* dalam bentuk *tajribī* (percubaan).<sup>23</sup>

Teori-teori penilaian keberkesanan sesuatu kursus atau program tersebut ialah teori Rasional Evaluation, teori Development, teori Grounded, teori Competency-Based Education, teori Multiple Objectives, teori Stakeholder, teori Feedback Control System, teori Theory-Base Course dan Etnografi.

Teori Rasional Evaluation ialah teori penilaian rasional yang diperkenalkan oleh Tyler, Pophams, Mac Donald Rass dan Sullivan. Penilaian rasional menekankan produktiviti dan akauntabiliti dalam sesuatu aktiviti. Ia juga digunakan untuk mengukur pencapaian kemajuan seseorang peserta dalam sesuatu kursus atau program yang disertainya.<sup>24</sup>

---

<sup>21</sup> Teuku Iskandar (2007), *Op.cit*, hlm. 1659

<sup>22</sup> Abdullah Amin al-Nukmy (1995), *Kaedah dan Kurikulum Pendidikan Islam Menurut Ibnu Khaldun dan Al-Qabisi*. Kuala Lumpur : Pustaka Syuhada, hlm. 85

<sup>23</sup> Ibnu Khaldūn (1948), *al-Muqaddimah*. Beirut: Maṭba‘ah al-‘Arabiyyah, hlm. 429

<sup>24</sup> W.J Pophems (1975), *Educational Evaluation*. New Jersey: Prentice Hall, hlm.11  
Juga dalam Robert Tyler (1950), Reporting Evaluations of Learning Outcomes in H.J Walberg & G.D Haerfel (Eds). *The International Encyclopedia of Education Evaluation*. Oxford: Englang: Pergamon, hlm.233-238

Teori Developmental iaitu melihat perkembangan penguasaan dan pencapaian sesuatu kursus. Ia perlu dibuat secara berterusan untuk melihat kekuatan dan kelemahan sesuatu kursus. Kaedah penilaian boleh dibuat melalui pemerhatian, interaksi dengan sasaran, melihat hasil kerja subjek, membuat penilaian sendiri, melihat laporan daripada pihak lain dengan membuat beberapa pengujian dan pengukuran. Penilaian kursus juga boleh dibuat melalui membandingkan antara dua kursus yang lebih kurang sama dari pelbagai aspek. Akhir sekali meklumat atau hasil penilaian perlu diberitahu kepada sasaran dalam bentuk laporan.<sup>25</sup>

Teori Grounded diperkenalkan oleh Mc. Loughin. Kajian penilaian keberkesanan sesuatu kursus atau program melalui teori grounded dilaksanakan melalui kajian sosial secara kualitatif. Ia menjelaskan peningkatan dan perubahan tingkah laku sosial subjek yang menaik menandakan keberkesanan yang positif.<sup>26</sup>

Teori Competency-Based Education dicadangkan oleh Nancy dan Fawns yang berasaskan kepada ketrampilan diri sebagai kawalan kualiti yang piawai. Penilaian keberkesanan kursus boleh dilihat kepada perubahan-perubahan sebelum dan selepas sesuatu kursus.<sup>27</sup>

---

<sup>25</sup> Noor Azmi (1990), "Penilaian Dalam Pendidikan – Satu Penelitian Semula", *Jurnal Guru*, Bil 2, 16 Mei 1990, hlm. 110-116

<sup>26</sup> B.G Glaser & A.L Strauss (1967), *The Discovery of Grounded Theory*. Chicago: Aldine, hlm.23

<sup>27</sup> D.Nancy dan R. Fawns (1993), "Teacher's Working Knowlwdge Theory To Practice On Teacher Education", *Journal of Education for Teaching*, Vol. 18, No.2, Lancaster: Carfax Publishing Company, hlm. 159-171

Juga dalam P. Chandler, W.P Robinson dan P. Noyes (1991), "Is a Proactive Student Teacher a Better Student Teacher?", *Research In Education*, No.45, May 1991, Manchester: Manchester University Press, hlm.41-52

Teori Multiple Objectives telah diperkenalkan oleh Richard dan Kraft bagi penilaian keberkesanan kursus lewat pada tahun 1974 disamping rakan-rakannya Louis M. Smith, Raul A. Pohlard, Charles J. Banner dan Craig Cjerde. Mereka berpendapat bahawa penilaian keberkesanan dalam sistem pendidikan hendaklah diukur dalam bentuk multi dimensional dalam berbagai hala dan hubungan khususnya daripada aspek kos dan kegunaan terhadap pelbagai kursus. Satu perkara yang sukar untuk dinilai ialah masalah yang berhubung dengan dapatan-dapatan daripada subjek tentang sosialnya. Aspek faedah untuk masyarakat secara keseluruhan hendaklah diberi keutamaan dalam membuat penilaian keberkesanan kursus.<sup>28</sup>

Teori Stakeholder diperkenalkan oleh Gold bagi menilai keberkesanan sesuatu program yang melibatkan persepsi subjek yang terlibat dalam sesuatu kursus. Penilaian keberkesanan perlu dilihat dari segi peranan pengguna terhadap sesuatu sistem, matlamat, keperluan dan komponen program.<sup>29</sup>

Teori Feedback Control System adalah teori yang dikemukakan oleh Orr dan disarankan oleh Laudon yang pada asasnya menyatakan terdapat tiga tahap bagi menentukan keberkesanan kursus iaitu dengan memerhatikan input, process dan output. Keiga-tiga tahap ini hendaklah selari dengan matlamat asas kursus atau program.<sup>30</sup>

---

<sup>28</sup> H.P Richard, Kraft, Louis M. Smith, Raul A. Pohlard, Charles, J. Branner dan Craig Cjerde (1974), "Curriculum Evaluation-AREA (America Education Research Association)", *Monograph Series on Curriculum Evaluation*, Chicago: Rand Mc Nally College, hlm. 55-57

<sup>29</sup> Ismail Mohd Rashid (1999), "Penilaian Program Rangkaian Komputer : Satu Perspektif Teori", *Jurnal Pengurusan dan Kepimpinan Pendidikan*, Jil.9, Bil 2, Disember 1999, Institut Aminuddin Baki, hlm 51-61

<sup>30</sup> *Ibid*, hlm. 59

Teori Theory - Base Course menerangkan tentang kajian terhadap keberkesanan kursus perlu dilihat pada sasaran kerja-kerja yang mencapai positif. Memadukan secara eksplisit objektif-objektif kursus yang telah ditetapkan. Menilai pengajaran secara konsisten dengan memastikan teori-teori pengajaran yang dipelajari dan membuat penilaian terhadap kejayaan kursus.<sup>31</sup>

Teori Etnografi digunakan untuk menilai kursus atau program melalui pandangan subjek atau pengguna. Teori ini menghendaki penilaian keberkesanan kursus perlu dibuat secara menyusur galur mengikut kronologi dari awal, perkembangan dan penghujung kursus secara tahap ke tahap untuk melihat kelemahan dan kekuatan kursus serta permasalahannya.<sup>32</sup>

Model didefinisikan sebagai ragam, cara, barang tiruan yang sama seperti yang asal tetapi lebih kecil.<sup>33</sup> Ia juga bermaksud rajah urutan, contoh yang berajah, rangka, struktur dan bentuk luaran yang dapat dilihat secara gambaran kesimpulan.<sup>34</sup>

Bagi kajian terhadap penilaian kursus, khususnya yang memfokuskan kepada keberkesanan akan menggunakan salah satu daripada model-model penilaian kursus atau program seperti model Stufflebeam's CIPP, model Throughput Process Factor - Comprehensif, model The Critical Event, model

---

<sup>31</sup> Jack A.Rowell, Suzanne Pope & B.F Sherman (1992), "Relating Theory to Practice in Teacher Education". *Journal of Education for Teaching*, Vol.18, No.2, Lancaster: Carfax Publishing Company, hlm. 171-177

<sup>32</sup> D. Hamilton et.al (1977), *Beyond the Number Game – A Render in Education Evaluation*. London: Mac Millon, hlm 54

<sup>33</sup> Teuku Iskandar (2007), *op.cit*, hlm 1039

<sup>34</sup> Tunku Sarah Tunku Mohd Jiwa (1997), *Pembinaan Model Penerapan Nilai Dalam Pengajaran di IPT*, Tesis Ph.D, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, hlm 43

Causal Modelling, model Accreditation Plus, model Free - Goal Evaluation, model Metfessel - Michael Evaluation, model Provus's Discrepency Evaluation dan model Stake's Congruence - Contengency.

Model Stufflebeam's CIPP berbentuk decision - management - oriented (orientasi keputusan pengurusan) atau membuat keputusan yang digunakan dalam membuat penilaian keberkesanan sesuatu kursus atau program. Model CIPP secara komprehensifnya berbentuk penilaian proses yang berterusan. Maklumat-maklumat yang disediakan kepada pengurusan untuk tujuan membuat keputusan. Terdapat tiga teknik proses penilaian keberkesanan kursus atau program, menggariskan maklumat-maklumat yang diperlukan bagi pengumpulan data, mendapatkan maklumat dan menyediakan maklumat kepada sekumpulan individu yang berkenaan. Tiga teknik yang dibuat mestilah berurutan dalam empat langkah penilaian berikut:<sup>35</sup>

i. Penilaian konteks

Membuat penilaian ke atas persekitaran kursus yang memfokuskan kepada kandungan kursus itu sendiri seperti matlamat kurikulum yang dihasratkan, objektif sukatan pelajaran yang disasarkan, peluang, nilai kepercayaan, kemahiran dan penguasaan pengetahuan.

---

<sup>35</sup> Daniel L. Stufflebeam (1971), *Educational Evaluation and Decision Making*. Itasca III Prosuch, hlm 229



ii. Penilaian input

Menyediakan maklumat dan menentukan penggunaan sumber-sumber bagi memenuhi matlamat kursus. Ia memfokuskan kepada penggunaan pelbagai strategi dan kaedah yang digunakan berpotensi untuk mencapai objektif kursus.

iii. Penilaian proses

Ia bertujuan untuk mengawal dan mengurus kursus yang sedang berlangsung, menentukan apa yang dirancangan sama dengan apa yang sedang berlaku. Terdapat tiga strategi dalam penilaian proses : pertama, mengesan elemen-elemen yang boleh merosakkan kursus seperti permasalahan-permasalahan yang wujud dalam kursus yang boleh menghalang pencapaian objektif kursus. Kedua, menyediakan maklumat untuk membuat keputusan. Ketiga, mengekalkan rekod prosedur-prosedur yang berlaku.

iv. Penilaian produk

Mengumpulkan maklumat-maklumat untuk menentukan harapan-harapan dalam mencapai apa yang dihasilkan oleh kursus serta membuat keputusan sama ada kursus perlu diteruskan, diubahsuai, ditangguhkan atau pun ditamatkan.

Penilaian konteks (kandungan) bertujuan untuk mengenal pasti tujuan atau matlamat sesuatu kursus itu diadakan. Penilaian input (pengisian) dilihat

dari segi bagaimana sumber dan strategi yang diberi itu berkesan dalam kursus. Penilaian proses (pelaksanaan) dibuat secara mengumpul data dan maklumat-maklumat mengenai perjalanan kursus seperti yang dirancangkan. Penilaian produk (hasil) dilaksanakan untuk menentukan hasil menepati objektif kursus. Keempat-empat prosedur dalam model CIPP ini hendaklah digabungkan untuk membuat keputusan sama ada kursus tersebut ingin diteruskan, dipindahkan atau diubahsuai atau ditamatkan.<sup>36</sup>

Model Throughput Process Factor - Comprehensif telah dikemukakan oleh Creemers dan Scheerens sebagai konsep keberkesanan penilaian pendidikan yang mengandungi empat unsur:

- i. Pencapaian matlamat dalam pengukuran kriteria output.
- ii. Konsep sebab musabab.
- iii. Perbezaan dua suasana yang dikawal oleh satu pihak dengan suasana yang boleh berubah di pihak lain.
- iv. Kebolehpercayaan keseluruhan keberkesanan.

Proses penilaian dimulai dengan menilai konteks kursus, diikuti dengan penilaian input kursus seperti penggunaan bahan dan sumber pengajaran

---

<sup>36</sup> *Ibid*, hlm 230

kemudiannya menilai output-output yang mencakupi penggunaan masa dan perubahan perlakuan peserta.<sup>37</sup>

Model The Critical Event yang dipelopori oleh Nadlers yang digunakan Asariah dalam mereka bentuk (design) kurikulum dan kursus latihan keperguruan di maktab-maktab perguruan Malaysia. Proses penilaian keberkesanan kursus dibuat dengan mengenalpasti keperluan kursus dan pemilihan strategi dan kaedah skop dengan objektif kursus.<sup>38</sup>

Model causal - modelling (hubungan sebab - akibat) yang diperkenalkan oleh Herbert B. Asher pada tahun 1990 menekankan teknik analisis yang menghubungkan sebab dan akibat sesuatu kejadian dalam bentuk cross-sectional. Data jenis interval menjadi keutamaan dalam proses penilaian. Herbert B.Asher mengemukakan contoh causal model melalui : peruntukan kewangan dan persekitaran keluarga dalam sektor pendidikan adalah faktor yang boleh membawa kepada peningkatan pencapaian kursus. Dua model penilaian dikemukakan oleh Herbert. Pertama, model sebab musabab antara pendidikan yang mencakupi pencapaian, kualiti dan prasarana pelajar dan guru dengan pencapaian prestasi pelajar, semakin banyak peruntukan kos pendidikan maka semakin tinggi pencapaian pelajar. Kedua model sebab musabab antara kos pendidikan dengan persekitaran keluarga, kualiti guru dikaitkan dengan pelajar dalam mencapai kecemerlang prestasi

---

<sup>37</sup> B.P.M Creemers dan J.Scheerens (1994), "Development in the Education Effectiveness Research Programme". *Educational Effectiveness Research*, March 1994, hlm 82-90

<sup>38</sup> Asariah Mior Shaharudin (1991), "Program Pengesanan Kursus Dalam Perkhidmatan". *Jurnal Pendidikan Guru*, Bil.7, Bahagian Pendidikan Guru, Kementerian Pendidikan Malaysia, Kuala Lumpur, hlm 28-36

pelajar, semakin banyak peruntukan kos pendidikan dan persekitaran keluarga yang memberangsangkan semakin tinggi pencapaian kecemerlangan pelajar.<sup>39</sup>

Model Accreditation Plus (APM) adalah satu model penilaian keberkesanan kursus berbentuk sensitif dan formatif yang dibuat secara berterusan dari mula sesuatu kursus atau program pendidikan berlangsung hinggalah kursus tersebut tamat atau selepasnya. Ia diperkenalkan oleh Ronald C-Doll (1989) yang mencadangkan lima langkah yang perlu ada dalam prosedur APM:<sup>40</sup>

- i. Menentukan standard pertauliahahan.
- ii. Proses penilaian berlaku di sepanjang sesuatu kursus dari awal hingga selepasnya.
- iii. Pelaksanaan dan penyempurnaan pertauliahahan
- iv. Memungut data-data dan melaporkan penilaian keberkesanan.
- v. Membuat tindakan susulan.

Model Free-Goal Evaluation diperkenalkan oleh Scrivan (1972). Model ini menekankan konsep penilaian matlamat bebas, penilai dikehendaki berada dalam kursus tersebut dan membuat kajian untuk menilai semula output. Ia bermula dengan membuat pemerhatian ke atas pelaksanaan kursus seperti

---

<sup>39</sup> Herbert B.Ashar (1990), *Causal Modelling Series: Quatitative Applications in the Social Sciences*. C.2, London:Sage Publication, hlm 4-10

<sup>40</sup> Ronald C.Doll (1989), *Curriculum Improvement: Decision Making and Process*. C.7, Boston Allyn and Bacon, hlm 261

menyemak dokumen-dokumen dan rekod yang berkaitan, kemudian menemubual subjek yang terlibat dalam kursus dan akhir sekali melihat kesan terhadap kursus. Teori ini mengutamakan kesan sesuatu kursus berbanding matlamat yang hendak dicapai.<sup>41</sup>

Model Metfessel-Michael Evaluation diperkenalkan oleh Newton Metfessel and William B. Michael (1967) dengan membuat kajian selama 4-8 tahun. Tujuh langkah perlu diikuti ketika membuat penilaian keberkesanan kursus yang dibuat secara pengulangan, melibatkan keseluruhan mereka yang berkenaan dalam lapangan pendidikan bermula daripada pelajar, guru, pentadbir, profesional, pertubuhan-pertubuhan hinggalah kepada orang awam.<sup>42</sup>

- i. Menumpukan kepada objektif kursus yang berbentuk outcome (apa yang dihasilkan).
- ii. Menterjemahkan objektif-objektif yang lebih spesifik kepada bentuk program yang mudah dicapai.
- iii. Membina instrumen-instrumen untuk mengukur keberkesanan kursus yang memfokuskan kepada objektif-objektif yang hendak dicapai.

---

<sup>41</sup> David Pratt (1988), *Curriculum Design and Development, International Edition*, USA : Invenarich, hlm 278

<sup>42</sup> S. Newton, Metfessel and William B. Michael (1967), "A Paradigm Involving Multiple Criterion Measures for the Evaluation of the Effectiveness of School Program, *Journal Education and Psychological and Assessment*, Winter 1967, hlm 931-943

- iv. Membuat pemerhatian semasa kursus sedang berjalan melalui ujian-ujian dan menyediakan alat pengukuran yang bersesuaian.
- v. Menganalisis data-data yang telah dikumpulkan.
- vi. Menghuraikan dapatan-dapatan daripada data dengan mengimbas hala tuju dan falsafah kurikulum kerana ia boleh menunjukkan arah pencapaian pembelajaran.
- vii. Hasil dapatan kajian boleh digeneralisasikan sebagai satu cadangan-cadangan untuk masa hadapan dari aspek pengubahsuaian elemen-elemen dalam kursus seperti pencapaian objektif kajian dalam spesifik, spesifikkan kandungan, bahan-bahan pengajaran dan lain-lain.

Model Provu's Discrepancy Evaluation dicipta oleh Malcolm Provus (1971) yang memadukan penilaian keberkesanan kursus suatu program pendidikan dalam penilaian sistem pengurusan pendidikan. Model ini memfokuskan kepada perbezaan atau perselisihan antara komponen dan tahap dalam sesuatu kursus atau program. Model ini mengandungi empat komponen iaitu menentukan standard kursus atau program, menentukan pelaksanaan kursus atau program, membandingkan pelaksanaan dengan standard kursus

atau program dan menentukan sama ada terdapatnya perselisihan antara pelaksanaan dengan standard-standard kursus atau program.<sup>43</sup>

Keputusan dibuat pada setiap tahap komponen bagi menentukan keberkesanan kursus atau program kemudian diulang-ulang dalam bentuk recycle dari mula sama ada untuk membuat sebarang pengubahsuaian, penerusan dan penghentian kursus atau program. Provus juga mencadangkan agar proses penilaian dibuat dengan membandingkan setiap komponen di atas yang mencakupi empat komponen bagi setiap tahap.<sup>44</sup>

- i. Design : diperbandingkan reka bentuk kursus atau program dengan reka bentuk standard yang ingin dicapai.
- ii. Input : frasarana, media, kaedah, kebolehan pelajar dan kelayakan staf dibandingkan dengan input kursus dengan input kriteria.
- iii. Product : Kesan keseluruhan kursus atau program dan pencapaian objektifnya dihubungkan dengan produk institusi dengan produk komuniti.

---

<sup>43</sup> Malcolm Provus (1972), " *The Discrepancy Evaluation Model*", dalam P.Tylor and D.M Cowdey (1972), *Reading in Curriculum Evaluation*, Dubaque, La" Brown, hlm 118

<sup>44</sup> R.W Tyler (1969), *Educational Evaluation : New Roles, New Means, Sixty Eight Year Book of the National Society for the Study of Education, Part II*, Chicago : University of Chicago Press. hlm 252-253

- iv. Cost : faedah kos mestilah setara dengan apa yang dihasilkan. Ianya bukan sahaja kos material tetapi mencakupi moral dan penggunaan masa.

Model Stake's Congruence - Contengency diperkenalkan oleh Robert Stake (1967) yang membuat penilaian keberkesanan kursus atau program secara mengikut prosedur dalam bentuk formal dan informal. Stake mencadangkan agar penilaian dibuat secara formal jika ia melibatkan pungutan data-data yang berat dan informal jika penilaian dibuat melalui peratusan sahaja. Stake menjelaskan data hendaklah ditadbir melalui tiga bentuk:<sup>45</sup>

i. Input (apa yang diberi)

Ia meliputi input pelajar seperti perlakuan, skor pencapaian dan kehadiran serta input guru seperti strategi dan kaedah yang digunakan, tahun pengalaman, kelayakan dan profesionalisme.

ii. Transaksi

Ia meliputi penialian bagi pengurusan pelajar dengan pelajar, pelajar dengan guru dan pelajar dengan sumber-sumber pembelajaran. Ia juga meliputi interaksi pelajar dengan bahan-bahan pembelajaran, persekitaran, penggunaan masa, pengurusan pembelajaran dan komunikasi. Ia lebih memfokuskan kepada penilaian proses pembelajaran dan interaksinya.

---

<sup>45</sup> Robert, E. Stake (1967), "*The Countenance of Education Evaluation*", *Teachers College Record*, April 1967, New York: Teacher's College, Colombia University, hlm 523-540



iii. Outcome (apa yang dihasilkan)

Stake amat memberatkan aspek outcome dalam menilai keberkesanan sesuatu kursus. Outcome juga dipanggil sebagai produk kursus. Ia memfokuskan kepada apa yang ingin dicapai dalam sesuatu kursus berdasarkan kepada impak kursus. Outcome boleh lihat pada masa itu atau kesan pada masa hadapan yang mencakupi aspek-aspek kognitif, efektif, personal dan komuniti.

Penilai hendaklah sentiasa memastikan agar sentiasa berlaku persamaan dan kesesuaian antara cadangan asal (perkara yang hendak dinilai) dengan apa yang sebenarnya berlaku dalam cadangan. Begitu juga dengan cadangan pengurusan dengan apa yang berlaku dalam pengurusan dan cadangan outcome dengan apa yang berlaku dalam outcome. Antara cadangan asal dengan cadangan pengurusan juga berlaku proses penilaian kerana kadang-kadang berlaku perkara-perkara yang tidak diduga yang boleh mengubah matlamat asal mengenai aspek-aspek yang ingin dinilai. Ujian perlu dibuat untuk menentukan tahap pencapaian antara cadangan dengan pengurusan dan pengurusan dengan outcome-outcome.<sup>46</sup>

Towil Juraimi dalam kajiannya telah membuat penilaian sejauh mana prosedur dan kaedah yang digunakan dalam pelaksanaan Kursus

---

<sup>46</sup> Robert, E. Stake (1969), "*Language, Rationality and Assessment*", dalam W.H Beatty, *Improving Education Assessment and an Inventory of Measures of Effective Behavior*. Washington:D.C Association for Super Vision and Curriculum Development, hlm 20

Praperkahwinan Islam oleh Jabatan Agama Islam negeri Selangor dapat memberi kejayaan dan mencapai matlamat kursus tersebut. Berdasarkan data yang telah diperolehi melalui soal selidik ke atas 80 responden, kemudian dikodkan dan diproses dengan program berkomputer “Statistical Packages For Social Sciences” (SPSS).<sup>47</sup> Data diproses untuk penganalisan mengikut format yang ditetapkan dan urutan persoalan-persoalan penyelidikan.<sup>48</sup>

Disebabkan tahap pengukuran penyelidikan ini kebanyakannya berada pada paras skala nominal dan ordinal<sup>49</sup> sahaja, maka dapatan kajian ini dianalisis secara diskriptif dengan menggunakan statistik. Taburan dan kekerapan digunakan untuk menganalisis kebanyakan variable (pembolehubah) yang terlibat dalam kajian ini. Analisis ini akan dapat membenarkan persepsi setiap sampel terhadap aspek-aspek Kursus Praperkahwinan Islam yang telah dihadiri.<sup>50</sup>

Kesimpulannya, semua pendekatan teori dan model penilaian keberkesanan kursus atau program dibuat secara umum dan dapat digunapakai dalam apa jua jenis kursus, program dan latihan berdasarkan apa yang dikaji oleh penyelidik. Oleh kerana kajian ini berbentuk menilai keberkesanan Kursus Praperkahwinan Islam MBKPPI di Jabatan Agama

---

<sup>47</sup> Nie H.H et.al (1995), *Statistical Packages for the Social Sciences*, 2 ed, Mc Graw Hill Book, Company, New York, hlm 43

<sup>48</sup> Towil bin Juraimi (1999), *Kursus Pra Perkahwinan : Satu Kajian Tentang Prosedur Dan Kaedah Yang Digunakan Di Negeri Selangor Darul Ehsan*, Tesis Sarjana, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, hlm 66

<sup>49</sup> Skala nominal ialah penjelasan yang mewakili oleh nombor bagi membezakan kumpulan atau kategori pembolehubah. Skala ordinal ialah bentuk pengukuranyang menunjukkan hubungan yang tersusun. Lihat Mohd Majid Konting (1990), *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm 150

<sup>50</sup> Towil bin Juraimi, *op.cit*, hlm 67

negeri Perak, maka penyelidik menggunakan teori model konteks, input, produk dan proses bagi mencapai tahap hasil dapatan yang boleh dipercayai dan kesahan kajian kerana ia dibina menurut kaedah yang saintifik.

## BAB KETIGA

### MODUL KURSUS PRAPERKAHWINAN ISLAM

#### 3.1 Pengenalan

Perkahwinan merupakan asas kepada pembinaan sesebuah institusi kekeluargaan. Keluarga pula adalah asas dan sumber kekuatan masyarakat. Kesejahteraan alam sejagat bergantung kepada keharmonian sesebuah keluarga.

Bagi mengatur perhubungan antara lelaki dan perempuan supaya ia berlaku dengan sebaik-baiknya, Islam mengaturkan sistem kekeluargaan yang berasaskan perkahwinan dan mengharamkan segala hubungan dalam bentuk lain. Melalui perkahwinan jugalah seseorang itu dapat mengatur kehidupan dan menjalin tali persaudaraan yang berdasarkan kasih sayang dan memahami antara satu sama lain.<sup>1</sup>

Konsep asas kepada sistem kekeluargaan ini dapat difahami melalui firman Allah S.W.T:

بأيها الناس اتقوا ربكم الذي خلقكم من نفس واحدة وخلق منها زوجها وبث منهما رجالا كثيرا ونساء ٥

---

<sup>1</sup> Hasan Hasānin (2001), *Aḥkām al-Uṣrah al-Islāmiyah Fiḡhan wa Qadāan*, Kaherah : Dār al-Afāq al-‘Arabiyyah, hlm.65

Maksudnya:

“ Wahai sekalian manusia! Bertakwalah kepada Tuhan kamu yang telah menjadikan kamu (bermula) dari diri yang satu (Adam), dan yang menjadikan daripada (Adam) itu pasangannya (isterinya – Hawa), dan juga yang membiakkan dari keduanya – zuriat keturunan – lelaki dan perempuan yang ramai.

(Surah al-Nisaa' {4}:1)

Antara cara perhubungan yang ditolak dalam Islam ialah perhubungan berasaskan perzinaan.<sup>2</sup> Firman Allah S.W.T:



ولا تقربوا الزني صلى انه كان فحشة وساء سبيلا

Ertinya:

“Dan janganlah kamu menghampiri zina, sesungguhnya zina itu adalah satu perbuatan yang keji dan satu jalan yang jahat (yang membawa kerosakan).”

(Surah al-Israa' {17}: 32)

Kelebihan dan galakan berkahwin tersebut di dalam hadis nabi:-

يامعشر الشباب من استطاع منكم الباءة فليتزوج, فانه اغض لبصر, واحصن للفرج, ومن لم يستطع, فعليه بالصوم, فانه له وجاء.

---

<sup>2</sup> Paizah Hj Ismail (2003), *Keluargaan Islam Menurut Al-Quran dan As-Sunnah*, Kuala Lumpur: Universiti Malaya, hlm. 30.


Ertinya:

“Wahai pemuda, sesiapa sahaja daripada kamu yang mampu untuk berkahwin, hendaklah berkahwin. Sesungguhnya perkahwinan itu menutup pandangan dan menjaga kehormatan. Dan sesiapa di antara kamu yang tidak mampu, maka hendaklah ia berpuasa, kerana ia boleh menjadi perisai.”<sup>3</sup>

(Hadith Riwayat Bukhari)

Oleh kerana perhubungan antara lelaki dan perempuan adalah asas kepada pembentukan sebuah keluarga dan masyarakat,<sup>4</sup> maka Rasulullah S.A.W melarang orang Islam dari terus hidup membujang dan menjauhkan diri dari perkahwinan bererti mengharamkan apa yang diharamkan Allah bagi dirinya.<sup>5</sup>

Firman Allah Taala:



يَأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لَا تَحْرَمُوا طَيِّبَاتِ مَا أَحَلَّ اللَّهُ لَكُمْ وَلَا تَعْتَدُوا ۗ إِنَّ اللَّهَ لَا يُحِبُّ الْمُعْتَدِينَ

Maksudnya:

“Hai orang-orang yang beriman, janganlah kamu haramkan apa-apa yang baik yang telah Allah halalkan bagi kamu, dan janganlah kamu melewati

---

<sup>3</sup> al-Imām Muḥy Al-Dīn Al-Nawāwī (1994), *Ṣaḥīḥ Muslim. Kitāb al-Nikāh, Bāb Istihbāb al-Nikāh*, no. hadith 3386.

<sup>4</sup> Ibn Qayyim Al-Jauziyah (1995), *Zad al-Ma‘ad fī Huda Khair al-‘Ibad*, j.1 Beirut: Muassasah al-Risalah, hlm. 151

<sup>5</sup> Muḥammad b. Ibrāhim b. ‘Abd Allāh al-Tawwijrī (2001), *Mukhtaṣar al-Fiqh al-Islāmī*, j.6. ‘Ammān : Bayt al-Ifkār al-Dauliyyah, hlm. 801

batas. Sesungguhnya Allah tidak menyukai orang-orang yang melampaui batas.”

(Surah Al Maidah {5}: 87)

Menyadari hakikat bahawa perkahwinan merupakan sunnah yang telah disyariatkan oleh Allah, justeru makna perkahwinan perlulah direalisasikan melalui segala tuntutan yang terkandung di dalamnya seperti peranan, tanggungjawab, batasan dan sebagainya. Bagi melayari bahtera rumahtangga yang harmoni dan sejahtera, maka setiap pasangan mestilah mempersiapkan diri dengan pengetahuan rumahtangga terutama perkara-perkara yang berkaitan dengan tanggungjawab suami isteri.<sup>6</sup>

Usaha ke arah membentuk keluarga bahagia menurut syariat Islam memerlukan ilmu pengetahuan secara mendalam dan bersungguh-sungguh tentang aspek tanggungjawab dan peraturan-peraturan yang berkaitan kehidupan kekeluargaan. Ini bertujuan untuk mencapai kebahagiaan hidup berkeluarga yang berkekalan dan mendapat rahmat serta keredhaan Allah (mawaddah dan rahmah) mengikut garis panduan yang ditetapkan oleh syara'.<sup>7</sup>

Justeru bagi setiap individu muslim yang akan berkahwin di Malaysia perlu mengetahui prosedur praperkahwinan mengikut undang-undang negeri yang beliau menetap. Pengetahuan tersebut perlu bagi membantu pasangan

---

<sup>6</sup> Aḥmad Maḥmūd Shāfi'ī (1997), *al-Zawāj fī al-Sharī'ah al-Islāmiyyah*, Iskandariah : Dār al-Huda lil-Maṭbū'āt, hlm 11

<sup>7</sup> Yusuf Al-Qardhawi (2000), *Fatwa-fatwa Mutakhir*, H.M.H Al-Hamid Al-Husaini (terj.) Jakarta: Pustaka Hidayah, hlm. 155

mengetahui kedudukan dan hak mereka dalam perkahwinan. Pasangan akan dapat memastikan bahawa perkahwinan mereka mendapat pengiktirafan agama dan pentadbiran negeri yang berkenaan.

### **3.2 Latarbelakang Pelaksanaan Kursus Praperkahwinan Islam Di Malaysia.**

Kursus Praperkahwinan Islam di Malaysia telah dilaksanakan pada era 90-an bagi membekalkan ilmu berkaitan rumahtangga kepada pasangan-pasangan yang akan mendirikan rumahtangga. Usaha untuk melahirkan keluarga bahagia memerlukan pelbagai pendekatan seperti pengurusan hubungan suami, isteri dan ahli keluarga, pendidikan kesihatan dan cara berkomunikasi yang berkesan. Walau bagaimanapun, pada awal pelaksanaan kursus tersebut tiada keselarasan modul di setiap Jabatan Agama Islam Negeri.<sup>8</sup>

Fenomena ini juga menimbulkan beberapa masalah seperti sijil kursus yang dikeluarkan oleh Jabatan Agama Islam di negeri tertentu tidak mendapat pengiktirafan oleh Jabatan Agama Islam di negeri lain. Selain itu, sijil kursus yang diperolehi juga hanya sah diperakui untuk beberapa tahun sahaja. Ini kerana tiada lagi Modul Bersepadu Kursus Praperkahwinan Islam (MBKPPI) dilaksanakan.

---

<sup>8</sup> Temubual bersama Ustaz Ariff Zaki bin Hj. Mohd Yasin, bekas kadi Teluk Intan, di rumah beliau di Taman Ilmu Kg Sungai Batang, Selekoh Bagan Datoh, Teluk Intan, Perak pada 12 Disember 2006 jam 10 pagi (Selasa)



Justera pada awal 1997, pihak Jabatan Kemajuan Islam (JAKIM) telah memperkenalkan Modul Bersepadu Kursus Praperkahwinan Islam (MBKPPI) sebagai penyelarasan modul yang ditetapkan di setiap Jabatan Agama Islam Negeri. Penerbitan Modul Bersepadu Kursus Praperkahwinan Islam tersebut telah dijadikan rujukan kepada Kursus Praperkahwinan Islam sebagai asas penyelarasan perlaksanaannya di setiap negeri. Bagi pasangan yang akan berkahwin perlu mengemukakan sijil Kursus Praperkahwinan untuk memenuhi Prosedur Praperkahwinan yang ditetapkan oleh undang-undang di Jabatan Agama Islam Negeri.

### **3.2.1 Latarbelakang Modul Kursus Praperkahwinan Islam Di Jabatan Agama Islam Negeri Perak.**

Pada tahun 1990 pihak Jabatan Agama Islam Perak telah mengarahkan setiap kadi di Jabatan Agama Islam Daerah melaksanakan Kursus Praperkahwinan Islam bagi belia-belia dan remaja yang bakal mendirikan rumahtangga. Bermula pada tahun tersebut setiap bakal pengantin wajib mengikuti Kursus Praperkahwinan Islam bagi memenuhi syarat prosedur praperkahwinan di negeri Perak. Pada ketika itu bidang kuasa pelaksanaan adalah di bawah pengendalian kadi daerah.<sup>9</sup>

Bagi melayakkan peserta kursus memperolehi sijil Kursus Praperkahwinan, mereka perlu menghadiri kursus pada setiap hari Ahad

---

<sup>9</sup> Temubual bersama Ustaz Ariff Zaki Bin Hj Mohd Yasin, bekas kadi Teluk Intan, di rumah beliau di Taman Ilmu Kg Sungai Batang, Selekoh Bagan Datoh, Teluk Intan, Perak pada 12 Disember 2006 jam 10 pagi (Selasa).

selama 4 jam dalam tempoh tiga bulan. Jangkamasa ini bertujuan memberi ruang kepada para peserta membuat sebarang pertanyaan dan mendapat penjelasan lebih mendalam tentang ilmu rumahtangga. Tarikh luput bagi sijil tersebut ketika itu tidak dihadkan.

Pada tahun 1996 pihak Bahagian Pembangunan Keluarga, Sosial Dan Pengurusan Masjid, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia telah mengemaskini modul bagi pengukuhan institusi keluarga Islam dengan “Modul Bersepadu Kursus Praperkahwinan Islam (MBKPPI)”.

Modul tersebut bertujuan mewujudkan masyarakat yang berakhlak dan bermoral, hidup dalam rukun damai melalui pembangunan institusi keluarga yang dilaksanakan secara bersepadu oleh Jabatan Agama Islam Negeri-negeri dan agensi-agensi lain.

Menerusi “Modul Bersepadu Kursus Praperkahwinan Islam” yang dibekalkan kepada setiap Jabatan Agama Islam Negeri-negeri, maka penyelarasan pelaksanaan kursus tersebut di setiap negeri dapat dijalankan dengan lebih baik dan lancar. Jabatan Agama Islam negeri Perak juga tidak terkecuali dalam melaksanakan Modul Bersepadu Kursus Praperkahwinan Islam.

Susulan daripada penerbitan modul MBKPPI (1996), pihak Jabatan Kemajuan Islam menerbitkan buku Garis Panduan Pengawalan Pelaksanaan Modul Bersepadu Kursus Praperkahwinan Islam (1997) yang menjadi

panduan dan rujukan kepada Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) dalam membuat pemantauan yang bersistematik terhadap pelaksanaan MBKPPI oleh penganjur Kursus Praperkahwinan Islam.<sup>10</sup>

Pada tahun 2002, pihak Jabatan Kemajuan Islam Malaysia telah menerbitkan Modul Bersepadu MBKPPI 2002 hasil semakan MBKPPI 1996 bagi tujuan penambahbaikan isi kandungan, susunan tajuk dan masa yang ditetapkan untuk setiap tajuk.

Bagi mencapai objektif modul tersebut, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia dengan kerjasama Jabatan Agama Islam negeri-negeri dan agensi-agensi yang dilantik akan melaksanakan versi tersebut melalui program kursus pra perkahwinan kepada masyarakat Islam, khususnya yang akan mendirikan rumahtangga.

Susulan daripada penerbitan modul MBKPPI 2002, pihak Jabatan Kemajuan Islam berjaya menerbitkan buku Garis Panduan Pengawalan Pelaksanaan Modul Bersepadu Kursus Praperkahwinan Islam (MBKPPI) dan MBKPPI Saudara Baru adalah sebagai panduan dan peraturan kepada semua pihak yang terlibat dalam melaksanakan modul tersebut.<sup>11</sup>

---

<sup>10</sup> Mustafa b. Abd Rahman.. et.al (1997), *Garis Panduan Pengawalan Pelaksanaan Modul Bersepadu Kursus Pra Perkahwinan Islam*, Kuala Lumpur : Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, hlm. 1

<sup>11</sup> Datuk Hj Mohamad Shahir Bin Hj Abdullah (2002), *Modul Bersepadu Kursus Praperkahwinan Islam (MBKPPI) Semakan 2002*. Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.

Istilah saudara baru, muallaf dan saudara kita hanya berlainan dari sudut perkataan namun ianya membawa maksud yang sama iaitu menerangkan keadaan mereka yang baru memeluk Islam.<sup>12</sup> Muallaf berasal dari perkataan arab (مؤلف) iaitu orang yang dijinakkan yang bermaksud orang yang dijinakkan hatinya untuk mendalami Islam. Maksud muallaf mengikut pengertian syarak iaitu orang yang dijinakkan hatinya untuk menerima Islam.<sup>13</sup>

Di samping itu, garis panduan tersebut menjadi panduan dan rujukan kepada Jabatan Kemajuan Islam Malaysia dan Jabatan Agama Islam negeri-negeri dalam membuat pemantauan yang bersistematik terhadap pelaksanaan Modul Bersepadu Kursus Praperkahwinan Islam oleh penganjur swasta kursus praperkahwinan Islam.

Sejajar dengan perkembangan tersebut, pada tahun 2005 pihak Jabatan Agama Islam Perak telah menerbitkan Garis Panduan Pengawasan Pelaksanaan Modul Bersepadu Kursus Praperkahwinan Islam (MBKPPI) sebagai panduan dan peraturan serta rujukan dalam membuat pemantauan terhadap pelaksanaan modul tersebut.<sup>14</sup> Pada tahun 2008, Garis Panduan Pengawasan Pelaksanaan Modul Bersepadu Kursus Praperkahwinan Islam telah diterbitkan dan digunapakai sehingga kini.

---

<sup>12</sup> Mohd Sabri bin Ismail (2009), *Metodologi Dakwah Kepada Saudara Baru Di Perkim Kelantan: Kajian Mengenai Keberkesanan*. Tesis Ijazah Doktor Falsafah Usuluddin, Jabatan Dakwah Dan Pembangunan Insan, Akademik Pengajian Islam, Kuala Lumpur: Universiti Malaya, hlm. 100

<sup>13</sup> Ku Md. Ali bin Hj Ku Ramli (1997), *Dakwah Kepada Saudara Baru : Satu Kajian Mengenai Pendekatan Dalam Aspek Bimbingan Dan Kebajikan*. Tesis Sarjana, Bangi : Universiti Kebangsaan Malaysia, hlm. 120

<sup>14</sup> Zakaria bin Abdul Razak (2005), *Garis Panduan Pengawasan Pelaksanaan Modul Bersepadu Kursus Pra Perkahwinan Islam (MBKPPI)*. Ipoh: Jabatan Agama Islam Perak.

Segala usaha-usaha yang dilaksanakan ini bermatlamatkan demi mencapai objektif Modul Bersepadu Kursus Praperkahwinan Islam dalam membina keutuhan institusi kekeluargaan Islam serta mempertingkatkan martabat dan kesucian agama Islam.

### **3.3 Faktor-Faktor Kepentingan Modul Kursus Praperkahwinan Islam**

Pendidikan praperkahwinan masa kini sudah semakin penting dan amat diperlukan. Ianya bertujuan memberi pendedahan dan pengetahuan penting berkaitan ilmu kekeluargaan dalam mengharungi kehidupan zaman moden yang kian mencabar.<sup>15</sup> Di antara faktor-faktor kepentingan pelaksanaan Modul Kursus Praperkahwinan Islam ialah:<sup>16</sup>

#### **3.3.1 Membantu Bakal Pengantin Membuat Persediaan Untuk Mendirikan Rumahtangga**

Pelaksanaan Kursus Praperkahwinan Islam adalah bertujuan membantu bakal pengantin menyelami proses-proses yang lazim dialami oleh seseorang sebelum memasuki alam perkahwinan dan mengetahui persediaan yang perlu dilakukan sebagai langkah memantapkan keyakinan diri.

---

<sup>15</sup> Mahmood Zuhdi bin Hj Abd Majid (1993), *Kursus Perkahwinan dan Undang-Undang Keluarga Islam*. Kuala Lumpur: Dasar Padu (M) Sdn. Bhd, hlm. 24

<sup>16</sup> Ghazali Hj Abd. Rahman (2004), *Memasuki Gerbang Perkahwinan*, Kuala Lumpur : Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.

Di samping itu, pasangan bakal pengantin dapat meninjau realiti kehidupan yang sebenar, mengetahui perubahan yang dialami oleh institusi kekeluargaan dan jangkaan mencorak kehidupan berkeluarga pada masa hadapan ke arah pembentukan keluarga yang harmoni dan cemerlang.<sup>17</sup>

Melalui kursus ini pasangan yang akan berkahwin dijelaskan tentang perlunya membuat persediaan dari sudut lahir dan batin, fizikal dan mental.<sup>18</sup> Antara persiapan utama adalah kematangan mental dan emosi agar perkahwinan yang akan dibina mencapai objektif sebenar. Ia meliputi kematangan pada minda, pemikiran, tindakan, pergaulan dengan masyarakat, kesediaan memikul tanggungjawab dan yang utamanya kematangan dalam hal-hal agama.<sup>19</sup>

### **3.3.2 Inisiatif Jabatan Agama Islam Untuk Membentuk Keluarga Muslim Dan Sakinah.**

Secara ideal, setiap individu yang berhasrat mendirikan rumahtangga pasti menginginkan sebuah perkahwinan yang bahagia, harmoni, kukuh dan berjaya. Namun, membina sebuah keluarga yang kukuh bukan tugas yang

---

<sup>17</sup> Ibn Qayyim Al-Jauziyah (2000), *Fatwa-Fatwa Rasulullah*. Saifuddin Zuhri (terj.), Jakarta : Pustaka Azzam, hlm. 61

<sup>18</sup> Muhyiddīn Yahya (2002), *Fatāwa Al-Imām Al-Nawawī*. Irwan kurniawan (terj.), Jakarta ; Penerbit Hikmah, hlm. 181

<sup>19</sup> Bahā' al-Dīn 'Abd. Al-Rahman (2005), *al-'Uddah fī Sharḥ al-'Umdah*, Al-Azhar : Abu bakr al-Siddiq, hlm. 393

mudah. Pelbagai cabaran dan dugaan perlu ditempuhi dengan penuh kesabaran dan ketabahan.

Bagi mencapai tujuan tersebut pendedahan dan mendalami ilmu kekeluargaan dan keibubapaan adalah suatu sumber penting untuk dijadikan panduan dan pedoman dalam mengharungi apa jua cabaran dan gelora yang melanda di sepanjang kehidupan perkahwinan.<sup>20</sup>

Justeru itu, pelaksanaan Kursus Praperkahwinan Islam dapat membantu pasangan pengantin dengan pendedahan berkenaan persediaan perkahwinan, ilmu kekeluargaan dan ilmu keibubapaan serta dapat memahami matlamat perkahwinannya.<sup>21</sup> Ianya sekaligus dapat membantu meningkatkan pengetahuan dan kesedaran serta mempertingkatkan nilai keperibadian diri.

### **3.3.3 Membantu Menangani Permasalahan Rumahtangga.**

Terdapat beberapa asas dan prinsip yang dapat dijadikan panduan dan membimbing pasangan suami isteri untuk membina sebuah perkahwinan yang kukuh. Walau bagaimanapun, sejauhmana tahap keberkesanan dan kejayaan amalan itu bergantung pada kreativiti dan kebijaksanaan pasangan suami isteri mengendalikannya dalam pelbagai situasi.<sup>22</sup>

---

<sup>20</sup> Muṣṭafa al-Bughā, (2005), *al-Fiqh al-Manhajī ‘ala Madhāhib al-Imām al-Syāfi’ī*, j.2, Damsiyq: Dār al-Qalam, hlm.18

<sup>21</sup> Muḥammad Nābil Sa’ad Shaḍhilī (1989), *Aḥkām al-Ussrah fī al-Fiqh al-Islāmī*, j.1, Kaherah : Dār al-Nahḍhoh al-‘Arabiyyah, hlm. 8

<sup>22</sup> Ibn Qudāmah (1999), *al-Mughnī*. Juz 6, al-Mumlikah al-‘Arabiyyah al-Sa’udiyah : Dār ‘Ālam al-Kutub, hlm. 605

Justeru, untuk memperoleh sebuah perkahwinan yang berjaya pasangan suami isteri perlu mempelajari dan mendalami ilmu tentang hidup berumah tangga. Ilmu tersebut sangat luas skopnya. Ia merangkumi ilmu untuk keperluan diri sendiri, pasangan, anak dan keluarga secara keseluruhan. Maka sewajarnya menjadi suatu keperluan bagi setiap pasangan mengikuti kursus pra perkahwinan sebelum mendirikan rumah tangga sebagai persediaan menjadi suami isteri dan ia juga merupakan sumber pengetahuan ke arah memantapkan lagi institusi perkahwinan.

Dengan memanfaatkan ilmu perkahwinan dan kekeluargaan yang ada tidak mustahil untuk kita memperoleh dan membentuk sebuah keluarga yang bahagia. Maka kejayaan sesebuah perkahwinan boleh diukur berdasarkan sejauh mana penguasaan ilmu dan cara pasangan suami isteri memanfaatkannya dalam kehidupan berumahtangga.<sup>23</sup>

### **3.4 Objektif Modul Kursus Praperkahwinan Islam**

Dalam institusi perkahwinan, setiap pasangan suami isteri diamanahkan oleh Allah tanggungjawab tertentu yang perlu dilaksanakan bagi merealisasikan pembentukan sebuah keluarga bahagia di dunia dan akhirat.

---

<sup>23</sup> Muhammad Shaded (1994), *Metodologi Al-Quran Dalam Pendidikan*, Kuala Lumpur : Bahagian Hal Ehwal Islam Jabatan Perdana Menteri, hlm. 153.



Bagi setiap bakal pengantin wajar mempersiapkan diri dengan ilmu dan amalan berumahtangga agar kesempurnaan hidup berumahtangga dapat dikecapi. Langkah bijak Jabatan Agama Islam Negeri-Negeri dengan mewajibkan setiap bakal pengantin menghadiri kursus perkahwinan yang dianjurkan oleh jabatan-jabatan dan swasta merupakan satu alternatif bagi mempersiapkan diri mereka dengan ilmu kekeluargaan agar dapat menyeberangi alam berumahtangga sejajar dengan kehendak lulus-lulus agama.

Di samping itu, ia juga bertujuan untuk memberikan daya tahan dalam mengharungi hidup berumahtangga. Modul yang dirangka khusus ini terbahagi kepada tiga bahagian iaitu bahagian berkaitan asas-asas pembinaan insan, bahagian pengurusan keluarga dan bahagian pengurusan masalah keluarga.<sup>24</sup>

Bagi setiap bahagian modul tersebut mempunyai objektifnya tersendiri. Modul berkaitan asas pembinaan insan bertujuan mempertingkatkan pengetahuan dan kefahaman peserta kursus dalam menuju pembentukan keluarga sejahtera dengan memberi penekanan kepada aspek pengetahuan dan kemahiran mengenai konsep dan ciri-ciri pembinaan insan bagi melahirkan generasi berilmu, beramal dan bertaqwa.<sup>25</sup>

---

<sup>24</sup> Datuk Hj Mohamad Shahir b. Hj Abdullah, (2002), *op.cit*, hlm. xiii

<sup>25</sup> \_\_\_\_\_ (2002), *Rasulullah Menjana Kecemerlangan Keluarga Dalam Menghayati Keindahan Islam*, Pahang : Jabatan Agama Islam Pahang, hlm. 46

Peserta juga akan mendapat pengetahuan dan kemahiran berhubung dengan asas pembinaan insan melalui kefahaman tentang asas-asas fardhu ain untuk menghadapi alam perkahwinan yang merangkumi akidah, akhlak dan munakahat.<sup>26</sup>

Menerusi bahagian ini juga ia bertujuan untuk membantu pasangan mengetahui kedudukan dan hak mereka dalam perkahwinan serta memastikan perkahwinan mereka mendapat pengiktirafan agama dan pentadbiran negeri yang berkenaan. Kepastian tentang sah atau tidak perkahwinan yang dilakukan ada implikasi terhadap kesabitan keturunan dan perlindungan undang-undang apabila timbul perkara berbangkit berkaitan perkahwinan.

Di samping itu, peserta kursus akan mendapat penjelasan yang lengkap berhubung dengan prosedur pembubaran perkahwinan mengikut Undang-Undang Keluarga Islam. Justeru itu, mereka dapat memahami tanggungjawab sebagai individu muslim jika ikatan perkahwinan hendak dibubarkan atau selepas pembubaran dan mengetahui adanya peruntukan undang-undang yang mesti mereka patuhi walaupun ikatan perkahwinan telah putus. Lantaran itu, mereka juga dapat membuat persediaan diri dan lebih bertanggungjawab serta amanah sejajar dengan perkahwinan dan kasih sayang kekeluargaan.<sup>27</sup>

---

<sup>26</sup> Ibn Mustafa (1993), *Keluarga Islam Menyongsong Abad 21*, Bandung : Al-Bayan, hlm 16

<sup>27</sup> Nāṣir Aḥmad Ibrāhīm (2005), *Mauqif al-Syarī'ah al-Islāmiyyah min Tawla al-mar'ah li-Aqd al-Nikah Dirāsah Fiqhiyyah Muqāranah*, Iskandariah : Dār al-jami'ah al-Jadīdah, hlm. 7

Untuk bahagian kedua pula iaitu pengurusan rumahtangga, mendedahkan para peserta kursus tentang aspek asas pengurusan keluarga yang merangkumi hubungan dalam keluarga, pengurusan sumber keluarga dan komunikasi suami isteri. Pengetahuan dan kemahiran dari ketiga-tiga bidang pengurusan ini akan dapat membantu hubungan suami isteri mencapai kesejahteraan hidup berkeluarga serta menjamin keutuhan dalam institusi keluarga.<sup>28</sup>

Melalui pengetahuan hubungan dalam keluarga bertujuan memberi lebih kefahaman tentang hubungan dalam keluarga yang meliputi fungsi hubungan suami isteri, hubungan kelamin, kepentingan dan cara-cara mewujudkan hubungan baik dengan ibubapa dan mertua serta melahirkan suasana baik hidup berjiran yang juga boleh mempengaruhi kebahagiaan sesebuah rumahtangga atau sebaliknya.<sup>29</sup>

Pengetahuan pengurusan sumber keluarga pula bermatlamat memberi penjelasan tentang aspek-aspek yang meliputi kepentingan dan matlamat pengurusan kewangan keluarga serta langkah-langkah merancang perbelanjaan keluarga, kepentingan masa untuk pembahagian aktiviti hidup yang seimbang serta konsep kesihatan dan kepentingan penjagaan kesihatan berkeluarga.<sup>30</sup>

---

<sup>28</sup> Mohd Fazli Sabri dan Jariah Masud (2004), "*Malaysia Journal of Family Studies*", Bil. 1, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Kuala Lumpur, hlm. 2

<sup>29</sup> Muḥammad bin al-Siddīqī al-Shāfi'ī (t.t), *Dalīl al-Fālihīn li-turuq Riyād al-Sālihīn*, j.2, Mesir : Syakirah Maktabah wa Maṭba'ah Muṣṭafā al-Bābī al-Ḥalabī wa Awlādih, hlm. 108

<sup>30</sup> Mohd Yusuf Ahmad (2007), *Pengajian Islam*, Kuala Lumpur : Universiti Malaya, hlm. 68

Selain itu, objektif bahagian ini memberi pengetahuan cara-cara membina perhubungan yang membawa kasih sayang dan ketenangan melalui komunikasi berkesan.<sup>31</sup>

Objektif bahagian ketiga iaitu pengurusan masalah dalam keluarga adalah memberi pengetahuan dan kemahiran untuk menangani serta menguruskan konflik yang berlaku dalam rumahtangga dari masa ke semasa bagi mencapai matlamat pembinaan keluarga yang sakinah.<sup>32</sup>

Pengurusan konflik bertujuan memberi kefahaman tentang pengertian konflik, mengenalpasti punca-punca konflik, bentuk-bentuk konflik, memahami undang-undang yang berkaitan dengan darar atau keganasan dalam rumahtangga serta mengetahui cara menyelesaikan konflik.<sup>33</sup>

Manakala perkhidmatan kaunseling di Jabatan Agama Islam pula memfokuskan tentang perkara-perkara yang berkaitan dengan kaunseling meliputi definisi, bentuk, matlamat, tanggungjawab klien dan kaunselor serta cara-cara mendapatkan perkhidmatan kaunseling.

Seterusnya, penjelasan yang lengkap diberikan berhubung dengan prosedur pembubaran perkahwinan mengikut undang-undang keluarga Islam

---

<sup>31</sup> Abu Bakr Jabir Al-Jazairi (2003), *Pedoman Hidup Muslim*, Hasanuddin dan Didin Hafidhuddin (terj.) Singapura : Darul Fajr Publishing House, hlm. 152

<sup>32</sup> Abi al-Qāsim Muḥammad bin Aḥmad (2008), *al-Qāwanin al-Fiqhiyyah*. Mesir : Dār al-Andalus al-Jadīdah, hlm. 249

<sup>33</sup> Ibn Taimiyyah (t.t), *al-Fatāwa al-Kubrā*. Juz. 3, Beirut : Dār al-Ma'rifah, hlm. 30

meliputi penyelesaian konflik suami isteri, prosedur mohon perceraian, perceraian di luar Mahkamah dan jenis serta proses perceraian.

### **3.5 Pelaksanaan Modul Bersepadu Kursus Praperkahwinan Islam (MBKPPI)**

#### **3.5.1 Syarikat-Syarikat Penganjur Kursus Praperkahwinan Islam**

Terdapat beberapa penganjur atau syarikat swasta yang dilantik dan berdaftar di bawah Jabatan Agama Islam Perak bagi menjalankan Kursus Praperkahwinan Islam di negeri Perak.

Penganjur-penganjur atau syarikat-syarikat swasta yang terlibat menjalankan Kursus Praperkahwinan Islam di Ipoh ialah Badan Kebajikan Dan Sukan Jabatan Agama Islam Perak (BAKSIP), Persatuan Penguatkuasa Agama Negeri Perak (PEKAP), Ajwad Enterprise, HKBW Enterprise, Umetic Enterprise, Akademi Ar Ridzuan, Amnira Enterprise, Darul Islah, Koperasi Anggota Perkhidmatan Agama Islam Negeri Perak Bhd, Persatuan Pegawai-Pegawai Ugama Perak dan Akadic Enterprise.

Selain itu terdapat juga penganjur-penganjur kursus di tempat lain seperti Sarizaki Enterprise Taiping, Pusat Pendidikan Elite Terbilang Pengkalan Hulu, Pusat Perkhidmatan Minda Parit Buntar, CGTI Enterprise Teluk Intan, Durratun An Nasihin dan Cahaya Al Syamsi Enterprise serta

Pusat Tuisyen Didikan Pintar di Seri Manjung. Namun penganjur-penganjur kursus tersebut yang aktif menjalankan kursus pada setiap bulan ialah Musa Enterprise Sitiawan, Universiti Pendidikan Sultan Idris dan Pusat Pengajian Al-Quran Dan As-Sunnah Teluk Intan.<sup>34</sup>

### **3.5.2 Statistik Bilangan Peserta Kursus Praperkahwinan Islam**

Pelaksanaan Modul Bersepadu Kursus Praperkahwinan Islam yang diwajibkan ke atas bakal-bakal pengantin di negeri Perak menunjukkan pertambahan peserta kursus.

Menurut statistik kadar bilangan peserta Kursus Praperkahwinan Islam pada tahun 2003 ialah seramai 10,181 orang peserta, pada tahun 2004 seramai 13,206 orang peserta, pada tahun 2005 seramai 15,056, pada tahun 2006 seramai 16,889 orang peserta, pada tahun 2007 seramai 26,344 orang peserta, pada tahun 2008 pula seramai 21,468 orang peserta telah mengikuti kursus tersebut. Ini bermakna pertambahan peserta kursus amat menggalakkan dan mendapat sambutan baik pada setiap tahun.<sup>35</sup>

---

<sup>34</sup> Sumber: (Senarai Penganjur-Penganjur Kursus Praperkahwinan Islam oleh Jabatan Agama Islam Perak).

<sup>35</sup> Statistik Bilangan Peserta Kursus Praperkahwinan Islam yang dikeluarkan oleh Jabatan Agama Islam Perak.

### **3.5.3 Aturcara Kursus Praperkahwinan Islam**

Setiap Kursus Praperkahwinan Islam yang dianjurkan oleh pihak penganjur kursus merangkumi 12 tajuk untuk masa 14 jam 30 minit kredit termasuk ujian kefahaman. Pihak urusetia bagi setiap penganjur-penganjur kursus yang bertanggungjawab menyediakan jadual kursus setelah berbincang dengan Pegawai Tadbir Agama Daerah pada setiap kali kursus dilaksanakan.<sup>36</sup>

Walau bagaimanapun satu salinan jadual dan aturcara kursus perlu dikemukakan kepada pihak Jabatan Agama Islam Negeri Perak sebelum kursus dijalankan untuk tujuan pemantauan.

Jadual dan aturcara kursus mengandungi tarikh, hari, masa, tempat, nama pemudahcara dan tajuk. Setiap perubahan yang berlaku terhadap jadual atau aturcara kursus hendaklah dimaklumkan kepada Pegawai Tadbir Agama Daerah.

Penganjur-penganjur kursus perlu memberi taklimat kepada peserta sebelum sesi pertama bermula. Antara perkara yang perlu dimaklumkan ialah berkaitan peraturan kursus, peraturan peserta, jadual kursus, dan sijil kursus bagi keberkesanan kursus yang dijalankan.<sup>37</sup>

---

<sup>36</sup> Zakaria bin Abdul Razak (2005), *Garis Panduan Pengawalan Pelaksanaan Modul Bersepadu Kursus Praperkahwinan Islam*, Ipoh : Jabatan Agama Islam Perak, hlm. 7

<sup>37</sup> *Ibid*, hlm. 10

Bilangan peserta kursus tidak kurang 30 orang peserta dan tidak boleh melebihi 100 orang bagi setiap sesi. Penganjur-penganjur kursus perlu memastikan pendaftaran ditutup 10 minit sebelum sesi pertama bermula dan senarai nama peserta diletakkan diatas meja pemudahcara bagi tujuan semakan.<sup>38</sup>

Setiap peserta kursus hendaklah menghadiri setiap sesi yang dijalankan disepanjang kursus. Peserta yang gagal menghadiri mana-mana tajuk atau terlewat lebih daripada 15 minit selepas sesi bermula dikehendaki mengulang tajuk berkenaan pada masa akan datang sekiranya gagal membuat demikian tindakan menahan sijil akan dilakukan.<sup>39</sup>

Sijil Kursus Praperkahwinan Islam pula hanya dikeluarkan oleh Jabatan Agama Islam Negeri Perak dan Kor Agama Angkatan Tentera (KAGAT) bagi Anggota Tentera sahaja. Tempoh sah laku sijil adalah untuk seumur hidup.<sup>40</sup>

#### **3.5.4 Statistik Tahap Pencapaian Ujian Kelayakan Sijil Kursus Praperkahwinan Islam**

Ujian kelayakan buat pertama kalinya telah dijalankan pada bulan Jun 2007 untuk setiap peserta Kursus Praperkahwinan Islam bagi menilai

---

<sup>38</sup> *Ibid*, hlm. 8

<sup>39</sup> *Ibid*, hlm. 7

<sup>40</sup> *Ibid*, hlm. 12



sejauhmana tahap pemahaman dan persediaan peserta dalam melengkapkan diri dengan ilmu kekeluargaan. Jadual 3.6.4 berikut menunjukkan keputusan ujian kelayakan Kursus Praperkahwinan Islam di Jabatan Agama Islam Negeri Perak.<sup>41</sup>

Jadual 3.6.4: Tahap Pencapaian Ujian Kelayakan

Tahap Pencapaian	Bil	Peratus
Gagal	7	0.03
Lulus	20,777	99.97
Jumlah	20,784	100.0

Jadual 3.6.4 menunjukkan keputusan pencapaian peserta kursus berdasarkan ujian kelayakan yang telah dijalankan pada bulan Jun 2007 sehingga Mei 2008. Dari keputusan tersebut didapati seramai 20,777 orang (99.97%) responden lulus, manakala 7 orang (0.03%) peserta gagal dalam pencapaian ujian kelayakan tersebut.

Secara keseluruhannya para peserta kursus telah mencapai tahap ujian kelayakan dengan baik, namun masih terdapat peserta yang masih ditahap yang lemah dari segi persediaan berkaitan ilmu kekeluargaan.

---

<sup>41</sup> Statistik Tahap Pencapaian Ujian Kursus Pra Perkahwinan Islam yang dikeluarkan oleh Bahagian Pentadbiran Undang-Undang Kekeluargaan, Jabatan Agama Islam negeri Perak.

### **3.6 Sumber Modul Bersepadu Kursus Praperkahwinan Islam (MBKPPI)**

Penerbitan Modul Bersepadu Kursus Praperkahwinan Islam (MBKPPI) yang diwujudkan bagi keselarasan pelaksanaan kursus praperkahwinan Islam tidak menyenaraikan secara khusus sumber-sumber rujukannya untuk menyempurnakan penerbitan modul tersebut.

Namun begitu, sumber-sumber rujukan penerbitan modul tersebut dapat diketahui secara tidak langsung menerusi beberapa analisis huraian tajuk-tajuk pada setiap bahagian modul yang dibentangkan. Mengikut pengamatan penulis kebanyakan huraian modul tersebut telah menggunakan penafsiran Al-Quran dan Hadith sebagai sumber rujukan utama.

Sumber rujukan utama dari Al-Quran telah dipamerkan menerusi huraian tajuk-tajuk di setiap bahagian modul yang dibentangkan. Analisa penulis terhadap modul ini mendapati bahawa terdapat 25 potong ayat-ayat Al-Quran yang telah digunapakai dalam menguatkan huraian tajuk-tajuk di setiap bahagian modul.

Metode bersandarkan hadith juga merupakan sebahagian sumber-sumber rujukan bagi menyempurnakan huraian tajuk-tajuk di setiap bahagian modul. Sandaran dari hadith tersebut dinyatakan menerusi nama periwayat hadith seperti Imam Bukhārī, Muslim, Ahmad bin Hanbal, Abu Daud, Imam

Turmudzí, Al-Nasāi, Al-Baihaqí, Ibn Mājah dan Al-Hākím. Sebagai contoh, hadith riwayat Imam Muslim sebagai dalil pengertian iman.

فقال : يا رسول الله ! ما الايمان ؟ قال : أن تؤمن بالله , وملائكته , وكتبه ورسله واليوم الآخر و  
تؤمن بالقدر خيره وشره , قال صدقت

Ertinya:

Berkata ia (Jibrail) “Beritahulah kepada aku tentang iman? Nabi S.A.W menerangkan (iman itu ialah) Engkau beriman kepada Allah, Malaikat-malaikatNya, Kitab-kitabNya, Rasul-rasulNya, serta Hari Akhirat dan Engkau beriman kepada takdir (yang ditentukan oleh Allah) baiknya dan buruknya.” (Mendengarkan yang sedemikian) ia berkata “ Benarlah apa yang tuan katakan itu”.<sup>42</sup>

(Hadith Riwayat Muslim)

Senarai rujukan disebutkan di atas adalah terdiri daripada hadith-hadith yang ma'thur dan ini menunjukkan kebanyakan huraian tajuk di setiap bahagian modul merujuk kepada sumber yang sahih sahaja untuk mengukuhkan huraian yang diperjelaskan di dalam modul.

Penggunaan bahasa yang mudah difahami dan kupasan yang terperinci serta komprehensif meliputi aspek perkahwinan, perundangan, psikologi, pengurusan, kasihatan, komunikasi dan sosiologi mampu dihayati oleh semua lapisan masyarakat Islam.

---

<sup>42</sup> Al-Imām Muḥy al-Dīn al-Nawāwī (1994), *Ṣaḥiḥ Muslim*, jilid 1, Kitab al-Imān, Bab al-Imān ma huwa? wa bayān khiṣāliḥ, no hadith 97.

### **3.7 Rumusan**

Pada keseluruhannya, dapatlah disimpulkan bahawa Modul Bersepadu Kursus Praperkahwinan Islam merupakan suatu modul yang menyediakan pengetahuan asas kekeluargaan bagi pasangan yang akan mendirikan rumahtangga untuk meningkatkan ilmu dan memantapkan persediaan diri serta meningkatkan keyakinan sebelum memasuki alam perkahwinan.

Modul tersebut mengandungi tiga bahagian iaitu asas pembinaan insan, prosedur undang-undang kekeluargaan dan kemahiran keibubapaan dan pengurusan rumahtangga. Kepentingan bahagian-bahagian tersebut bertujuan untuk melahirkan generasi berilmu, beramal, bertaqwa, meningkatkan kemahiran dalam pengurusan keluarga dan komunikasi suami isteri serta kemahiran dalam pengurusan konflik keluarga dengan cara berkesan bagi mencapai matlamat pembentukan keluarga yang sakinah dan bahagia.

Bagi memastikan keberkesanan pelaksanaan Modul Bersepadu Kursus Praperkahwinan Islam, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia telah membuat suatu garis panduan pengawalan pelaksanaan MBKPPI dan MBKPPI Saudara Baru sebagai panduan dan peraturan kepada semua penganjur kursus MBKPPI dalam membuat pemantauan yang lebih bersistematik terhadap pelaksanaan kursus tersebut.

## **BAB KEEMPAT**

### **ANALISIS MODUL BERSEPADU KURSUS PRAPERKAHWINAN ISLAM DI JABATAN AGAMA ISLAM NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN.**

#### **4.1 Pengenalan**

Bab ini akan membincangkan secara khusus kajian tentang keberkesanan pelaksanaan Modul Kursus Praperkahwinan Islam (MBKPPI) di Jabatan Agama Islam negeri Perak. Hasil dapatan kajian yang telah dijalankan akan dikemukakan dalam bentuk penganalisan data secara lengkap.

Kesimpulan dari analisa data merupakan aset terpenting dalam kajian ini bagi mengenal pasti serta menilai sejauh mana keberkesanan pelaksanaan Modul Kursus Praperkahwinan Islam di negeri Perak.

#### **4.2 Bahagian A**

##### **4.2.1 Latarbelakang Responden (Pemudahcara / Fasilitator)**

Responden kajian ini terdiri daripada 24 orang pemudahcara Kursus Praperkahwinan Islam (MBKPPI) daripada 40 orang pemudahcara yang telah menerima borang soal selidik yang telah diedarkan. Mereka adalah yang

terlibat dalam mengendalikan Kursus Praperkahwinan Islam di negeri Perak dan dilantik melalui Jabatan Agama Islam Perak. Mereka telah menerima sijil fasilitator atau pemudahcara daripada pihak Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) atau Jabatan Agama Islam negeri (JAIN) setelah menghadiri Kursus Fasilitator Modul Bersepadu Kursus Praperkahwinan Islam yang dianjurkan oleh pihak Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) atau Jabatan Agama Islam negeri (JAIN).

Aspek-aspek yang dianalisis ialah berkaitan jantina, tahap kelayakan akademik dan pengalaman sebagai fasilitator atau pemudahcara kursus.

#### **4.2.1 (a) Jantina**

Jadual 4.2.1 (a) menunjukkan taburan pemudahcara mengikut jantina. Didapati responden lelaki lebih ramai iaitu 20 orang (83.3%) berbanding responden perempuan hanya 4 orang (16.7%) sahaja.

Jadual 4.2.1 (a)

Taburan Responden Mengikut Jantina.

Jantina	Bil	Peratus
Lelaki	20	83.3
Perempuan	4	16.7
Jumlah	24	100.0

#### **4.2.1 (b) Kelulusan Akademik**

Dari segi kelulusan akademik yang terdapat dalam jadual 4.2.1 (b), didapati kebanyakan (83.3%) pemudahcara berkelulusan Ijazah Sarjana Muda. Ini diikuti pula oleh fasilitator berkelulusan Diploma (16.7%).

Jadual 4.2.1 (b)

Taburan Responden Mengikut Kelayakan Akademik Tertinggi

Kelayakan Akademik Tertinggi	Bil	Peratus
Diploma	4	16.7
Ijazah	20	83.3
Jumlah	24	100.0

#### **4.2.1 (c) Pengalaman Sebagai Pemudahcara Kursus**

Jadual 4.2.1 (c) berikut menunjukkan pengalaman sebagai pemudahcara Kursus Praperkahwinan Islam di Jabatan Agama Islam Negeri Perak.

Jadual 4.2.1 (c)

Taburan Responden Mengikut Pengalaman Dalam Pengendalian Kursus

Pengalaman Sebagai Fasilitator	Bil	Peratus
4 - 10 Tahun	20	83.3
11 – 17 Tahun	4	16.7
Jumlah	24	100.0

Hasil keputusan jadual 4.2.1(c), didapati 20 orang (83.3%) responden berpengalaman sebagai fasilitator antara 4 hingga 10 tahun. Manakala 4 orang (16.7%) responden berpengalaman sebagai fasilitator antara 11 hingga 17 tahun.

#### **4.2.2 Latarbelakang Responden (Peserta Kursus MBKPPI)**

Responden kajian ini terdiri daripada 198 orang yang telah mengikuti Kursus Praperkahwinan Islam di negeri Perak dan 100 orang peserta kursus yang telah mendirikan rumahtangga terdiri daripada penduduk sekitar Ipoh, Tapah, Teluk Intan, Manjong dan Seri Iskandar. Pemilihan lokasi kajian berdasarkan terdapatnya penganjur-penganjur swasta Kursus Praperkahwinan Islam (MBKPPI) yang disediakan bagi golongan remaja dan belia yang akan mendirikan rumahtangga. Aspek-aspek yang dianalisis adalah berkaitan jantina.

##### **4.2.2 (a) Jantina**

Jadual 4.2.2(a) menunjukkan taburan responden mengikut jantina. Didapati responden perempuan lebih ramai iaitu 182 orang (61.1%) jika dibandingkan responden lelaki seramai 116 orang (38.9%).



Jadual 4.2.2 (a)

Taburan Responden Mengikut Jantina

Jantina	Bil	Peratus
Lelaki	116	38.9
Perempuan	182	61.1
Jumlah	198	100.0

### 4.3 Bahagian B

Bahagian ini terdiri daripada pembolehubah-pembolehubah yang terdapat dalam model penilaian KIPP yang dipelopori oleh Stufflebeam (1971) iaitu Konteks, Input, Proses dan Produk. Dapatan-dapatan dalam kajian ini dianalisis mengikut objektif kajian.

a) Penilaian Konteks

Penilaian “konteks” tertumpu kepada persekitaran, di mana perubahan akan berlaku dan masalah persekitaran yang dihadapi. Tujuan penilaian ini adalah untuk menentukan kesesuaian persekitaran dalam membantu pencapaian matlamat dan objektif program. Dalam kajian ini penilaian konteks ialah sikap dan kesediaan pemudahcara terhadap perubahan dan masalah-masalah yang dihadapi dalam pelaksanaan MBKPPI.

b) Penilaian Input

Penilaian “input” tertumpu kepada sumber yang terlibat dalam membantu pencapaian matlamat dan objektif program. Penilaian “input”

dalam kajian ini ialah keyakinan, kemahiran dan pengetahuan guru, kemudahan kursus, jadual dan peruntukan waktu mengajar dan kursus dalam perkhidmatan.

c) Penilaian Proses

Penilaian “ proses ” tertumpu kepada proses yang digunakan untuk mencapai objektif dan matlamat program. Maklumat ini perlu diketahui dari masa ke semasa untuk mengawal pelaksanaan program. Untuk kajian ini penilaian “ proses ” ialah cara pengajaran dan pembelajaran pemudahcara MBKPPI.

d) Penilaian Produk

Penilaian “ produk ” tertumpu kepada hasil program setelah ia tamat dilaksanakan. Penilaian “ produk ” dalam kajian ini ialah hasil perubahan sikap peserta kursus dari aspek pengetahuan yang mereka perolehi daripada menyertai kursus MBKPPI dan pencapaian objektif MBKPPI pada persepsi pemudahcara.

#### **4.3.1 Keberkesanan Dari Segi Dimensi Konteks**

Penilaian konteks bertujuan untuk mengukur dan mengesahkan perjalanan Modul Bersepadu Kursus Praperkahwinan Islam. Hasil keputusan yang diperolehi menjadi asas untuk memperbaiki matlamat yang sedia ada dan menentukan sesuatu perubahan.

#### **4.3.1.1 Sikap Dan Kesediaan Fasilitator / Pemudahcara Terhadap Modul Bersepadu Kursus Praperkahwinan Islam**

Pelaksanaan Modul Bersepadu MBKPPI bagi Kursus Praperkahwinan Islam adalah sesuatu perubahan yang memerlukan masa untuk mencapai objektifnya. Jadual 4.3.1.1 menunjukkan sikap dan kesediaan pemudahcara terhadap pelaksanaan modul tersebut. Berdasarkan kesemua 6 item yang terdapat dalam jadual tersebut, ianya menunjukkan kebanyakan sikap pemudahcara dapat menerima pelaksanaan modul tersebut.

Berdasarkan 6 item tersebut didapati seramai 20 orang responden (83.4%) dapat menerima dan melaksanakan perubahan yang dibuat oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dengan membuat persediaan dari segi pengetahuan. Hanya 4 orang responden (16.7%) sahaja yang menyatakan perubahan yang dibuat oleh JAKIM tertalu drastik dan berasa kurang persediaan dari segi pengetahuan.

Manakala seramai 16 orang responden (66.7%) menyatakan kesediaan mereka untuk menerima perubahan dan dapat menyesuaikan diri dengan tajuk Modul Bersepadu MBKPPI serta dari aspek pengajaran dan pembelajaran topik modul mereka dapat mengajar dengan lebih sistematik. Ini diikuti seramai 8 orang responden (33.3%) menyatakan sangat bersetuju untuk menerima perubahan dan menyesuaikan diri dengan tajuk Modul Bersepadu MBKPPI.

Jadual 4.3.1.1

Taburan Responden Min Dan Sisihan Piawai Bagi Pernyataan Sikap Dan Kesiediaan Pemudahcara Terhadap Modul Bersepadu  
Kursus Praperkahwinan Islam (MBKPPI)  
(n=24)

Pernyataan	SS Bil	S Bil	TP Bil	TS Bil	STS Bil	Skor Min	SP
Perubahan yang dibuat oleh JAKIM terlalu drastik		4 (16.7%)		16 (66.7%)	4 (16.7%)	2.17	0.917
Saya rasa kurang persediaan dari segi pengetahuan		4 (16.7%)		10 (41.7%)	10 (41.7%)	1.50	1.142
Saya memang sukar untuk menerima perubahan				16 (66.7%)	8 (33.3%)	1.67	0.482
Sukar untuk menyesuaikan diri dengan tajuk Modul Bersepadu				16 (66.7%)	8 (33.3%)	1.67	0.482
Saya tidak dapat mengajar tajuk modul dengan baik jika dibandingkan dengan tajuk lama.				16 (66.7%)	8 (33.3%)	1.67	0.482

Sumber : Soal selidik Oktober 2008 hingga Januari 2009.

sambungan

Pernyataan	SS	S	TP	TS	STS	Skor	SP
	Bil	Bil	Bil	Bil	Bil	Min	
Dari aspek pengajaran topik modul, saya dapat mengajar dengan lebih sistematis.				16 (66.7%)	8 (33.3%)	1.67	0.482

Min: 1.7917      Sisihan Piawai: 0.57368

Sumber: Soal selidik Oktober 2008 hingga Januari 2009.

Secara keseluruhannya tahap sikap dan kesediaan pemudahcara di tahap yang sederhana terhadap pelaksanaan Modul Bersepadu MBKPPI. Ini berdasarkan jadual 4.3.1.1 yang menunjukkan purata min keseluruhannya ialah 1.7917.

#### **4.3.1.2 Masalah-masalah Yang Dihadapi Dalam Pelaksanaan Modul Bersepadu Kursus Praperkahwinan Islam**

Dalam pengajaran dan pembelajaran sesuatu topik modul, pemudahcara atau fasilitator akan menghadapi beberapa masalah dalam bidang teori. Jadual 4.3.1.2 menunjukkan taburan responden mengikut tahap masalah-masalah yang dihadapi dalam pelaksanaan Modul Bersepadu MBKPPI. Daripada dapatan yang diperolehi, didapati kesemua pernyataan pemudahcara atau fasilitator menunjukkan bahawa mereka kurang menghadapi masalah untuk melaksanakan Modul Bersepadu Kursus Praperkahwinan Islam.

Daripada dapatan yang diperolehi didapati kesemua responden iaitu 24 orang pemudahcara menyatakan tiada menghadapi masalah dari segi bilangan peserta kursus yang terlalu ramai untuk setiap sesi kursus Modul Bersepadu MBKPPI. Selain itu, seramai 22 orang responden (91.7%) menyatakan tempat kursus diadakan adalah selesa dan jadual yang sesuai untuk mengajar topik Modul Bersepadu MBKPPI. Sementara itu, seramai 20 orang responden (83.3%) menyatakan jangka masa mengajar topik modul yang mencukupi dan kemudahan peralatan mengajar yang mencukupi.

Namun begitu dapatan kajian menunjukkan seramai 22 orang responden (91.7%) menyatakan menghadapi masalah dari segi disiplin peserta kursus seperti mereka kurang memberi perhatian kepada topik yang disampaikan oleh pemudahcara-pemudahcara kursus. Ini kerana kebanyakan para peserta menghadiri kursus sekadar memenuhi syarat untuk mendapatkan sijil Kursus Praperkahwinan Islam. Fenomena sedemikian sewajarnya tidak berlaku bagi mencapai objektif sebenar pelaksanaan kursus tersebut.

Pernyataan tersebut turut dinyatakan dalam kajian Syarifah Syukriah (2003), terdapat peserta yang kurang memberikan kerjasama kepada pihak penganjur kursus mahupun kepada pemudahcara. Kehadiran peserta kursus yang tidak menepati masa dan kadangkala bercakap sesama mereka boleh menyinggung perasaan penceramah serta mengganggu kosentrasi peserta-peserta lain.<sup>1</sup>

Melalui pemerhatian juga didapati disiplin peserta kursus juga bermasalah dari segi menepati masa yang telah ditetapkan oleh pihak urusetia.

Selain itu, terdapat 4 orang responden (16.6%) yang menyatakan jangka masa mengajar topik modul tidak mencukupi kerana topiknya terlalu banyak seperti topik pengurusan kesihatan keluarga.

---

<sup>1</sup> Syarifah Syukriah binti Tun Habib (2003), *Kursus Pra Perkahwinan Islam: Analisis Metode Dan pelaksanaan Serta Keberkesanannya Dalam Pembentukan Institusi Kekeluargaan Islam Di Wilayah Persekutuan*. (Tesis Sarjana, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia), hlm. 61

Jadual 4.3.1.2

Taburan Responden Min Dan Sisihan Piawai Bagi Pernyataan Yang Mengukur Tahap Masalah Yang Dihadapi Dalam Pelaksanaan Modul Bersepadu Kursus Praperkahwinan Islam (MBKPPI)  
(n=24)

Pernyataan	SS	S	TP	TS	STS	Skor	SP
	Bil	Bil	Bil	Bil	Bil	Min	
Peserta kursus terlalu ramai untuk diajar				18 (75.0%)	6 (25.0%)	1.75	0.442
Tempat kursus diadakan kurang luas dan selesa			2 (8.3%)	16 (66.7%)	6 (25.0%)	1.83	0.565
Disiplin peserta kursus yang memuaskan	2 (8.3%)			16 (66.7%)	6 (25.0%)	2.00	1.022
Jadual tidak sesuai untuk mengajar topik modul		2 (8.3%)		16 (66.7%)	6 (25.0%)	1.92	0.776
Jangka masa mengajar topik modul tidak mencukupi kerana topiknya terlalu banyak.	2 (8.3%)	2 (8.3%)		14 (58.3%)	6 (25.0%)	2.17	1.167

Sumber : Soal selidik Oktober 2008 hingga Januari 2009



sambungan

Pernyataan	SS	S	TP	TS	STS	Skor	SP
	Bil	Bil	Bil	Bil	Bil	Min	
Kemudahan peralatan mengajar kurang mencukupi.			4 (16.7%)	14 (58.3%)	6 (25.0%)	1.92	0.654

Min 1.9306                      Sisihan Piawai    0.72050

Sumber: Soal selidik Oktober 2008 hingga Januari 2009.

Mengikut kajian Syarifah Syukriah (2003), menyatakan setiap kali sesi soal jawab dibuka, ia kurang mendapat sambutan, malahan kebanyakan peserta lebih selesa mendiamkan diri daripada bertanya soalan-soalan mahupun kemusykilan. Ini bukannya bererti mereka telah memahami segala ilmu yang disampaikan, akan tetapi mungkin disebabkan oleh sikap rasa malu untuk bertanya.<sup>2</sup>

Secara keseluruhannya didapati masalah yang dihadapi dalam pelaksanaan Modul Bersepadu adalah di tahap sederhana.. Ini berdasarkan jadual 4.3.1.2 yang menunjukkan purata min keseluruhannya ialah 1.9306.

#### **4.3.2 Keberkesanan Dari Segi Dimensi Input**

Penilaian input mengukur keupayaan sistem dan input-input dari segi perancangan sumber. Penilaian input dalam kajian ini ialah keyakinan pemudahcara mengajar, kelengkapan peralatan, jadual waktu, peranan Ketua Penolong Pengarah Bahagian Pentadbiran Undang-Undang Keluarga, kemahiran dan pengetahuan pemudahcara dan kursus dalam perkhidmatan.

---

<sup>2</sup> Syarifah Syukriah binti Tun Habib (2003), *op.cit*, hlm. 42

#### **4.3.2.1 Tahap Keyakinan Pemudahcara Atau Fasilitator Modul Bersepadu Kursus Praperkahwinan Islam Berdasarkan Topik-Topik Yang Terdapat Dalam Sukatan**

Jadual 4.3.2.1 menunjukkan tahap keyakinan pemudahcara mengajar Modul Bersepadu berdasarkan kepada topik-topik yang terdapat dalam sukatan. Terdapat 10 topik yang menjadi fokus dalam Modul Bersepadu.

Berdasarkan jadual 4.3.2.1 kebanyakan responden mempunyai tahap keyakinan yang tinggi. Seramai 20 orang responden (83.3%) menyatakan mereka mempunyai tahap keyakinan yang tinggi dalam topik modul seperti komunikasi suami dan isteri, akhlak islamiah, hubungan dalam keluarga, aqidah islamiah, munakahat, fiqh ibadah dan pembubaran perkahwinan. Ini diikuti seramai 18 orang responden (75%) menyatakan mereka mempunyai keyakinan tinggi dalam topik pengurusan konflik, stress dan rundingcara, serta 12 orang responden (50%) dalam topik pengurusan sumber kewangan.

Sementara itu seramai 16 orang responden (66.7%) didapati mempunyai tahap keyakinan yang sederhana untuk mengajar topik-topik seperti pengurusan kesihatan. Hal sedemikian kerana topik modul tersebut adalah topik yang diperuntukkan kepada pemudahcara yang terdiri daripada kalangan doktor yang bertauliah sahaja.

Jadual 4.3.2.1

Taburan Responden Mengikut Tahap Keyakinan Pemudahcara Mengajar Topik Modul Bersepadu  
Kursus Praperkahwinan Islam (MBKPPI)

(n=24)

Topik	Tinggi		Sederhana		Rendah		Skor Min	SP
	Bil	(%)	Bil	(%)	Bil	(%)		
Komunikasi suami / isteri	20	83.3	4	16.7			2.83	0.381
Akhlak Islamiah	20	83.3	4	16.7			2.83	0.381
Hubungan dalam keluarga	20	83.3	4	16.7			2.83	0.381
Pengurusan konflik, stress dan rundingcara	18	75	6	25			2.75	0.442
Pengurusan kesihatan	4	16.7	16	66.6	4	16.7	2.00	0.590
Aqidah Islamiah	20	83.3	4	16.7			2.83	0.381
Munakahat	20	83.3			4	16.7	2.67	0.761

Sumber : Soal selidik Oktober 2008 hingga Januari 2009.

Sambungan

Topik	Tinggi		Sederhana		Rendah		Skor Min	SP
	Bil	(%)	Bil	(%)	Bil	(%)		
Fiqh ibadah	20	83.3			4	16.7	2.67	0.761
Pembubaran perkahwinan	20	83.3			4	16.7	2.67	0.761
Pengurusan sumber keluarga	12	50	12	50			2.50	0.511
Min	2.6583	Sisihan Piawai	0.49071					

Sumber: Soal selidik Oktober 2008 hingga Januari 2009.

Secara keseluruhannya tahap keyakinan pemudahcara mengajar topik-topik Modul Bersepadu MBKPPI berada di tahap sederhana. Ini berdasarkan jadual 4.3.2.1 yang menunjukkan purata min keseluruhannya ialah 2.6583.

#### **4.3.2.2 Kemudahan Kursus**

Penyediaan kemudahan kursus adalah amat dititikberatkan di setiap tempat Kursus Praperkahwinan Islam MBKPPI dijalankan bagi memastikan pengajaran dan pembelajaran Modul Bersepadu MBKPPI dapat berjalan lancar serta keselesaan para peserta kursus. Jadual 4.3.2.2 menunjukkan pernyataan responden terhadap kemudahan kursus yang terdapat di tempat penganjur Kursus Praperkahwinan Islam dijalankan. Didapati keseluruhan responden menyatakan kemudahan kursus yang disediakan oleh pihak penganjur kursus tersebut mencukupi untuk tujuan pengajaran dan pembelajaran modul serta kelancaran perjalanan kursus.

Hasil dapatan kajian menunjukkan seramai 24 orang responden (100%) menyatakan terdapatnya kemudahan kursus yang disediakan seperti kedudukan tempat kursus yang strategik, dewan kursus yang selesa dan luas, bilangan kerusi dan meja mencukupi untuk peserta, kemudahan alat bantu ceramah yang terkini seperti LCD dan kemudahan alat pandang dengar yang memuaskan.

Walau bagaimanapun seramai 22 orang responden (91.7%) menyatakan terdapat masalah dari segi kemudahan tempat solat peserta dan meletak kereta. Masalah ini timbul kerana kedudukan tempat kursus dijalankan terletak di

Jadual 4.3.2.2

Taburan Responden Min Dan Sisihan Piawai Bagi Pernyataan Yang Mengukur Tahap Kemudahan Kursus Untuk Pengajaran dan Pembelajaran Modul Bersepadu Kursus Praperkahwinan Islam (MBKPPI)  
(n=24)

Pernyataan	SS	S	TP	TS	STS	Skor	SP
	Bil	Bil	Bil	Bil	Bil	Min	
Kedudukan tempat kursus yang strategik memudahkan kehadiran peserta	6 (25.0%)	18 (75.0%)				4.25	0.442
Dewan kursus yang selesa dan luas	6 (25.0%)	18 (75.0%)				4.25	0.442
Bilangan kerusi dan meja mencukupi untuk peserta	6 (25.0%)	18 (75.0%)				4.25	0.442
Kemudahan alat bantu ceramah yang terkini seperti LCD	8 (33.3%)	16 (66.7%)				4.33	0.482
Kemudahan alat pandang dengar yang memuaskan	6 (25.0%)	18 (75.0%)				4.25	0.442

Sumber: Soal selidik Oktober 2008 hingga Januari 2009.

sambungan

Pernyataan	SS Bil	S Bil	TP Bil	TS Bil	STS Bil	Skor Min	SP
Tempat kemudahan solat peserta dan meletak kereta		2 (8.3%)		18 (75.0%)	4 (16.7%)	2.00	0.722

Min 3.8889      Sisihan Piawai 0.44141

Sumber: Soal selidik Oktober 2008 hingga Januari 2009.



bangunan yang agak terhad tempat meletak kereta dan keluasan tempat menganjur juga terhad untuk kemudahan solat peserta serta jauh dari masjid. Aktiviti pemantauan oleh Jabatan Agama Islam Perak perlu diadakan secara menyeluruh bagi tujuan mengatasi kelemahan-kelemahan pelaksanaan dan dibuat penambahbaikan.

Melalui kajian Syarifah Syukriah (2003), mendapati 10% responden menyatakan ketidakpuasan hati mereka terhadap tempat kursus yang disediakan. Tempat yang tidak selesa dan kurang kelengkapan ini dikatakan kurang sesuai untuk diadakan kursus.<sup>3</sup>

Secara keseluruhannya didapati kemudahan kursus yang disediakan adalah ditahap tinggi berdasarkan jadual 4.3.2.2 menunjukkan purata min keseluruhannya ialah 3.8889.

#### **4.3.2.3 Pelaksanaan Jadual Waktu Kursus**

Bagi melancarkan pelaksanaan Modul Bersepadu Kursus Praperkahwinan Islam, kesesuaian perjalanan waktu kursus perlu diambil kira untuk memastikan objektif kursus yang dikehendaki dapat dicapai.

Penyusunan jadual waktu untuk setiap topik modul adalah penting bagi mencapai objektif kursus. Tempoh masa bagi setiap tajuk yang 'ketat' amat memerlukan disiplin para fasilitator untuk menjaga ketepatan masa

---

<sup>3</sup> *Ibid.*, hlm. 57

menyampaikan ceramah. Hal ini demikian, kerana membolehkan peserta menjadikan penceramah sebagai contoh serta berkeyakinan dengan maklumat yang disampaikan. Jadual 4.3.2.3 berikut adalah taburan responden mengikut tahap pelaksanaan jadual waktu.

Berdasarkan jadual 4.3.2.3 menunjukkan pernyataan pemudahcara terhadap pelaksanaan jadual waktu kursus. Hasil dapatan menunjukkan responden bersetuju dengan semua item yang terdapat dalam pelaksanaan jadual waktu untuk kursus praperkahwinan Islam. Didapati seramai 22 orang responden (91.7%) menyatakan kombinasi jadual waktu mengajar topik modul adalah sesuai dan pembahagian jadual waktu mengikut tajuk topik modul dibuat dengan baik.

Menurut kajian Syarifah Syukriah (2003), mendapati 15% daripada responden tidak berpuas hati dengan kelancaran perjalanan kursus. Mereka menyatakan bahawa terdapat sesetengah program yang bermula lewat daripada yang dijadualkan. Ini menyebabkan dewan menjadi bising dengan suara peserta berborak sesama mereka. Tidak kurang juga yang mengambil peluang ini untuk berjumpa dengan pasangan masing-masing di luar dewan. Seharusnya pihak penganjur kursus dapat bertindak tegas terhadap permasalahan ini.<sup>4</sup>

---

<sup>4</sup> *Ibid*, hlm. 56

Jadual 4.3.2.3

Taburan Responden Min Dan Sisihan Piawai Bagi Pernyataan Yang Mengukur Tahap Persepsi Pemudahcara / Fasilitator Terhadap Pelaksanaan Jadual Waktu Modul Berserpadu Kursus Praperkahwinan Islam (MBKPPI)  
(n=24)

Pernyataan	SS Bil	S Bil	TP Bil	TS Bil	STS Bil	Skor Min	SP
Kombinasi jadual waktu mengajar topik modul adalah sesuai	12 (50.0%)	10 (41.7%)	2 (8.3%)			4.42	0.67
Pembahagian jadual waktu mengikut tajuk topik modul dibuat dengan baik	12 (50.0%)	10 (41.7%)	2 (8.3%)			4.42	0.67

Min 4.42

Sumber: Soal selidik Oktober 2008 hingga Januari 2009.

Secara keseluruhannya didapati komitmen Bahagian Pentadbiran Undang-Undang Keluarga di Jabatan Agama Islam negeri Perak adalah tinggi terhadap pelaksanaan jadual kursus praperkahwinan Islam yang dijalankan. Ia dibuat dengan baik dan sesuai dengan kehendak dan kesesuaian topik modul tersebut sebagai tajuk yang perlu diberi keutamaan. Ini dapat dilihat purata min keseluruhannya dalam jadual 4.3.2.3 ialah 4.42.

#### **4.3.2.4 Sokongan Ketua Penolong Pengarah Bahagian Pentadbiran Undang-Undang Keluarga**

Keperihatinan dan kebijaksanaan Ketua Penolong Pengarah Bahagian Pentadbiran Undang-Undang Keluarga boleh menentukan kejayaan pelaksanaan kursus praperkahwinan Islam. Jadual 4.3.2.4 menunjukkan pernyataan pemudahcara terhadap peranan ketua penolong pengarah dalam pelaksanaan kursus tersebut.

Daripada dapatan yang diperolehi menunjukkan bahawa penglibatan dan komitmen Ketua Penolong Pengarah Bahagian Pentadbiran Undang-Undang Keluarga terhadap pelaksanaan kursus praperkahwinan Islam adalah baik. Ini dapat dilihat seramai 22 orang responden (83.3%) menyatakan bahawa ketua penolong pengarah sentiasa memahami kehendak objektif Modul Bersepadu Kursus Praperkahwinan Islam. Sementara itu seramai 12 orang responden (50%) menyatakan beliau sentiasa mempunyai masa untuk mendengar masalah pemudahcara kursus dan beliau juga mengambil berat dalam segala urusan yang berkaitan dengan pelaksanaan Kursus Praperkahwinan Islam. Kebiasaannya

pekerja akan sentiasa bekerja kuat jika mendapat bantuan dan galakan daripada ketua penolong pengarah yang sentiasa mengambil berat berkenaan urusan pekerjaan.<sup>5</sup>

Namun begitu, terdapat juga responden yang menyatakan agak kurang pasti terhadap sikap ketua penolong pengarah yang kurang memberi komitmen dengan baik. Didapati seramai 16 orang responden (66.6%) menyatakan tidak pasti ketua penolong pengarah membuat peruntukan kewangan kursus praperkahwinan dengan bijaksana. Seterusnya seramai 12 orang responden (50%) menyatakan tidak pasti ketua penolong pengarah sentiasa memberi motivasi dalam menjalankan tugas, tidak pasti beliau bertindak sebagai ketua yang baik dalam memberi idea dan sokongan serta tidak pasti beliau sentiasa memastikan fasilitator kursus berada di tahap yang memuaskan. Dapatan kajian menunjukkan seramai 10 orang responden (41.7%) menyatakan bahawa beliau juga kurang mengkritik pekerja yang lemah.

Secara keseluruhannya didapati sokongan Ketua Penolong Pengarah Bahagian Pentadbiran Undang-Undang Keluarga dalam pelaksanaan Kursus Praperkahwinan Islam adalah di tahap tinggi. Ini berdasarkan jadual 4.3.2.4 yang menunjukkan purata min keseluruhannya ialah 3.4479.

---

<sup>5</sup> Amir Awang (1983), *Bimbingan dan Kaunseling untuk Kesejahteraan Masyarakat*. Kertas kerja dibentangkan dalam Seminar Kaunseling anjuran PERKAMA.

Jadual 4.3.2.4

Taburan Responden Min Dan Sisihan Piawai Bagi Pernyataan Yang Mengukur Tahap Sokongan Ketua Penolong Pengarah Bahagian Pentadbiran Undang-Undang Keluarga Dalam Pelaksanaan Modul Bersepadu Kursus Praperkahwinan Islam (MBKPPI) (n=24)

Pernyataan	SS Bil	S Bil	TP Bil	TS Bil	STS Bil	Skor Min	SP
Sentiasa memberi motivasi dalam menjalankan tugas	6 (25.0%)	4 (16.7%)	12 (50.0%)	2 (8.3%)		3.58	0.974
Bertindak sebagai ketua yang baik dalam memberi idea dan sokongan	6 (25.0%)	4 (16.7%)	12 (50.0%)	2 (8.3%)		3.58	0.974
Sentiasa memahami kehendak objektif Modul Bersepadu Kursus	6 (25.0%)	14 (58.3%)	4 (16.7%)			4.08	0.654
Sentiasa mempunyai masa untuk mendengar masalah fasilitator / pemudahcara kursus	6 (25.0%)	6 (25.0%)	8 (33.3%)	4 (16.7%)		3.58	1.060
Sentiasa mengkritik pekerja yang lemah	6 (25.0%)	2 (8.3%)	10 (41.7%)	8 (33.3%)	4 (16.7%)	2.42	0.881
Peruntukan kewangan kursus praperkahwinan digunakan dengan bijaksana	2 (8.3%)	4 (16.7%)	16 (66.7%)	2 (8.3%)		3.25	0.737

Sumber: Soal selidik Oktober 2008 hingga Januari 2009.

sambungan

Pernyataan	SS Bil	S Bil	TP Bil	TS Bil	STS Bil	Skor Min	SP
Sentiasa memastikan fasilitator / pemudahcara kursus berada ditahap yang memuaskan	4 (16.7%)	6 (25.0%)	12 (50.0%)	2 (8.3%)		3.50	0.885
Mengambil berat dalam segala urusan yang berkaitan dengan pelaksanaan kursus praperkahwinan	4 (16.7%)	8 (33.3%)	10 (41.7%)	2 (8.3%)		3.58	0.881
Min	3.4479	Sisihan Piawai	0.18400				

Sumber: Soal selidik Oktober 2008 hingga Januari 2009.

#### **4.3.2.5 Kursus Dalam Perkhidmatan**

Kursus dalam perkhidmatan adalah kursus yang dikelolakan oleh pihak Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Jabatan Agama Islam Negeri Perak (JAIP). Kursus tersebut dilaksanakan adalah bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran di kalangan pemudahcara-pemudahcara kursus praperkahwinan Islam. Dalam jadual 4.3.2.5 menunjukkan pernyataan responden terhadap pelaksanaan kursus dalam perkhidmatan.

Berdasarkan jadual tersebut didapati kebanyakan pemudahcara bersetuju dan berpendapat kursus dalam perkhidmatan yang dilaksanakan adalah baik. Ini dapat dilihat seramai 24 orang responden (100%) menyatakan kebanyakan pemudahcara berpendapat tenaga pengajar untuk kursus tersebut mempunyai pengetahuan dan cekap. Seterusnya seramai 22 orang responden (91.7%) menyatakan kursus yang diikuti adalah mencukupi untuk mengajar kesemua topik dalam modul dan seramai 20 orang responden (83.4%) menyatakan jangkamasa kursus adalah sesuai. Ini diikuti dengan seramai 18 orang responden (75%) menyatakan kursus untuk sesuatu kemahiran itu diadakan awal iaitu sebelum pemudahcara memulakan pengajaran kursus praperkahwinan Islam dan melalui kursus dalam perkhidmatan yang diadakan ini dapat membantu pemudahcara-pemudahcara memperolehi pengetahuan serta teknik pengajaran yang baik.



Jadual 4.3.2.5

Taburan Responden Min Dan Sisihan Piawai Bagi Pernyataan Yang Mengukur Tahap Pelaksanaan Kursus Dalam Perkhidmatan (n=24)

Pernyataan	SS Bil	S Bil	TP Bil	TS Bil	STS Bil	Skor Min	SP
Kursus yang saya ikuti tidak mencukupi untuk mengajar kesemua topik dalam modul		2 (8.3%)		16 (66.7%)	6 (25.0%)	1.92	0.776
Tenaga pengajar untuk kursus tidak cekap dan kurang pengetahuan				16 (66.7%)	8 (33.3%)	1.67	0.482
Jangkamasa kursus terlalu pendek	2 (8.3%)		2 (8.3%)	16 (66.7%)	4 (16.7%)	2.17	1.007
Kursus untuk sesuatu kemahiran itu diadakan lewat dan fasilitator / pemudahcara sudah memulakan pengajaran di Kursus Praperkahwinan Islam		6 (25.0%)		14 (58.3%)	4 (16.7%)	2.33	1.049
Memperolehi pengetahuan dan teknik pengajaran	6 (25.0%)	14 (58.3%)		4 (16.7%)		3.92	0.974

Min 2.4000 Sisihan Piawai 0.75986

Sumber: Soal selidik Oktober 2008 hingga Januari 2009.

Secara keseluruhannya didapati pelaksanaan kursus dalam perkhidmatan adalah di tahap sederhana. Ini berdasarkan jadual 4.3.2.5 yang menunjukkan purata min keseluruhannya ialah 2.4000.

### **4.3.3 Keberkesanan Dari Dimensi Proses**

Di peringkat mengurus dan proses, penyelidik akan menyemak proses-proses seperti strategi pengajaran dan pembelajaran oleh pemudahcara dan peserta kursus. Tujuan penilaian ini dibuat untuk mencapai matlamat dan perjalanan program.

#### **4.3.3.1 Strategi Pengajaran Dan Pembelajaran Mengikut Persepsi Pemudahcara.**

Penggunaan pelbagai strategi pengajaran dan pembelajaran dalam MBKPPI sebagai proses kursus. Baginda Rasulullah s.a.w mempunyai pelbagai kaedah pengajaran, antaranya ialah kaedah yang bersifat kognitif (mental), efektif (perasaan dan pengalaman) dan psikmotor (perlakuan). Antara *ṭurūq al-tadris* baginda ialah :-

i) Kaedah Kuliah

Rasulullah s.a.w menyampaikan pengajarannya di kalangan kaum keluarga dan sahabat-sahabat terdekat melalui pendekatan kuliah.<sup>6</sup>

ii) Kaedah Dialog

Rasulullah s.a.w berdialog dalam pengajarannya dengan sekumpulan utusan dari suku Rabi'ah yang diketuai oleh Abu Qais yang bertujuan supaya mereka menerima Islam dengan prinsip yang betul.<sup>7</sup>

iii) Kaedah Soal Jawab

Rasulullah s.a.w bersoal jawab dengan kaum Yahudi mengenai keingkaran mereka terhadap kerasulan baginda.<sup>8</sup>

iv) Kaedah Amali Dan Demonstrasi

Rasulullah s.a.w menggunakan kaedah amali dan demonstrasi untuk menunjukkan cara-cara menunaikan sembahyang kepada kaum muslimin.<sup>9</sup>

---

<sup>6</sup> Abdul Kareem Zaidan (1987), *Dasar-dasar Ilmu Dakwah*. H.M Asywadi Syukur Lc (terj.), Shah Alam : Dewan Pustaka Fajar, hlm. 111

<sup>7</sup> Shahīh Muslīm (1982), *Kitāb Imān*. Ma'amar Daūd (terj.), Jil. 1, No. Hadith 14, Selangor : Klang Book Center, hlm. 14

<sup>8</sup> Mannā' al-Qattān (1995), *Mabāhis fi 'Ulūm al-Qurān*, Kaherah : Maktabah wa Habah, hlm. 36

<sup>9</sup> Shahih Muslim (1982), *Kitab al-Shalat*. Mu'amar Daūd (terj.), Jil.1, No. Hadith 342, Selangor : Klang Book Center, hlm. 193

v) Kaedah *Tiqrār*

*Tiqrār* ditakrifkan sebagai perbuatan yang diulang-ulang. Rasulullah s.a.w menggunakan kaedah ini ketika menerangkan fardhu haji yang perlu ditunaikan berulang-ulang setiap tahun bagi mereka yang mampu.<sup>10</sup>

vi. Kaedah *Targhīb* Dan *Tarhīb*

*Targhīb* bererti memberi kegembiraan dan *Tarhīb* bermaksud memberi peringatan. Rasulullah s.a.w menggunakan kaedah ini bagi menyampaikan dakwahnya di kalangan umat Islam dan kaum Quraisy.<sup>11</sup>

vii. Kaedah Halaqah

Rasulullah s.a.w menggunakan kaedah ini dalam pengajaran baginda di rumah baginda dan rumah Arqam bin Abi al-Arqam. Baginda membentuk kumpulan-kumpulan kecil di dalam bentuk separuh bulatan dan baginda duduk di hadapan halaqah tersebut. Baginda mengajar dengan menggunakan teknik *musāfahah*, *talaqqi*, *tikrār*, hafazan, *muhādarah*, *dars*, *munāqasyah* dan *qudwah hasanah*.<sup>12</sup>

---

<sup>10</sup> Hisyamuddīn al-Syiffī (1997), *Uṣūl al-Fiqh al-Islāmī*. Juz.1, Kuala Lumpur : Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.

<sup>11</sup> Muḥammad Sa'id Ramadhān al-Būṭī (1978), *Fiqh al-Sīrah*. Damsyik : Dār al-Fikr, hlm. 79

<sup>12</sup> Abdul Ghanī Abrār (1985), *Fī al-Tarbiyyah al-Islāmiyyah*, Kaherah : Dār al-Fikr al-'Arabī, hlm.

#### viii. Kaedah Hafazan

Kaedah hafazan merupakan teknik yang digunakan oleh Rasulullah s.a.w ketika turun wahyu. Baginda bersegera menghafaznya dengan bersungguh-sungguh supaya tidak lupa sehingga Allah menetapkan ingatan baginda terhadap wahyu.<sup>13</sup>

#### ix. Kaedah Khutbah

Rasulullah s.a.w menggunakan teknik khutbah dalam pengajaran umum sama ada ketika khutbah Jumaat mahu pun semasa musim haji semasa baginda menyampaikan pengajarannya di Arafah, Mina, perigi Ghadir, Jabal Uhud,<sup>14</sup> dan ketika Haj al-Wida' .<sup>15</sup>

#### x. Kaedah *Mujādalah*

Kaedah *Mujādalah* (perdebatan) dalam penyampaian ajaran Islam telah diceritakan oleh Rasulullah s.a.w bagaimana perdebatan Nabi Allah Ibrahim a.s dengan Raja Namrud. Perdebatan ini bertujuan dapat memberi keyakinan tentang kebenaran akidah Islam dan memberi keraguan kepada musuh dengan pegangan mereka.<sup>16</sup>

---

<sup>13</sup> Mannā' al-Qattān (1995), *op.cit.*, hlm 36

<sup>14</sup> 'Abd Na'im Muḥammad Ḥussāin (1984), *al-Da'wah Illallah 'ala Basyīrah*. Madinah al-Munawwarah : Dār al-Kitāb al-Islāmīyah, hlm. 97

<sup>15</sup> Muḥammad Sa'id Ramaḍhān al-Buṭī (1978), *op.cit.*, hlm 337

<sup>16</sup> Afif Abdullah (1986), *Nabi-nabi Dalam Al-Quran*, Kuala Lumpur : Victory Agencies, hlm. 160

Tokoh-tokoh pendidikan Islam seperti *al-Farābi*, *Ibn Sinā* dan *Ibn Tūfail* menggunakan kaedah pengajaran dan pembelajaran berbentuk huraian, perbandingan dan perkaitan, kesimpulan dan generalisasi, implikasi, ikhtisar dan penyelesaian masalah.<sup>17</sup>

Imam Syafei dan Imam Malik menggunakan kaedah *imlā'i* (menyalin), *istimā'* (mendengar), *naẓar wa istimā'* (pandang dan dengar), kalam (dialog), *qirā'ah* (bacaan) dan *kitābah* (tulisan) dalam *maddah* bahasa.<sup>18</sup> *Al-Ghāli* dan *Sufyān al-'Uyainah* menggunakan kaedah *munāqashah* (perbincangan) dan *'ada' al-Adwar* (main peranan).<sup>19</sup>

Ibn Khaldun juga menjelaskan kesesuaian kaedah-kaedah pengajaran di peringkat umum (menengah atau peringkat tinggi), contoh kaedah *bāti* (beransur-ansur) iaitu mengajar dengan cara sedikit demi sedikit dengan proses memindahkan ilmu dan pengalaman secara tidak disedari dan tidak memaksa. Kaedah *kulli* yang berbentuk *daqiqah* (mendalam) dengan cara mengajar garis-garis besar secara *'umūmiyyah* (umum) terlebih dahulu sebelum mendetail.<sup>20</sup>

Mahmud Abu Sa'ud (1993) menjelaskan kaedah *isṭinbat* (deduktif) dan *istiqrā'* (induktif) merupakan kaedah asas dalam pengajaran pendidikan Islam kerana kedua-dua teknik ini sesuai digunakan dalam semua matapelajaran

---

<sup>17</sup> Hassan Langgulung (1979), *Pendidikan Islam : Suatu Analisis Sosio-Psikology*. Kuala Lumpur : Pustaka Antara, hlm. 66

<sup>18</sup> Muḥammad Ismā'il Shīnī, et.al (1991), *Dalīl al-Mu'allimīn Ila Istiqdam al-Syūwwar wa al-Baṭṭāqat fī Ta'lim al-Arabiyyah*. Riyadh : Maktabah al-Tarbiyyah al-'Arabī li Daul al-Khālījī, hlm. 193

<sup>19</sup> 'Abdul Laṭīf Ibrāhīm (1982), *al-Manāhij. Asās Tanzīmuhu wa Ta'dīm Athāruhā*, Kaherah : Maṭba'ah al-Miṣr, hlm. 642

<sup>20</sup> Ibn Khaldun (1948), *al-Muqaddimah*. Beirut : Maṭba'ah al-'Arabiyyah, hlm. 532

khususnya feqah.<sup>21</sup> Beliau juga menyebut beberapa kaedah lain seperti kaedah *taqlid dūna nazar wa fikr* (meniru), *'adam al-Akhas bi al-Dars* (peneguhan), *burhān wa wādihah* (penerangan dan penjelasan), *kulliyāt* (penerangan), *tamhis al-Ra'yie* (percambahan idea), *tikrār ma'a talwin* (latih tubi), *tajribah al-SyakhṢiyyah* (pengalaman), *'ibra* (penceritaan), *taqdim al-Tarhib 'ala al-Tarhib* (mengutamakan kegembiraan daripada ancaman) dan *uswah hasanah* (teladan yang baik).<sup>22</sup>

Al-Qabisi menjelaskan kaedah *kulliyyah* dan *syarh* sesuai digunakan bagi mata pelajaran akhlak. Bagi membentuk akhlak seperti yang dikehendaki perlu melalui empat proses; pengakuan, amalan, kejiwaan dan pembentukan adat-adat yang seimbang dengan emosi. Manakala *ḥafz* (hafazan) menggunakan teknik mengulang-ulang apa yang telah dihafaz. Kaedah-kaedah lain yang dicadangkan seperti *tardid* (meniru), *qudwah* (tauladan), *tamsil* (tunjuk cara) dan *'amliyyah* (amali).<sup>23</sup>

Untuk menjayakan pelaksanaan Modul Bersepadu MBKPPI, strategi pengajaran dan pembelajaran perlu diambil kira bagi menyempurnakan keberkesanan kualiti sesuatu pembelajaran itu. Jadual 4.3.3.1 menunjukkan pernyataan pemudahcara terhadap strategi pengajaran dan pembelajaran modul di dalam Kursus Praperkahwinan Islam.

---

<sup>21</sup> Mahmud Abu Sa'ud (1993), *The Methodology of the Islamic Behavioral Sciences, The American Journal of Islamic Social Sciences*, vol. 10, n.3 Pakistan : The Association of Muslim Social Scientists and The International Institute of Islamic Thought, hlm. 383

<sup>22</sup> 'Abdul Fataḥ Jalāl (1997), *Min al-Uṣūl al-Tarbīyyah fī al-Islāmī*, Kaherah : Dār al-Ma'arif, hlm.111

<sup>23</sup> Abdullah Amin al-Nukmy (1995), *Kaedah dan Kurikulum Pendidikan Islam Menurut Ibn Khaldun dan Al-Qabisi*, Kuala Lumpur : Pustaka Syuhada, hlm. 122

Jadual 4.3.3.1

Pernyataan Pemudahcara Terhadap Strategi Pengajaran Modul Bersepadu MBKPPI Di Dalam Kursus Praperkahwinan Islam  
(n=24)

Pernyataan	SS Bil	S Bil	TP Bil	TS Bil	STS Bil	Skor Min	SP
Saya menggunakan kaedah kuliah semasa mengajar				16 (66.7%)	8 (33.3%)	1.67	0.482
Pengajaran secara kuliah disusuli dengan sesi soalan dan perbincangan	18 (75.0%)	6 (25.0%)				4.75	0.442
Fasilitator / pemudahcara digalakkan mengemukakan soalan	20 (83.3%)	4 (16.7%)				4.83	0.381
Saya sering menyelitkan unsur-unsur nilai murni dalam pengajaran dan pembelajaran	22 (91.7%)	2 (8.3%)				4.92	0.282
Dari air muka peserta, saya dapati mereka seronok belajar di bawah pengajaran saya	8 (33.3%)	14 (58.3%)	2 (8.3%)			4.25	0.608
Min	4.0833	Sisihan Piawai	0.24257				

Sumber: Soal selidik Oktober 2008 hingga Januari 2009.



Hasil daripada dapatan dalam jadual tersebut menunjukkan pemudahcara telah menggunakan strategi pengajaran dan pembelajaran dengan berkesan. Seramai 24 orang responden (100%) menyatakan pemudahcara mengajar tidak secara kuliah disusuli dengan sesi soalan dan perbincangan, pemudahcara sering mengemukakan soalan, pemudahcara sering menyelitkan unsur-unsur nilai murni dalam pengajaran dan pembelajaran. Seterusnya seramai 22 orang responden (91.6%) menyatakan pemudahcara mendapati peserta kursus berasa seronok belajar di bawah pengajarannya.

Secara keseluruhannya dapat dirumuskan bahawa tahap pengajaran pemudahcara-pemudahcara kursus praperkahwinan Islam adalah tinggi dan ia amat sesuai serta berkesan dalam proses pengajaran. Ini berdasarkan jadual 4.3.3.1 menunjukkan purata min keseluruhannya ialah 4.0833. Hal ini demikian kerana melalui pelbagai strategi pengajaran dan pembelajaran dapat mempertingkatkan minat peserta di dalam kursus.

#### **4.3.3.2 Strategi Pengajaran Dan Pembelajaran Pemudahcara Mengikut Persepsi Peserta**

Penilaian peserta terhadap pengajaran pemudahcara atau fasilitator perlu diambil kira untuk memastikan sesuatu pengajaran itu berjalan dengan baiknya. Hasil daripada dapatan ini (jadual 4.3.3.2) menunjukkan peserta bersetuju dengan cara pengajaran dan pembelajaran pemudahcara semasa Kursus Praperkahwinan Islam dijalankan.

Berdasarkan jadual 4.3.3.2 didapati seramai 290 orang (97.3%) responden menyatakan pemudahcara sering memberi panduan dan nasihat semasa mengajar, seramai 289 orang (97%) responden menyatakan pemudahcara menggunakan kemudahan alat bantu ceramah seperti LCD semasa mengajar.

Bagi membentuk keperibadian yang baik dan berdisiplin, pemudahcara telah berjaya memainkan peranan mengajar peserta kursus dengan baik. Ini dapat dilihat seramai 285 orang (95.6%) responden menyatakan pemudahcara mempunyai pengetahuan yang tinggi semasa mengajar topik modul dan seramai 284 orang (95.3%) responden menyatakan pemudahcara sering menyelitkan unsur-unsur nilai murni semasa pengajaran dalam kursus. Melalui kajian Latipah Lebai Mat (2002) didapati penyampaian ceramah yang menarik, pemudahcara yang berpengalaman dan kreatif dapat menarik tumpuan para peserta kursus serta menjadikan suasana kursus lebih menarik.

Manakala seramai 273 orang (91.6%) responden menyatakan pemudahcara menggunakan lebih banyak bercakap sepanjang masa mengajar, 272 orang (91.3%) responden menyatakan pemudahcara menggalakkan peserta mengemukakan soalan, 269 orang (90.3%) responden menyatakan pengajaran pemudahcara menarik dan tidak membosankan serta 268 orang (90%) responden menyatakan pengajaran pemudahcara menggunakan kaedah bercakap disusuli dengan sesi soalan dan perbincangan. Ini diikuti dengan 255 orang (85.6%) responden menyatakan pemudahcara sentiasa mempelbagaikan cara pengajaran dalam ceramahnya.

Berdasarkan kajian Syarifah Syukriah (2003), menyatakan selain daripada penggunaan alat bantu ceramah, terdapat juga sebahagian pemudahcara yang lebih selesa menggunakan teknik berinteraksi dengan pendengar semasa sesi ceramah dijalankan. Mereka akan bertanya soalan atau pendapat peserta tentang sesuatu perkara yang dibincangkan. Cara ini agak berkesan di mana para peserta dapat memberikan tumpuan yang lebih terhadap topik yang sedang dibincangkan.<sup>24</sup>

Menurut kajian Towil bin Juraimi (1999), mendapati 78.8% daripada responden berpendapat bahawa gaya dan kaedah penyampaian penceramah adalah berkesan. Manakala 17.4% responden lagi tidak pasti dan 3.8% responden lagi menyatakan tidak bersetuju. Hal ini mungkin disebabkan peserta kurang memahami istilah-istilah Arab seperti khulu`, talak raj'ie dan sebagainya. Seharusnya pemudahcara memberi penerangan yang jelas tentang maksud istilah-istilah Arab tersebut.<sup>25</sup>

Secara keseluruhannya dapat dirumuskan bahawa tahap pengajaran pemudahcara mengikut persepsi peserta adalah tinggi. Ini berdasarkan jadual 4.3.3.2 yang menunjukkan purata min keseluruhannya ialah 4.2625.

---

<sup>24</sup> *Ibid*, hlm. 42

<sup>25</sup> Towil bin Juraimi (1999), *Kursus Pra Perkahwinan: Satu Kajian Tentang Prosedur Dan Kaedah Yang Digunakan Di Negeri Selangor Darul Ehsan*. (Tesis Sarjana, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia), hlm.82

Jadual 4.3.3.2

Taburan Responden Min Dan Sisihan Piawai Bagi Pernyataan Yang Mengukur Tahap Strategi Pengajaran Pemudahcara  
(Persepsi Peserta)  
(n=298)

Pernyataan	SS Bil	S Bil	TP Bil	TS Bil	STS Bil	Skor Min	SP
Fasilitator / pemudahcara menggunakan lebih banyak bercakap sepanjang masa semasa mengajar	103 (34.6%)	170 (57.0%)	9 (3.0%)	15 (5.0%)	1 (0.3%)	4.20	0.753
Pengajaran fasilitator / pemudahcara menggunakan kaedah bercakap disusuli dengan sesi soalan dan perbincangan	86 (28.9%)	182 (61.1%)	16 (5.4%)	14 (4.7%)		4.14	0.716
Fasilitator / pemudahcara menggunakan kemudahan alat bantu ceramah seperti LCD semasa mengajar	147 (49.3%)	142 (47.7%)	6 (2.0%)	3 (1.0%)		4.45	0.591
Fasilitator / pemudahcara sering memberi panduan dan nasihat semasa mengajar	157 (52.7%)	133 (44.6%)	7 (2.3%)	1 (0.3%)		4.50	0.564
Fasilitator / pemudahcara menggalakkan peserta mengemukakan soalan.	78 (26.2%)	194 (65.1%)	20 (6.7%)	5 (1.7%)	1 (0.3%)	4.15	0.636
Semasa pengajaran fasilitator / pemudahcara sering menyelitkan unsur-unsur nilai murni dalam kursus	113 (37.9%)	176 (57.4%)	8 (2.7%)	5 (1.7%)	1 (0.3%)	4.31	0.767

Sumber: Soal selidik Oktober 2008 hingga Januari 2009.

sambungan

Pernyataan	SS Bil	S Bil	TP Bil	TS Bil	STS Bil	Skor Min	SP
Fasilitator / pemudahcara sentiasa mempelbagaikan cara pengajaran	79 (26.5%)	176 (59.1%)	25 (8.4%)	18 (6.0%)		4.06	0.767
Pengajaran fasilitator / pemudahcara menarik dan tidak membosankan	97 (32.6%)	172 (57.7%)	24 (8.1%)	4 (1.3%)	1 (0.3%)	4.21	0.669
Fasilitator / pemudahcara mempunyai pengetahuan yang tinggi semasa mengajar topik modul	116 (38.9%)	169 (56.7%)	11 (3.7%)	2 (0.7%)		4.34	0.582

Min 4.2625      Sisihan Piawai 0.45071

Sumber: Soal selidik Oktober 2008 hingga Januari 2009.

#### **4.3.4 Keberkesanan Dari Segi Dimensi Produk**

Tujuan utama penilaian ini adalah untuk mengaitkan matlamat konteks, input dan proses dengan hasil program. Dalam kajian ini penilaian produk ialah pencapaian objektif Modul Bersepadu Kursus Praperkahwinan Islam dan perubahan sikap peserta dari dua sudut iaitu sudut pemudahcara atau fasilitator dan peserta Kursus Praperkahwinan Islam MBKPPI.

##### **4.3.4.1 Pencapaian Objektif Modul Bersepadu Kursus Praperkahwinan Islam**

Bagi keberkesanan pelaksanaan Modul Bersepadu Kursus Praperkahwinan Islam, pencapaian objektifnya amat dititik beratkan. Berikut adalah jadual 4.3.4.1 yang menunjukkan pernyataan tahap pencapaian objektif Modul Bersepadu MBKPPI.

Berdasarkan jadual 4.3.4.1 didapati lebih daripada 90% daripada pemudahcara menyatakan bahawa objektif pelaksanaan Modul Bersepadu telah tercapai. Ini dapat dilihat dalam analisis dapatan mengikut nilai min tertinggi bagi setiap objektif dalam Modul Bersepadu. Seramai 22 orang (91.7%) responden menyatakan sangat bersetuju terhadap penekanan kepada aspek ilmu, iman dan amal bagi melahirkan generasi beriman dan beramal serta dapat menyediakan pengetahuan asas kekeluargaan bagi menangani pelbagai permasalahan kekeluargaan.

Jadual 4.3.4.1

Taburan Responden Min Dan Sisihan Piawai Bagi Pernyataan Yang Mengukur Tahap Pencapaian Objektif Modul Bersepadu Kursus Praperkahwinan Islam (MBKPPI)  
(n=24)

Pernyataan	SS	S	TP	TS	STS	Skor	SP
	Bil	Bil	Bil	Bil	Bil	Min	
Memberi penekanan kepada aspek ilmu, iman dan amal bagi melahirkan generasi beriman dan bermoral	22 (91.7%)	2 (8.3%)				4.92	0.282
Menyediakan pengetahuan asas kekeluargaan bagi menangani pelbagai permasalahan kekeluargaan	22 (91.7%)	2 (8.3%)				4.92	0.282
Membina rumahtangga di atas asas yang kukuh berlandaskan tuntutan Al-Quran dan As-Sunnah	20 (83.3%)	4 (16.7%)				4.83	0.381
Menyelami proses-proses yang lazim dialami oleh seseorang sebelum memasuki alam perkahwinan	20 (83.3%)	4 (16.7%)				4.83	0.381
Mengetahui persediaan yang perlu dilakukan sebagai langkah memantapkan keyakinan diri	20 (83.3%)	4 (16.7%)				4.83	0.381

Sumber: Soal selidik Oktober 2008 hingga Januari 2009.

sambungan

Pernyataan	SS	S	TP	TS	STS	Skor	SP
	Bil	Bil	Bil	Bil	Bil	Min	
Mengetahui perubahan yang dialami oleh institusi Kekeluargaan dan jangkauan corak keluarga pada masa hadapan	16 (66.7%)	8 (33.3%)				4.67	0.482
Min 4.8333	Sisihan Piawai	0.31851					

Sumber: Soal selidik Oktober 2008 hingga Januari 2009.



Sementara itu, seramai 20 orang (83.3%) responden menyatakan sangat bersetuju terhadap objektif modul untuk membina rumahtangga di atas asas yang kukuh berlandaskan tuntutan Al-Quran dan As-Sunnah, menyelami proses-proses yang lazim dialami oleh seseorang sebelum memasuki alam perkahwinan serta dapat mengetahui persediaan yang perlu dilakukan sebagai langkah memantapkan keyakinan diri.

Seterusnya seramai 16 orang (66.7%) responden menyatakan sangat bersetuju terhadap objektif modul untuk para peserta kursus MBKPPI lebih mengetahui perubahan yang dialami oleh institusi kekeluargaan dan jangkakan corak keluarga pada masa hadapan. Hal ini akan dapat membantu mengurangkan permasalahan konflik kekeluargaan dan perceraian serta peruntukan moral dikalangan bakal-bakal pengantin.

Berdasarkan kepada dapatan keseluruhannya yang terdapat dalam jadual 4.3.4.1, didapati tahap pencapaian objektif Modul Bersepadu MBKPPI berada ditahap yang tinggi. Ini berdasarkan jadual tersebut yang menunjukkan purata min keseluruhannya ialah 4.8333.

#### **4.3.4.2 Perubahan Sikap Peserta Selepas Mengikuti Modul Bersepadu Kursus Praperkahwinan (Persepsi Pemudahcara)**

Perubahan sikap peserta selepas mengikuti Modul Bersepadu Kursus Praperkahwinan Islam adalah penting sebagai petunjuk kepada kejayaan sesuatu

program. Jadual 4.3.4.2 menunjukkan pernyataan bagi perubahan sikap peserta selepas mengikuti Modul Bersepadu Kursus Praperkahwinan Islam.

Berdasarkan jadual 4.3.4.2 didapati hampir kesemua pernyataan yang dibuat oleh pemudahcara menunjukkan majoriti daripada peserta mempunyai sikap yang positif terhadap Modul Bersepadu Kursus Praperkahwinan Islam. Seramai 22 orang (91.7%) responden menyatakan peserta kursus berasa lebih yakin dalam pengurusan kewangan kekeluargaan dan berasa yakin untuk menjadi pasangan suami isteri yang lebih berdisiplin serta bertanggungjawab dalam melayari bahtera rumahtangga.

Sementara itu, seramai 20 orang (83.3%) responden menyatakan pendedahan awal dalam Kursus Praperkahwinan Islam MBKPPI menjadi asas membuat persediaan ilmu kekeluargaan untuk membentuk keluarga berdaya maju, peserta bertambah yakin membuat persediaan menempuh alam perkahwinan dan lebih bersedia untuk membina rumahtangga muslim dan sejahtera.

Manakala seramai 18 orang (75%) responden menyatakan peserta berasa bosan mengikuti kursus kerana terlalu banyak tajuk modul yang terpaksa diikuti.

Jadual 4.3.4.2

Taburan Responden Min Dan Sisihan Piawai Bagi Pernyataan Yang Mengukur Tahap Perubahan Sikap Peserta Selepas Mengikuti Modul Bersepadu Kursus Praperkahwinan Islam (MBKPPI) Berdasarkan Persepsi Pemudahcara (n=24)

Pernyataan	SS Bil	S Bil	TP Bil	TS Bil	STS Bil	Skor Min	SP
Selepas mengikuti Kursus Pra Perkahwinan Islam, peserta bertambah yakin membuat persediaan menempuh alam perkahwinan		20 (83.3%)	4 (16.7%)			3.83	0.381
Peserta lebih bersedia untuk membina rumahtangga muslim dan sejahtera		20 (83.3%)	4 (16.7%)			3.83	0.381
Peserta berasa bosan mengikuti kursus kerana terlalu banyak tajuk modul yang terpaksa diikuti			6 (25%)	14 (58.3%)	4 (16.7%)	2.08	0.654
Pendedahan awal dalam Kursus Praperkahwinan Islam menjadi asas membuat persediaan ilmu kekeluargaan untuk membentuk keluarga bahagia.	6 (25%)	14 (58.3%)	4 (16.7%)			4.08	0.654
Peserta merasa lebih yakin dalam urusan kewangan kekeluargaan	4 (16.7%)	18 (75%)	2 (8.3%)			4.08	0.504

Sumber: Soal selidik Oktober 2008 hingga Januari 2009.

sambungan

Pernyataan	SS Bil	S Bil	TP Bil	TS Bil	STS Bil	Skor Min	SP
Peserta rasa yakin untuk menjadi pasangan suami isteri yang lebih berdisiplin dan bertanggungjawab dalam melayari bahtera rumahtangga	4 (16.7%)	18 (75%)	2 (8.3%)			4.08	0.504

Min 3.6667      Sisihan Piawai 0.27802

Sumber: Soal selidik Oktober 2008 hingga Januari 2009.

Daripada hasil kajian ini menunjukkan bahawa pemudahcara-pemudahcara Kursus Praperkahwinan Islam mengakui bahawa peserta menunjukkan sikap yang tinggi. Ini berdasarkan jadual 4.3.4.2 menunjukkan purata min keseluruhannya ialah 3.6667.

#### **4.3.4.3 Perubahan Sikap Peserta Selepas Mengikuti Modul Bersepadu Kursus Praperkahwinan Islam (Persepsi Peserta)**

Berikut adalah jadual 4.3.4.3 yang menunjukkan pernyataan peserta terhadap sikap mereka selepas mengikuti Modul Bersepadu Kursus Praperkahwinan Islam.

Berdasarkan jadual 4.3.4.3 menunjukkan seramai 296 orang (99.3%) responden menyatakan pendedahan awal dalam modul kursus tersebut menjadi asas pembentukan pasangan suami dan isteri yang lebih bertanggungjawab dalam melayari bahtera rumahtangga. Ini diikuti seramai 293 orang (98.3%) responden menyatakan mereka akan berusaha dengan lebih gigih dan bertanggungjawab untuk membina keluarga muslim yang harmoni.

Sementara itu seramai 289 orang (96.9%) responden menyatakan mereka bertambah yakin untuk mempersiapkan diri dengan ilmu rumahtangga untuk menempuh alam perkahwinan selepas mengikuti Modul Bersepadu Kursus Praperkahwinan Islam dan dapat lebih memahami peranan serta tanggungjawab sebagai suami dan isteri.

Jadual 4.3.4.3

Taburan Responden Min Dan Sisihan Piawai Bagi Pernyataan Yang Mengukur Tahap Perubahan Sikap Selepas Mengikuti Modul Bersepadu Kursus Praperkahwinan Islam (MBKPPI) Berdasarkan Persepsi Peserta (n=298)

Pernyataan	SS	S	TP	TS	STS	Skor	SP
	Bil	Bil	Bil	Bil	Bil	Min	
Selepas mengikuti Modul Bersepadu Kursus Praperkahwinan Islam, saya bertambah yakin mempersiapkan diri dengan ilmu rumahtangga untuk menempuh alam perkahwinan	108 (36.2%)	181 (60.7%)	9 (3.0%)			4.33	0.532
Saya dapat lebih memahami peranan dan tanggungjawab sebagai pasangan suami dan isteri	131 (44.0%)	158 (53.0%)	7 (2.3%)	1 (0.3%)	1 (0.3%)	4.40	0.590
Saya akan berusaha dengan lebih gigih dan bertanggungjawab untuk membina keluarga muslim yang harmoni	137 (16.0%)	156 (52.3%)	5 (1.7%)			4.44	0.530
Saya merasa lebih yakin dalam pengurusan rumahtangga bagi membina keluarga yang bahagia.	110 (36.9%)	172 (57.7%)	8 (2.7%)		8 (2.7%)	4.29	0.649

Sumber: Soal selidik Oktober 2008 hingga Januari 2009.

sambungan

Pernyataan	SS Bil	S Bil	TP Bil	TS Bil	STS Bil	Skor Min	SP
Pendedahan awal dalam modul kursus tersebut menjadi asas pembentukan pasangan suami dan isteri yang lebih bertanggungjawab dalam melayari bahtera rumahtangga	101 (33.9%)	195 (65.4%)	2 (0.7%)			4.33	0.511

Min 4.3577      Sisihan Piawai      0.39040

Sumber: Soal selidik Oktober 2008 hingga Januari 2009.

Seterusnya seramai 282 orang (94.6%) responden menyatakan mereka berasa lebih yakin dalam pengurusan rumahtangga bagi membina keluarga bahagia.

Secara keseluruhannya dapat dirumuskan bahawa tahap perubahan sikap peserta selepas mengikuti Modul Bersepadu Kursus Praperkahwinan Islam adalah tinggi. Ini berdasarkan jadual 4.3.4.3 yang menunjukkan purata min keseluruhannya ialah 4.3577.

#### **4.4 Masalah-Masalah Yang Dihadapi Oleh Penganjur-Penganjur Kursus Praperkahwinan Islam Dalam Pelaksanaan Kursus Tersebut**

Dalam menganjurkan dan melaksanakan Kursus Praperkahwinan Islam di negeri Perak, terdapat beberapa masalah yang dihadapi oleh pihak penganjur kursus dan ianya juga secara tidak langsung mempengaruhi keberkesanan pelaksanaan kursus tersebut.<sup>26</sup> Di antara masalah-masalah yang dihadapi ialah:-

##### **a) Peruntukan Kewangan**

Untuk menganjurkan Kursus Praperkahwinan Islam peruntukan kewangan perlulah mencukupi untuk memastikan penyediaan bagi kemudahan tempat kursus dan alat bantu ceramah yang terkini serta bayaran suguhati kepada fasilitator.

---

<sup>26</sup> Kertas Kerja Muzakarah Bersama Syarikat/Penganjur Kursus Praperkahwinan Islam Ke-2 ILIM, Bangi, 12-13hb Disember 2007.



Namun kadar yuran peserta kursus yang ditetapkan ialah RM80 tidak pernah mengalami kenaikan sejak 1997 sehingga kini yang mana kadar tersebut tidak menepati tuntutan perkembangan sosio-ekonomi, kos sara hidup dan pembangunan semasa. Kadar tersebut tidak mampu menanggung kos operasi penganjur kursus khasnya di kawasan bandar-bandar besar.

Kesan daripada keadaan ini banyak syarikat penganjur kursus terpaksa ditutup lantaran kadar yuran yang kurang membantu kos operasi.

b) Pengeluaran dan penamatan permit

Pada dasar pengeluaran permit tanpa had dan kawalan bagi memberi peluang kepada penganjur kursus yang baru akan mendatangkan kesulitan besar yang bakal ditanggung oleh sebarang syarikat penganjur Kursus Praperkahwinan Islam.

Asasnya permasalahan yang timbul ini akan mengakibatkan komplikasi negatif ke atas penganjur kursus yang lama dan baru yang dibebankan oleh pelbagai kos yang meningkat.

Selain itu, kelewatan penyerahan permit baru kepada penganjur-penganjur kursus sebelum tarikh permit terdahulu tamat juga dibimbangi

lantaran bagi mengelakkan penganjur kursus mengeluarkan sijil Kursus Praperkahwinan Islam yang palsu.

c) Pengeluaran sijil Kursus Praperkahwinan Islam

Kelewatan pengeluaran sijil kepada peserta setelah tamat kursus Modul Bersepadu Kursus Praperkahwinan Islam dijalankan amatlah dikesali.

Pihak Jabatan Agama Islam Perak seharusnya mengeluarkan surat makluman rasmi jabatan bagi memaklumkan peserta tentang kelewatan sijil yang dikeluarkan. Hal ini demikian kerana, akan dapat membantu melancarkan keberkesanan Kursus Praperkahwinan Islam oleh pihak penganjur-penganjur kursus.

d) Disiplin fasilitator

Disiplin dan khidmat fasilitator merupakan tunjang utama bagi menjayakan keberkesanan pelaksanaan Kursus Praperkahwinan Islam yang dijalankan. Namun demikian, pihak penganjur kursus masih berhadapan dengan permasalahan fasilitator yang kurang menepati masa mula dan masa akhir ceramah mengikut jadual yang diberikan.

Justeru itu hendaklah masalah ini dapat diatasi dengan mengadakan pemantauan terhadap pelaksanaan Modul Bersepadu Kursus Praperkahwinan Islam secara konsisten.

## **4.5 Kesimpulan**

Hasil dapatan kajian menunjukkan teori model konteks, input, proses dan produk telah berjaya menganalisis keberkesanan Modul Bersepadu Kursus Praperkahwinan Islam (MBKPPI) di Jabatan Agama Islam negeri Perak.

Berdasarkan penilaian dimensi konteks Modul Bersepadu MBKPPI menunjukkan sikap dan kesediaan pemudahcara Kursus Praperkahwinan Islam dalam melaksanakan modul tersebut adalah di tahap yang sederhana iaitu purata min keseluruhannya 1.79. Begitu juga masalah-masalah yang dihadapi dalam pelaksanaan Modul Bersepadu MBKPPI didapati secara keseluruhannya di tahap sederhana iaitu 1.93.

Manakala penilaian dimensi input didapati tahap keyakinan pemudahcara Kursus MBKPPI mengajar topik-topik Modul Bersepadu MBKPPI di tahap sederhana iaitu purata min keseluruhannya 2.65. Dari segi kemudahan Kursus Praperkahwinan Islam, pelaksanaan jadual waktu kursus dan sokongan Ketua Penolong Pengarah Bahagian Pentadbiran Undang-Undang Keluarga adalah di tahap yang tinggi, masing-masing menunjukkan purata min keseluruhannya 3.88, 4.42 dan 3.44. Kursus dalam perkhidmatan bagi pemudahcara Kursus MBKPPI secara keseluruhannya di tahap sederhana yang menunjukkan purata min keseluruhannya ialah 2.400.

Bagi penilaian dimensi proses pula, strategi pengajaran pembelajaran telah dapat dicapai secara berkesan dari persepsi pemudahcara kursus dan peserta kursus yang menunjukkan secara keseluruhannya di tahap yang tinggi, purata min keseluruhan masing-masing ialah 4.08 dan 4.26.

Seterusnya dari penilaian dimensi produk Kursus Praperkahwinan Islam MBKPPI, pencapaian objektif Modul Bersepadu MBKPPI telah berjaya dicapai dengan jayanya yang mana min purata keseluruhannya di tahap yang tinggi iaitu 4.83. Ini berdasarkan perubahan sikap peserta selepas mengikuti Modul Bersepadu Kursus Praperkahwinan Islam dari persepsi pemudahcara kursus dan para peserta kursus yang menunjukkan min purata keseluruhannya di tahap yang tinggi, masing-masing 3.66 dan 4.36.

Secara keseluruhannya berdasarkan kerangka teori model konteks, input, proses dan produk didapati pelaksanaan Modul Bersepadu Kursus Praperkahwinan Islam MBKPPI amat berkesan dan perlu diteruskan. Ianya hanya memerlukan sedikit penambahbaikan dari segi dimensi proses dalam usaha mencapai keberkesanan pelaksanaan Modul Bersepadu Kursus Praperkahwinan Islam MBKPPI.

## **BAB KELIMA**

### **PENUTUP**

#### **5.1 Pengenalan**

Kajian disertasi ini merupakan perbincangan mengenai pelaksanaan Modul Bersepadu Kursus Praperkahwinan Islam (MBKPPI) di Jabatan Agama Islam negeri Perak. Penyelidik telah menggunakan penilaian dimensi konteks, input, proses dan produk (Context, Input, Process, Product - Stufflebeam dan Shinkfield, 1984) bagi menilai keberkesanan pelaksanaan Modul Bersepadu Kursus Praperkahwinan Islam tersebut.

Dapatan kajian menunjukkan teori model konteks, input, proses dan produk berjaya mengenalpasti kelemahan dan kekuatan sesuatu variable yang terdapat dalam dimensi. Pertama dari segi dimensi konteks menilai sikap dan kesediaan pemudahcara kursus terhadap Modul Bersepadu MBKPPI serta menganalisis masalah-masalah yang dihadapi dalam pelaksanaan Modul Bersepadu MBKPPI.

Mengikut kajian ini, pemudahcara-pemudahcara telah diberi kursus dalam perkhidmatan yang mencukupi untuk melaksanakan Modul Bersepadu MBKPPI. Justeru kerelevanan pelaksanaan Modul Bersepadu MBKPPI ini tidak menjadi suatu perubahan yang drastik dan pemudahcara-pemudahcara bersedia dari segi pengetahuan untuk melaksanakan modul tersebut.

Dari segi masalah-masalah yang dihadapi dalam pelaksanaan Modul Bersepadu MBKPPI, dapatan kajian menunjukkan masih terdapat sebahagian pemudahcara menghadapi masalah dari segi jangka masa mengajar topik modul yang tidak mencukupi. Hal ini kerana aktiviti-aktiviti setiap topik yang terlalu banyak untuk diajar berbanding dengan peruntukan masa yang agak terhad dan ketat menyebabkan sistem pengajaran dan pembelajaran kurang berjalan lancar. Selain itu, didapati terdapatnya masalah disiplin segelintir peserta kursus Modul Bersepadu MBKPPI yang kurang memuaskan seperti mereka kurang memberi tumpuan dan komitmen semasa kursus sedang dijalankan serta ada di antara mereka yang kurang menepati masa yang telah ditetapkan oleh pihak urusetia penganjur kursus.

Kedua dari segi dimensi input menilai keberkesanan pelaksanaan Modul Bersepadu MBKPPI dari aspek tahap keyakinan pemudahcara, kelengkapan kemudahan kursus, pelaksanaan jadual waktu kursus, sokongan Ketua Penolong Pengarah Bahagian Pentadbiran Undang-Undang Keluarga dan kursus dalam perkhidmatan.

Berdasarkan hasil kajian mendapati sewajarnya pemudahcara-pemudahcara yang mengajar topik-topik dalam Modul Bersepadu MBKPPI mestilah terdiri daripada pemudahcara-pemudahcara yang terlatih, berpengetahuan yang tinggi dalam bidang tersebut. Ini akan menambahkan lagi keyakinan pemudahcara semasa mengajar. Pemudahcara-pemudahcara kursus MBKPPI perlu didedahkan dengan pengetahuan yang baru supaya mereka

menjalankan tugas mereka dengan lebih efisien, kreatif, reflektif dan peka terhadap keperluan peserta kursus bagi mencapai objektif kursus secara optimum.

Selain itu, penyusunan jadual waktu perlu dibuat dengan baik dan mengambil kira kehendak topik modul tersebut bagi memenuhi keperluan para peserta kursus MBKPPI. Jadual waktu yang sistematik kurang menimbulkan masalah kepada pemudahcara terutamanya dari segi kelicinan proses pengajaran dan pembelajaran. Di samping itu, adalah menjadi tanggungjawab penganjur-penganjur kursus untuk mewujudkan dan mengekalkan suasana pembelajaran yang selesa untuk para peserta kursus MBKPPI.

Ketiga dari segi dimensi proses menilai strategi pengajaran dan pembelajaran mengikut persepsi pemudahcara dan para peserta kursus MBKPPI. Dapatan kajian menunjukkan pemudahcara-pemudahcara kursus MBKPPI telah berjaya menjalankan tugas dengan baik. Ini sejajar dengan objektif Modul Bersepadu MBKPPI untuk membekalkan ilmu asas kekeluargaan bagi memantapkan persediaan diri dan meningkatkan keyakinan sebelum memasuki alam perkahwinan.

Keempat dari segi dimensi produk menilai pencapaian objektif Modul Bersepadu MBKPPI dan perubahan sikap peserta kursus MBKPPI selepas mengikuti Modul Bersepadu Kursus Praperkahwinan Islam menurut persepsi pemudahcara dan para peserta kursus MBKPPI.

Berdasarkan dapatan kajian menunjukkan pencapaian objektif Modul Bersepadu MBKPPI adalah di tahap tinggi. Ini menunjukkan bahawa pelaksanaan Modul Bersepadu MBKPPI pada peringkat produk, telah berjaya disempurnakan. Didapati juga perubahan sikap peserta kursus MBKPPI selepas mengikuti kursus tersebut merupakan faktor yang dapat menentukan pencapaian matlamat pengajaran dan pembelajaran.

Hasil kajian mendapati para peserta kursus MBKPPI berjaya menghayati nilai-nilai murni yang terdapat dalam objektif Modul Bersepadu Kursus Praperkahwinan Islam. Di antaranya ialah menjadikan para peserta kursus berhemah tinggi, dapat membina jati diri dan optimis selaras dengan objektif modul ke arah membina rumahtangga yang bahagia.

Hasil daripada kesemua dapatan kajian ini, penyelidik dapat menghasilkan beberapa rumusan dan kesimpulan. Beberapa bentuk saranan dan cadangan turut dikemukakan bagi keberkesanan pelaksanaan Modul Bersepadu Kursus Praperkahwinan Islam .

## **5.2 Kesimpulan**

Berdasarkan kajian yang dijalankan dapat dirumuskan bahawa:-

- a) Konflik rumahtangga yang melanda dalam institusi kekeluargaan di Malaysia masih memerlukan kaedah yang sesuai bagi menanganinya. Kepelbagaian usaha telah dilaksanakan oleh



pihak Jabatan Agama Islam Perak demi mencari penyelesaian kerapuhan institusi kekeluargaan masa kini.

Pelaksanaan Kursus Praperkahwinan Islam yang dilaksanakan bertujuan membekalkan ilmu kekeluargaan bagi setiap pasangan pengantin untuk lebih membuat persediaan sebelum menempuh alam perkahwinan

Walau bagaimanapun, kursus tersebut hanyalah untuk pasangan pengantin yang akan mendirikan rumahtangga sahaja. Masih tiada lagi kursus yang dianjurkan oleh pihak Jabatan Agama Islam Perak bagi pasangan suami isteri yang telah beberapa tahun mendirikan rumahtangga.

- b) Modul Bersepadu Kursus Praperkahwinan Islam yang di perkenalkan merupakan suatu kaedah bermatlamat untuk penyelarasan pelaksanaan kursus tersebut di setiap negeri di Malaysia.

Setiap pengisian modul yang dibentangkan mengandungi bahagian-bahagian penting berkaitan ilmu kekeluargaan bagi persediaan mendirikan rumahtangga dan memikul tanggungjawab sebagai pasangan suami isteri.

Justeru itu didapati pelaksanaan modul ini ternyata dapat melancarkan proses perjalanan Kursus Praperkahwinan Islam hasil keseragaman modul tersebut.

- c) Penerbitan Modul Bersepadu Kursus Praperkahwinan Islam (MBKPPI 2002) pada tahun 2002 merupakan hasil semakan MBKPPI 1996 yang telah digunapakai selama 5 tahun.

Penyemakan dan penyusunan semula modul MBKPPI 2002 tersebut dibuat bagi memenuhi keperluan semasa masyarakat Islam. Ianya mengandungi kupasan yang terperinci berkaitan maklumat dan kemahiran kekeluargaan yang lebih komprehensif serta dihuraikan dengan cara yang mudah dan mampu dihayati oleh semua lapisan masyarakat Islam.

Namun begitu tempoh masa kursus tersebut yang agak terhad dan padat sedikit sebanyak membantutkan keberkesanan pelaksanaan kursus mencapai objektif sepenuhnya.

Pada hemat penyelidik, segala usaha yang dilakukan oleh pihak Jabatan Agama Islam Perak ternyata amat membantu masyarakat Islam dalam pembangunan institusi kekeluargaan yang bahagia di dunia mahu pun di akhirat. Namun, usaha-usaha yang relevan ke arah peningkatan kursus tersebut amatlah diperlukan demi mencapai kejayaan dan keberkesanannya.

- d) Bagi mengkaji keberkesanan pelaksanaan Modul Bersepadu Kursus Praperkahwinan Islam di Jabatan Agama Islam Negeri Perak, penyelidikan telah menganalisa kajian tersebut berdasarkan model penilaian konteks, input, proses dan produk.

Konklusi daripada model tersebut, penyelidik mendapati model ini telah berjaya mengenalpasti kelemahan dan kekuatan sesuatu variable yang terdapat dalam setiap dimensi. Dengan cara ini segala maklumat yang diperolehi ini dijadikan panduan untuk memantapkan lagi pelaksanaan Modul Bersepadu MBKPPI diperingkat perancangan, pengurusan, pelaksanaan dan penghasilan.

Dapatan kajian juga menunjukkan pelaksanaan Modul Bersepadu MBKPPI perlu diteruskan kerana ianya telah menunjukkan hasil yang baik dari aspek sikap para peserta kursus MBKPPI yang dapat menghayati nilai-nilai murni dan pengetahuan berkaitan ilmu kekeluargaan. Melalui pemerhatian penyelidik, masalah dari aspek kemudahan ditempat kursus dan disiplin menepati waktu bagi para peserta kursus dan pemudahcara perlu diperbaiki agar pelaksanaan Modul Bersepadu MBKPPI dapat berjalan dengan lebih lancar dan berkesan.

### **5.3 Saranan Dan Cadangan**

Berdasarkan kepada dapatan kajian ini, beberapa cadangan dan saranan dapat dikemukakan untuk dimanfaatkan oleh pihak-pihak berkaitan:-

- a) Mengemaskini kandungan Modul Bersepadu Kursus Praperkahwinan Islam lima tahun sekali agar memenuhi tuntutan semasa kehidupan masyarakat dan menangani permasalahan kerapuhan institusi kekeluargaan masa kini.

Topik modul di bahagian pengurusan masalah keluarga amat perlu dititikberatkan terutamanya pengurusan stress dan konflik yang memerlukan penghayatan yang lebih mendalam agar dapat diterapkan setiap peserta kursus. Ini sekaligus memerlukan sesi soal jawab antara peserta dan pemudahcara bagi tujuan penambahbaikan pelaksanaan modul kursus tersebut.

Selain itu, penekanan topik aqidah juga harus diambil kira secara serius mengikut perkembangan ilmu semasa dunia Islam bagi menambah keyakinan dan mengelak isu-isu penyelewengan akidah.

- a) Peruntukan masa bagi setiap tajuk dalam modul kursus wajar dikaji semula. Kekangan masa yang wujud dalam jadual kursus yang cukup terbatas menyebabkan pemudahcara tidak

dapat memberi penerangan secara mendalam bagi slot tertentu yang memerlukan masa untuk pembentangannya.

Sebagaimana masa yang agak terhad bagi slot pengurusan kesihatan menyebabkan topik tersebut hanya dapat disampaikan kepada peserta dengan penerangan yang agak terbatas. Implikasi ini menyebabkan pasangan kurang pengetahuan secara mendalam aspek kesihatan ahli keluarga. Hal yang demikian kerana ianya memberi impak ke arah pembentukan keluarga bahagia selari dengan perkembangan era globalisasi yang menunjukkan peningkatan bilangan isteri yang berkerjaya.

- b) Setiap penganjur Kursus Praperkahwinan Islam hendaklah memastikan bilangan peserta kursus tidak melebihi 80 orang peserta kursus untuk setiap siri kursus yang dijalankan mengikut keluasan dan keselesaan tempat kursus tersebut. Ini bagi membolehkan pemudahcara dapat mengawal dan memberi tumpuan pada sesi ceramah yang disampaikan serta para peserta juga dapat berasa selesa untuk mengikuti kursus.

Walau bagaimanapun, menurut garis panduan yang ditetapkan oleh pihak Jabatan Agama Islam Perak bilangan peserta dihadkan kepada 150 orang bagi setiap siri kursus. Namun bilangan tersebut perlu dibahagikan kepada beberapa sesi menggunakan permit yang sama.

c) Permasalahan pengeluaran sijil Kursus Praperkahwinan Islam yang dihadapi oleh penganjur kursus hendaklah ditangani segera pihak Jabatan Agama Islam Perak bagi kelancaran pelaksanaan kursus tersebut. Sekiranya hal ini berlaku, haruslah pihak Jabatan Agama Islam Perak mengeluarkan surat makluman rasmi jabatan bagi memaklumkan peserta tentang kelewatan sijil yang dikeluarkan.

d) Pihak Jabatan Agama Islam Perak dicadangkan agar menghad dan mengawal pengeluaran permit dengan memberikan permit kepada satu penganjur kursus untuk satu daerah bagi mengelakkan komplikasi negatif ke atas syarikat penganjur lama dan baru.

Bagi masalah kelewatan pengeluaran surat pembaharuan tawaran permit oleh pihak Jabatan Agama Islam Perak kepada penganjur-penganjur kursus juga membantutkan kelancaran pelaksanaan kursus. Justeru, pihak jabatan dicadangkan agar dapat menyerahkan permit pembaharuan kepada pihak penganjur-penganjur kursus sebelum tarikh permit terdahulu tamat bagi mengelakkan penganjur mengeluarkan sijil kursus secara haram.

e) Aktiviti pemantauan oleh pihak Jabatan Agama Islam Perak ke atas penganjur-penganjur kursus hendaklah dijalankan

sekerap mungkin bertujuan mengenalpasti kelemahan pelaksanaan dan dibuat penambahbaikan bagi kelangsungan pelaksanaan Kursus Praperkahwinan Islam. Oleh itu, maklum balas segera para pemantau kepada penganjur kursus perlu agar tindakan penambahbaikan susulan yang tepat dapat dilaksanakan.

- f) Dewasa ini, banyak konflik rumahtangga berakhir dengan perceraian. Realitinya kadar perceraian kian meningkat berdasarkan statistik perceraian di negeri Perak.

Langkah proaktif oleh pihak Jabatan Agama Islam Perak perlu dilakukan bagi menangani permasalahan perceraian. Kursus praperkahwinan yang dianjurkan oleh kerajaan melalui Jabatan Agama Islam negeri yang dijalankan selama 2 hari juga masih belum mencukupi untuk menurunkan ilmu perkahwinan dan membincangkan aspek persediaan perkahwinan secara terperinci dan mendalam.

Sejajar dengan hal itu, perlunya mewujudkan kursus perkahwinan khusus bagi pasangan suami isteri yang telah berkahwin. Ianya adalah kesinambungan daripada kursus praperkahwinan yang dilaksanakan bagi memantapkan pengetahuan dan kemahiran rumahtangga sekaligus membendung masalah keruntuhan institusi keluarga.

## BIBLIOGRAFI

- A. Antelo dan R.L. Henderson (1992), *Formulating Effective School Cooperation Partnership A Policy Analysis, School Organization*, London : Croom Held. Ltd
- ‘Abd Na‘im Muḥammad Ḥussaīn (1948), *al-Da‘wah Illallah ‘ala Basyīrah* : Madinah al-Munawwarah : Dār al-Kitāb al-Islāmīyyah.
- Abdullah Amin al-Nukmy (1995), *Kaedah dan Kurikulum Pendidikan Islam Menurut Ibnu Khaldun dan al-Qabisi*, Kuala Lumpur : Pustaka Syuhada
- ‘Abd Fatah Jalal (1997), *Min al-Uṣūl al-Tarbīyyah fī al-Islāmī*, Kaherah : Dār al-Ma‘arif.
- Abdul Hamid Hj Zainal Abidin, et.al (1996), *Modul Bersepadu Kursus Pra Perkahwinan Islam (MBKPPI)*, Kuala Lumpur : Jabatan Kemajuan Islam Malaysia
- Abdul Ghanī Abrār (1985), *Fī al-Tarbīyyah al-Islāmīyyah*, Kaherah : Dār al-Fikr al-‘Arabī.
- Abdul Kareem Zaidan (1987), *Dasar-dasar Ilmu Dakwah*, H.M Asywadi Syukur Lc (terj.), Shah Alam : Dewan Pustaka Fajar.
- ‘Abdul Latīf Ibrāhīm (1982), *al-Manāhij Asās Tanzīmuhu wa Ta‘dim Athāruhā*, Kaherah : Maṭba‘ah al-Miṣr.
- ‘Abd Raḥmān al-Jazīrā (1986), *Kitāb al-Fiqh ‘alā al-Madhāhib al-‘Arba‘ah*, j.4 Beirut : Dār Iḥya’ al-Turath
- Abi al-Fādīl Jamaluddin Muhammad bin Makram (1994), *Lisān al-‘Arab*. Beirut: Dār al-Fikr
- Abī al-Qasīm Muḥammad bin Aḥmad (2008), *al-Qawānin al-Fiqhiyyah*. Mesir : Dār al-Andalus al-Jadīdah.
- Abu Bakr Jabir Al-Jazairi (2003), *Pedoman Hidup Muslim*. Hasanuddin dan Didin Hafidhuddin (terj.) Singapura : Darul Fajr Publishing House.
- A.C Ornsetin dan R.P Hunkins (1988), *Curriculum : Foundations, Prinsiples and Essays, Englewood Cliff*, New Jersey : Prentice Hall
- Afif Abdullah (1986), *Nabi-nabi Dalam Al-Quran*. Kuala Lumpur : Victory Agencies.



- Ahmad Maḥmūd Shafi‘ī (1997), *al-Zawāj fī al-Shari‘ah al-Islamiyyah*, Iskandariah : Dār al-Hudā lil-Maṭbu‘āt.
- Ahmad Sunawari Long (2006), *Pengenalan Metodologi Penyelidikan*. Pengajian Islam, Bangi : Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Al-Kāsānī (t.t), *Badā‘i al-Ṣanā‘i*, j.3, Beirut : Maktabah al-‘Ilmiyyah.
- Al-Qalyūbī wa ‘Umayrah (t.t), *Qalyūbī wa ‘Umayrah*, j.3, Dār Ihya’ al-Kutub al-‘Arabiyyah.
- Asad M.Alkalali (1996), *Kamus Melayu Arab*, Kuala Lumpur : Thinker’s Library Sdn. Bhd.
- Azizah Md Hussain. (2007), *Kamus Dewan*, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Baha’ al-Dīn ‘Abd. al-Rahman (2005), *al-‘Uddah fī Sharḥ al-‘Umdah*. Al-Azhar : Abu Bakr al-Siddīq.
- B.G Glaser & A.L Strauss (1967), *The Discovery of Grounded Theory*. Chicago: Aldine
- Burhanuddīn Abī al-Hasan ‘Alī (t.t), *al-Hidāyah Sharḥ Bidāyat al-Mubtadī*, Kaherah : Syarikah Maktabah wa Maṭba‘ah Muṣṭafā al-Bābī al-Ḥalabī wa Awlādih.
- Daniel L.Stufflebeam dan Anthony J.Shinkfield (1985), *Systematic Evaluation : A Self Instructional Guide to Theory and Practice*. Boston : Kluwer – Nijhoff Publishing.
- Daniel L.Stufflebeam, et.al (1977), *Education Evaluation and Decision Making*. Peacock, Itasca III, Phi Delga Kappan Nariional Study Committee on Evaluation, Illinois : Peacock Publishers
- Daniel L.Stufflebeam (1971), *Educational Evaluation and Decision Making*. Itasca III Prosuch
- David Pratt (1988), *Curriculum Design and Development*, International Edition, USA : Invenarich
- D. Hamilton et.al (1977), *Beyond the Number Game – A Render in Education Evaluation*. London: Mac Millon
- Fairuz Ābādi (1997), *al-Qāmūs al-Muhit*, Beirut : Mu’assasah al-Risālah.
- Ghazali Hj. Abd Rahman (2004), *Memasuki Gerbang Perkahwinan*, Kuala Lumpur : Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- Gerald Thames (1997), *What’s the Use of Theory?*. Harvard Education Review

- Hassan Hassānin (2001), *Ahkām al-Ushrah al-Islāmiyah Fiḥan wa Qadāan*,  
Kaherah : Dār al-Afāq al-‘Arabiyyah.
- Hassan Langgulung (1979), *Pendidikan Islam : Suatu Analisis Sosio-Psikology*.  
Kuala Lumpur : Pustaka Antara.
- Herbert B.Ashar (1990), *Causal Modelling Series: Quatiitative Applications in  
the Social Sciences*. C.2, London:Sage Publication
- Hisyamuddīn al-Syiffī (1997), *Uṣul al-Fiqh al-Islāmī*. Kuala Lumpur : Universiti  
Islam Antarabangsa Malaysia.
- H.P Richard, Kraff, Louis M.Smith, Ranl A.Pohlard, Charles, J.Branner dan Craig  
Cjerde (1974), “Curriculum Evaluation-AREA (America Education Research  
Association)”, *Monograph Series on Curriculum Evaluation*, Chicago: Rand  
Mc Nally College
- Ibn Khaldun (1948), *al-Muqaddimah*, Beirut : Maṭba‘ah al-‘Arabiyyah.
- Ibn Mustafa (1993), *Keluarga Islam Menyongsong Abad 21*, Bandung : Al-Bayan
- Ibn Qayyim Al-jauziyah (200), *Fatwa-fatwa Rasulullah*. Saifuddin Zuhri (terj.),  
Jakarta : Pustaka Azzam.
- \_\_\_\_\_ (1995), *Zad al-Ma‘ād fi Hudā Khair al-‘Ibad*, j.1, Beirut :  
Muassasah al-Risālah.
- Ibn Qudamah (1999), *al-Mughnī*, al-Mumlikah al-‘Arabiyyah al-Sa’udiyah : Dār  
‘Alām al-Kutub.
- Ibn Rusyd (1988), *Bidāyat al-Mujtahid wa Nihāyat al-Muqtaṣid*, j.2, Beirut : Dār  
al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Ibn Taimiyyah (t.t), *al-Fatāwa al-Kubra*, Beirut : Dār al-Ma‘rifah.
- \_\_\_\_\_ (2008), *Fatāwa An-Nisā’*, Khairun Naim (terj.), Jakarta : Pustaka  
As-Sunnah
- Ibrāhim Madkūr (t.t), *al-Mu’jam al-Wāṣiṭ*, Kaherah : Dār ‘Umrān.
- Idris Awang (20090), *Penyelidikan Ilmiah Amalan Dalam Pengajian Islam*,  
Selangor : Kamil & Shahir Sdn. Bhd.
- Idris Zakaria (1987), *Pemikiran Islam Tentang Kehidupan* (t.t.p)
- James Swales (1990), *Genre Analysis : English in Academic and Research  
Settings*. Cambridge : Cambridge University

- Koentjaraningrat, Raden Mas (1977), *Metode-metode Penelitian Masyarakat*, Jakarta : P.T Granedia
- Lee J.Cronbach and Associates (1980), *Toward Reform of Program Evaluation*, San Francisco : Jossey – Bass
- L.E Seidman (1991), *Interviewing as Qualitative Research*, New York : Teachers College Press, Colombia University
- Mahmood Zuhi bin Hj Abdul Majid (1993), *Kursus Perkahwinan dan Undang-undang Keluarga Islam*. Kuala Lumpur : Dasar Padu (M) Sdn Bhd
- Malcom Provus (1971), *Discrepancy Evaluation for Education Program Improvement and Assessment*. Barkely, California : Mc Cutchan
- Mannā' al-Qattan (1995), *Mabāḥis fī 'Ulum al-Qurān*, Kaherah : Maktabah wa Habah
- Michael Scrivan (1967), *The Methodology of Evaluation*, Chicago : Read Mc Nally
- Michael Scrivan (1970), *The Methodology of Evaluation*, Berkeley, California : Mc. Cutchan
- Mohammad Shahir bin Hj Abdullah (2002), *Modul Bersepadu Kursus Praperkahwinan Islam (MBKPPI) Semakan 2002*. Kuala Lumpur : Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- \_\_\_\_\_ (2002), *Rasulullah Menjana Kecemerlangan Keluarga Dalam Menghayati Keindahan Islam*, Pahang : Jabatan Agama Islam Pahang.
- Mohd Majid Konting (1990), *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka
- Mohd Yusuf Ahmad (2007), *Pengajian Islam*, Kuala Lumpur : Universiti Malaya
- Muhammad b. Ibrāhim b. 'Abd Allāh al-Tawwijri (2001), *Mukhtaṣar al-Fiqh al-Islāmi*. 'Ammān : Bayt al-Ifkār al-Dauliyyah.
- Muḥammad bin al-Siddīqī al-Shāfi'ī (t.t), *Dalīl al-Fālihīn li-ṭuruq Riyād al-Ṣālihīn*, Mesir : Syarikah Maktabah wa Maṭba'ah Muṣṭafā al-Bābī al-Ḥalabī wa Awlādih
- Muhammad Abū Zuhrah (t.t), *al-Ahwal al-Syakhsiyyah*. Kaherah : Dār al-Fikr al-'Arabi
- Muhammad Bakr Ismā'il (1990), *al-Fiqh al-Wādih*, j.2, Kaherah : Dār al-Manār

- Muhammad Idris ‘Abdul Ra’uf al-Marbāwi (1991), *Qāmūs Idris al-Marbawi Arab-Melayu*, Kuala Lumpur : Darul Nu’mān
- Muhammad Ismā’il Shīnī, et.al (1991), *Dalīl al-Mu’allimīn Ila Istiqdam al-Syuwwar wa al-Baṭāqat fī Ta’līm al-‘Arabiyyah*, Riyad : Maktabah al-Tarbiyyah.
- Muhammad Nābil Sa’ad Shaḍilī (1989), *Aḥkām al-Ushrah fī al-Fiqh al-Islāmī*, Kaherah : Dār al-Nahḍoh al-‘Arabiyyah
- Muhammad Nasiruddin al-Albani (2002), *Seleksi Hadith Shahih*, Tajuddin Arief, Abdul Syukur dan Ahmad Rifa’i, Selangor : Pustaka Azzam
- Muḥammad Sa’id Ramadhān al-Būṭī (1978), *Fiqh al-Sirāh*, Damsyik : Dār al-Fikr
- Muhammad Shadid (1994), *Metodologi Al-Quran Dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur : Bahagian Hal Ehwal Islam Jabatan Perdana Menteri.
- Muḥammad al-Zuhrī al-Ghamrāwī (1933), *al-Sirāj al-Wahhāj*, Beirut : Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah
- Muḥy al-Din al-Nawāwi (1994), *Ṣahih Muslim*. Lubnān : Dār al-Ma’rifah
- Muhyiddīn Yahya (2002), *Fatāwa Al-Imām Al-Nawawī*, Irwan Kurniawan (terj.), Jakarta : Penerbit Hikmah
- Musa Abu Hassan (t.t), *Penggunaan Alat Bantu Ceramah, Jabatan Komunikasi, Universiti Pertanian Malaysia*.
- Mustafa b. Abd. Rahman, et.al (1997), *Garis Panduan Pengawalan Pelaksanaan Modul Bersepadu Kursus Pra Perkahwinan Islam*, Kuala Lumpur : Jabatan Kemajuan Islam Malaysia
- Muṣṭafa al-Bughā (2005), *al-Fiqh al-Manhaji ‘alā Madhāhib al-Imām al-Syāfi’i*. Damsyiq : Dār al-Qalam.
- Nāṣir Aḥmad Ibrāhīm (2005), *Mauqif al-Syarī’ah al-Islāmiyyah min Tawlā al-Mar’ah li-Aqd al-Nikāḥ Dirāsah Fiqhiyyah Muqāranah*, Iskandariah : Dār al-Jami’ah al-Jadīdah
- Nie H.H et.al (1995), *Statistical Packages for the Social Sciences*, 2 ed, Mc Graw Hill Book, Company, New York
- Norman E. Gronlund and Robert L. Linn (1990), *Measurement and Evaluation in Teaching*. New York : Mac Millan
- Paizah Hj Ismail (2003), *Kekeluargaan Islam Menurut Al-Quran dan As-Sunnah*. Kuala Lumpur : Universiti Malaya.

- P. Chandler, W.P Robinson dan P. Noyes (1991), *“Is a Proactive Student Teacher a Better Student Teacher?”*, Research In Education, No.45, May 1991, Manchester: Manchester University Press
- P.Tylor and D.M Cowdey (1972), *Reading in Curriculum Evaluation*, Dubaque, La” Brown
- Robert Tyler (1950), Reporting Evaluations of Learning Outcomes in H.J Walberg & G.D Haerfel (Eds). *The International Encyclopedia of Education on Evaluation*. Oxford: Englang: Pargamon
- Robert, E. Stake (1967), *“The Countenance of Education Evaluation”*, *Teachers College Record*, April 1967, New York: Teacher’s College, Colombia University
- Ronald C.Doll (1989), *Curriculum Improvement: Decision Making and Process*. C.7, Boston Allyn and Bacon
- R.W Tyler (1969), Educational Evaluation : New Roles, New Means, Sixty Eight Year Book of the National Society for the Study of Education, Part II, Chicago : University of Chicago Press
- Sayid Sābiq (1990), *Fiqh al-Sunnah*, Kaheerah : Dār al-Riyān Li al- turath.
- Shahīh Muṣlīm (1982), *Kitāb Imān*, Ma‘amar Daūd (terj.), Jil. 1, Selangor : Klang Book Center.
- \_\_\_\_\_ (1982), *Kitab al-Shalat*, Ma‘amar Daūd (terj.), Jil.1, Selangor : Klang Book Center
- Sulaiman Endut (1997), *Ingin Tahu Perkahwinan*. Kuala Lumpur : Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Syamsuddīn al-Sarakhsī (1989), *Kitāb al-Mabsūṭ* , j.5, Beirut : Dār Ma’rifah
- ‘Uthman (1972), *Sirāj al-Sālik Sharḥ Ashal al-Masālik*, Kaheerah : Syarikah Maktabah wa Maṭba’ah Muṣṭafā al-Bābī al-Ḥalabī wa Awlādih
- Wahbah al-Zuhayli (2004), *al-Fiqh al-Islāmi wa Adillatuh*. Damsyiq : Dār al-Fikr al Ma’āṣir.
- Wilma S.Longstreet dan Harold G. Suane (1993), *Curriculum : for a New Millenium*, USA : Ailyn & Bacon.
- W.H Beatty, *Improving Education Assessment and an Iventory of Measures of Effective Behavior*. Washington:D.C Association for Super Vision and Curriculum Development
- W.J Pophems (1975), *Educational Evaluation*. New Jersey: Prentice Hall

W.R Borg dan M.D Gall (1989), *Educational Research An Introduction*, New York : Longman

Yusuf Al-Qardhawi (1995), *Fatwa Masa Kini*, Zaidi Jalil. et.al, Kuala Lumpur: Pustaka Salam

\_\_\_\_\_ (2002), *Fatwa-fatwa Mutakhir*, H.M.H Al-Hamid Al-Husaini (terj.), Jakarta : Pustaka Hidayah

Zakaria b. Abdul Razak (2005), *Garis Panduan Pengawalan Pelaksanaan Modul Bersepadu Kursus Pra Perkahwinan Islam (MBKPPI)*. Ipoh : Jabatan Agama Islam Perak.

## **KERTAS PROJEK DAN DISERTASI**

- Latipah binti Lebai aMat (2002), *Kursus Pra Perkahwinan : Satu Tinjauan Tentang Perlaksanaan dan Kesannya di Daerah Kota Setar, Kedah*, Kertas Projek, Fakulti Syariah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Marzuki Senafi (1997), *Kajian Di Mahkamah Syariah Manjung Mengenai Kadar Perceraian Dan Keberkesanan Pra Perkahwinan*, Kertas Projek, Fakulti Syariah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Muhamad Ihsan (1997), *Persepsi Bekas Pelajar Dan Pentadbir Sekolah Mengenai Keberkesanan Program Diploma Perguruan Universiti Malaya*, Tesis Sarjana, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Rohaidah Awang Nik (1997), *Prosedur Pra Perkahwinan : Satu Kajian Tentang Perlaksanaannya Di Daerah Temerloh Pahang Darul Makmur*, Kertas Projek, Fakulti Syariah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Safuah Yaacob (2000), *Kursus Pra Perkahwinan : Satu Tinjauan Perlaksanaan Dan Kesannya Di Pantai Timur*, Kertas Projek, Fakulti Syariah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Siti Masliza Mustapha (1997), *Kursus Pra Perkahwinan : Fungsi Dan Kesannya Di Dalam Membentuk Keluarga Bahagia, Satu Tinjauan Di Selangor Darul Ehsan*, Kertas Projek, Fakulti Syariah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Siti Minah Abd Rahman (1997), *Kursus Perkahwinan Peranan Dan Sumbangannya Dalam Mengurangkan Masalah Kekeluargaan, Satu Kajian Di Daerah Taiping Perak Darul Ridzuan*, Kertas Projek, Fakulti Syariah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Syarifah Syukriah binti Tun Habib (2003), *Kursus Pra Perkahwinan Islam : AnalisisMetode Dan Pelaksanaan Serta Keberkesananannya Dalam Pembentukan Institusi Kekeluargaan Islam Di Wilayah Persekutuan*, Tesis Sarjana, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Tunku Sarah Tunku Mohd Jiwa (1997), *Pembinaan Model Penerapan Nilai Dalam Pengajaran di IPT*, Tesis Ph.D, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia
- Towil bin Juraimi (1999), *Kursus Pra Perkahwinan : Satu Kajian Tentang Prosedur Dan Kaedah Yang Digunakan Di Negeri Selangor Darul Ehsan*, Tesis Sarjana, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Yusnita Marjuki (2003), *Kursus Pra Perkahwinan Jabatan Agama Islam Selangor : Kajian Mengenai Permasalahan*, Kertas Projek, Fakulti Syariah, Akademi Pengajian Islam: Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

## **JURNAL**

- Asariah Mior Shaharudin (1991), "Program Pengesanan Kursus Dalam Perkhidmatan". *Jurnal Pendidikan Guru*, Bil.7, Bahagian Pendidikan Guru, Kementerian Pendidikan Malaysia, Kuala Lumpur
- B.P.M Creemers dan J.Scheerens (1994), "Development in the Education Effectiveness Research Programme". *Educational Effectiveness Research*, March 1994
- D.Nancy dan R. Fawns (1993), "Teacher's Working Knowledge Theory To Practice On Teacher Education", *Journal of Education for Teaching*, Vol. 18, No.2, Lancaster: Carfax Publishing Company
- Ernest, R. House (1990), *Trend in Evaluation*. Educational Research, April 1990
- Idris Awang (1993), "Keperluan Badan Khidmat Nasihat Keluarga Dalam Menyelesaikan Krisis Rumahtangga", *Jurnal Syariah*, Bil.5. Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Ismail Mohd Rashid (1999), "Penilaian Program Rangkaian Komputer : Satu Perspektif Teori", *Jurnal Pengurusan dan Kepimpinan Pendidikan*, Jil.9, Bil 2, Disember 1999, Institut Aminuddin Baki
- Jack A.Rowell, Suzanne Pope & B.F Sherman (1992), "Relating Theory to Practice in Teacher Education". *Journal of Education for Teaching*, Vol.18, No.2, Lancaster: Carfax Publishing Company
- James Longest (1997), "Desingning Evaluative Research" *Journal of Extension*, vol xiii, March / April 1975, University of Winsconsin.
- Noor Azmi (1990), "Penilaian Dalam Pendidikan – Satu Penelitian Semula", *Jurnal Guru*, Bil 2, 16 Mei 1990
- S.J Ball (1995), "Intellectuals or Technician?, The Urgent Role of Theory in Education Studies". *British Journal of Educational Studies*, Bil 33.
- S.Newton, Metfessel and William B.Michael (1967), "A Paradigm Involving Multiple Criterion Measures for the Evaluation of the Effectiveness of School Program, *Journal Education and Psychological and Assessment*, Winter 1967



## **RISALAH**

Risalah Keluarga Nur Kasih (2006), Bahagian Pentadbiran Undang-Undang Syariah, Jabatan Agama Islam Perak.

## **TEMUBUAL**

Temubual bersama Ustaz Ariff Zaki bin Hj Mohd Yasin, bekas kadi Teluk Intan, di rumah beliau di Taman Ilmu Kampung Sungai Batang, Selekoh Bagan Datoh, Teluk Intan, Perak pada 12 Disember 2006, jam 10 pagi (Selasa).

<http://www.islam.gov.my/informasi/statistik>

<http://perkahwinan.com.my/main/perkahwinan>

**BORANG KAJI SELIDIK**  
**PENILAIAN KURSUS BAGI PENCERAMAH**

**BAHAGIAN 1**

Sila bulatkan nombor yang berkenaan untuk item-item di bawah :-

1. Jantina
  - i. Lelaki
  - ii. Perempuan
  
2. Kelulusan tertinggi sebagai fasilitator / pemudahcara
  - i. Sijil Pelajaran Malaysia
  - ii. Diploma
  - iii. Ijazah
  - iv. Sarjana
  
3. Pengalaman mengajar sebagai fasilitator / pemudahcara \_\_\_\_\_ tahun.

## BAHAGIAN 2 (DIMENSI KONTEKS)

### 1. Sikap Dan Kesiediaan Fasilitator / Pemudahcara Terhadap Modul Bersepadu Kursus.

Bahagian ini mengenai sikap anda sebagai fasilitator / pemudahcara. Selepas Modul Bersepadu mulai diperkenalkan, apakah reaksi anda tentang pelaksanaan modul tersebut pada peringkat awal perancangannya?

Sila bulatkan jawapan anda pada kenyataan yang anda pilih.

1. Sangat setuju (SS)
2. Setuju (S)
3. Tidak pasti (TP)
4. Tidak setuju (TS)
5. Sangat tidak setuju (STS)

---

1. Perubahan yang dibuat oleh JAKIM terlalu drastik	SS	S	TP	TS	STS
2. Saya rasa kurang persediaan dari segi pengetahuan	SS	S	TP	TS	STS
3. Saya memang sukar untuk menerima perubahan	SS	S	TP	TS	STS
4. Sukar untuk menyesuaikan diri dengan tajuk Modul Bersepadu	SS	S	TP	TS	STS
5. Saya tidak dapat mengajar tajuk modul dengan baik jika dibandingkan dengan tajuk lama.	SS	S	TP	TS	STS
6. Dari aspek pengajaran dan pembelajaran topik modul, saya masih kekal mengajar cara lama.	SS	S	TP	TS	STS

## 2. Masalah Modul Bersepadu

Anda dikehendaki menyatakan masalah yang anda hadapi dalam topik modul. Sila bulatkan berdasarkan skala di bawah ini.

1. Sangat setuju (SS)
  2. Setuju (S)
  3. Tidak pasti (TP)
  4. Tidak setuju (TS)
  5. Sangat tidak setuju (STS)
- 

- |   |    |   |    |    |     |
|---|----|---|----|----|-----|
| 1. Peserta kursus terlalu ramai untuk diajar  | SS | S | TP | TS | STS |
| 2. Tempat kursus diadakan kurang luas dan selesa                                    | SS | S | TP | TS | STS |
| 3. Kemudahan di tempat kursus seperti tempat meletak kereta dan tempat sembahyang   | SS | S | TP | TS | STS |
| 4. Jadual tidak sesuai untuk mengajar topik modul                                   | SS | S | TP | TS | STS |
| 5. Jangka masa mengajar topik modul tidak mencukupi kerana topiknya terlalu banyak. | SS | S | TP | TS | STS |
| 6. Kemudahan peralatan mengajar kurang mencukupi.                                   | SS | S | TP | TS | STS |

### BAHAGIAN 3 (DIMENSI INPUT)

#### 1. Pengetahuan Fasilitator / Pemudahcara Berdasarkan Topik Modul

Senarai berikut adalah topik-topik yang terdapat dalam Modul Bersepadu Kursus Pra Perkahwinan Islam. Bulatkan kenyataan yang menunjukkan tahap pengetahuan yang ada dalam diri anda.

1. Tinggi (T)
  2. Sederhana (S)
  3. Rendah (R)
- 

#### Pengetahuan

Komunikasi suami/isteri	T	S	R
Akhlak islamiah	T	S	R
Hubungan dalam keluarga	T	S	R
Pengurusan konflik, stress dan rundingcara	T	S	R
Pengurusan kesihatan	T	S	R
Aqidah islamiah	T	S	R
Munakahat	T	S	R
Fiqh ibadah	T	S	R
Pembubaran perkahwinan	T	S	R
Pengurusan sumber keluarga	T	S	R

## 2. Sokongan Pengarah Bahagian Pentadbiran Undang-Undang Keluarga

Sejauh manakah anda bersetuju dengan peranan pengarah di jabatan anda.

Bulatkan pada salah satu daripada lima item yang anda pilih.

- A. Sangat setuju (SS)
  - B. Setuju (S)
  - C. Tidak pasti (TP)
  - D. Tidak setuju (TS)
  - E. Sangat tidak setuju (STS)
- 

- |   |    |   |    |    |     |
|---|----|---|----|----|-----|
| 1. Sentiasa memberi motivasi dalam menjalankan tugas                                  | SS | S | TP | TS | STS |
| 2. Bertindak sebagai ketua yang baik dalam memberi idea dan sokongan                  | SS | S | TP | TS | STS |
| 3. Sentiasa memahami objektif Modul Bersepadu Kursus                                  | SS | S | TP | TS | STS |
| 4. Sentiasa mempunyai masa untuk Mendengar masalah fasilitator / pemudahcara kursus   | SS | S | TP | TS | STS |
| 5. Sentiasa mengkritik pekerja yang lemah   | SS | S | TP | TS | STS |
| 6. Peruntukan kewangan kursus praperkahwinan digunakan dengan bijaksana               | SS | S | TP | TS | STS |
| 7. Sentiasa memastikan fasilitator / pemudahcara kursus berada ditahap yang memuaskan | SS | S | TP | TS | STS |
| 8. Mengambil berat dalam segala urusan  |    |   |    |    |     |

yang berkaitan dengan pelaksanaan

Kursus praperkahwinan

SS

S

TP

TS

STS

### 3. Kemudahan Kursus

Sejauh manakah anda bersetuju dengan kenyataan di bawah ini mengenai kemudahan yang terdapat di tempat penganjur Kursus Praperkahwinan Islam dijalankan.

Gunakan skala dibawah ini.

Bulatkan pada salah satu daripada lima item yang anda pilih.

1. Sangat setuju (SS)
2. Setuju (S)
3. Tidak pasti (TP)
4. Tidak setuju (TS)
5. Sangat tidak setuju (STS)

---

1. Kedudukan tempat kursus yang strategik memudahkan kehadiran peserta	SS	S	TP	TS	STS
2. Dewan kursus yang selesa dan luas	SS	S	TP	TS	STS
3. Bilangan kerusi dan meja mencukupi untuk peserta	SS	S	TP	TS	STS
4. Kemudahan alat bantu ceramah yang terkini seperti LCD	SS	S	TP	TS	STS
5. Kemudahan alat pandang dengar yang Memuaskan	SS	S	TP	TS	STS
6. Tempat kemudahan solat peserta	SS	S	TP	TS	STS



#### 4. Kursus Dalam Perkhidmatan

Bahagian ini adalah soalan mengenai kursus anjuran Jabatan Kemajuan Islam Malaysia dan Jabatan Agama Negeri Sahaja.

Sejauh manakah anda bersetuju dengan kenyataan di bawah ini mengenai kursus dalam perkhidmatan yang anda pernah ikuti?

1. Sangat setuju (SS)
  2. Setuju (S)
  3. Tidak pasti (TP)
  4. Tidak setuju (TS)
  5. Sangat tidak setuju (STS)
- 

1. Kursus yang saya ikuti tidak mencukupi untuk mengajar kesemua topik dalam modul SS S TP TS STS
2. Tenaga pengajar untuk kursus tidak cekap dan kurang pengetahuan SS S TP TS STS
3. Jangkamasa kursus terlalu pendek SS S TP TS STS
4. Kursus untuk sesuatu kemahiran itu diadakan lewat dan fasilitator / pemudahcara sudah memulakan pengajaran di Kursus Praperkahwinan SS S TP TS STS
5. Memperolehi pengetahuan dan teknik pengajaran SS S TP TS STS

## 5. Penjadualan Waktu

Bagi kenyataan-kenyataan berikut, sila nilaikan tanggapan anda terhadap jadual waktu mengajar topik modul. Sila gunakan skala di bawah ini.

1. Sangat setuju (SS)
  2. Setuju (S)
  3. Tidak pasti (TP)
  4. Tidak setuju (TS)
  5. Sangat tidak setuju (STS)
- 

1. Kombinasi jadual waktu mengajar topik modul adalah sesuai                   SS    S       TP    TS    STS
2. Pembahagian jadual waktu mengikut tajuk topik modul dibuat dengan baik   SS    S       TP    TS    STS

## BAHAGIAN 4 (DIMENSI PROSES)

### 1. Strategi Pengajaran Dan Pembelajaran

Anda dikehendaki bulatkan jawapan anda pada kenyataan yang biasa anda lakukan semasa anda mengajar topik modul. Anda dikehendaki menggunakan skala di bawah ini.

1. Sangat setuju (SS)
  2. Setuju (S)
  3. Tidak pasti (TP)
  4. Tidak setuju (TS)
  5. Sangat tidak setuju (STS)
- 

- |   |    |   |    |    |     |
|---|----|---|----|----|-----|
| 1. Saya menggunakan kaedah kuliah semasa mengajar                                     | SS | S | TP | TS | STS |
| 2. Pengajaran secara kuliah disusuli dengan sesi soalan dan perbincangan              | SS | S | TP | TS | STS |
| 3. Fasilitator / pemudahcara digalakkan mengemukakan soalan                           | SS | S | TP | TS | STS |
| 4. Saya sering menyelitkan unsur-unsur nilai murni dalam pengajaran dan pembelajaran  | SS | S | TP | TS | STS |
| 5. Dari air muka peserta, saya dapati mereka seronok belajar di bawah pengajaran saya | SS | S | TP | TS | STS |

## **BAHAGIAN 5 (DIMENSI PRODUK)**

### **1. Perubahan Sikap Peserta**

Bahagian ini adalah kenyataan-kenyataan mengenai perubahan sikap diri peserta anda semasa mengikuti topik modul. Sejauh manakah peserta anda mendapat manfaat hasil daripada mengikuti Kursus Praperkahwinan? Sila gunakan skala di bawah ini.

1. Sangat setuju (SS)
2. Setuju (S)
3. Tidak pasti (TP)
4. Tidak setuju (TS)
5. Sangat tidak setuju (STS)

---

1. Selepas mengikuti Kursus Pra Perkahwinan Islam, peserta bertambah yakin membuat persediaan menempuh alam perkahwinan	SS	S	TP	TS	STS
2. Peserta lebih bersedia untuk membina rumahtangga muslim dan sejahtera	SS	S	TP	TS	STS
3. Peserta berasa bosan mengikuti kursus kerana terlalu banyak tajuk modul yang terpaksa diikuti	SS	S	TP	TS	STS
4. Pendedahan awal dalam Kursus Pra Perkahwinan Islam menjadi asas membuat persediaan ilmu kekeluargaan untuk membentuk keluarga maju	SS	S	TP	TS	STS
5. Peserta merasa lebih yakin dalam urusan kewangan kekeluargaan	SS	S	TP	TS	STS
6. Peserta rasa yakin untuk menjadi pasangan suami isteri yang lebih berdisiplin dan bertanggungjawab dalam melayari bahtera rumahtangga	SS	S	TP	TS	STS

### **2. Pencapaian Objektif Modul**

Kenyataan di bawah ini adalah objektif-objektif modul. Sejauh manakah anda berjaya mencapai objektif modul dalam proses pengajaran dan pembelajaran?

1. Sangat setuju (SS)
2. Setuju (S)
3. Tidak pasti (TP)
4. Tidak setuju (TS)
5. Sangat tidak setuju (STS)

---

1. Memberi penekanan kepada aspek ilmu, iman dan amal bagi melahirkan generasi beriman dan bermoral	SS	S	TP	TS	STS
2. Menyediakan pengetahuan asas kekeluargaan bagi menangani pelbagai permasalahan kekeluargaan	SS	S	TP	TS	STS
3. Membina rumahtangga di atas asas yang kukuh berlandaskan tuntutan Al-Quran dan As-Sunnah	SS	S	TP	TS	STS
4. Menyelami proses-proses yang lazim dialami oleh seseorang sebelum memasuki alam perkahwinan	SS	S	TP	TS	STS
5. Mengetahui persediaan yang perlu dilakukan sebagai langkah memantapkan keyakinan diri	SS	S	TP	TS	STS
6. Mengetahui perubahan yang dialami oleh institusi kekeluargaan dan jangkaan corak keluarga pada masa hadapan	SS	S	TP	TS	STS

**SOAL SELIDIK PESERTA**  
**MODUL BERSEPADU KURSUS PRAPERKAHWINAN**  
**ISLAM**

1. Jantina

- i. Lelaki
- ii. Perempuan

2. Bahagian ini adalah mengenai cara-cara fasilitator / pemudahcara Kursus Pra Perkahwinan Islam di tempat anda. Berdasarkan kepada pengalaman anda semasa kursus, tandakan nombor di petak ini bagi kenyataan-kenyataan di bawah. Sila gunakan skala di bawah ini.

- i. Sangat setuju (SS)
- ii. Setuju (S)
- iii. Tidak pasti (TP)
- iv. Tidak setuju (TS)
- v. Sangat tidak setuju (STS)

---

1. Fasilitator / pemudahcara menggunakan lebih banyak bercakap sepanjang masa semasa mengajar	SS	S	TP	TS	STS
2. Pengajaran fasilitator / pemudahcara menggunakan kaedah bercakap disusuli dengan sesi soalan dan perbincangan	SS	S	TP	TS	STS
3. Fasilitator / pemudahcara menggunakan kemudahan alat bantu ceramah seperti LCD semasa mengajar	SS	S	TP	TS	STS
4. Fasilitator / pemudahcara sering member panduan dan nasihat semasa mengajar	SS	S	TP	TS	STS

5. Fasilitator / pemudahcara menggalakkan peserta mengemukakan soalan	SS	S	TP	TS	STS
6. Semasa pengajaran fasilitator / pemudahcara sering menyelitkan unsur-unsur nilai murni dalam kursus	SS	S	TP	TS	STS
7. Fasilitator / pemudahcara sentiasa mempelbagaikan cara pengajaran	SS	S	TP	TS	STS
8. Pengajaran fasilitator / pemudahcara menarik dan tidak membosankan	SS	S	TP	TS	STS
9. Fasilitator / pemudahcara mempunyai pengetahuan yang tinggi semasa mengajar topik modul	SS	S	TP	TS	STS

3. Bahagian ini adalah kenyataan-kenyataan mengenai perubahan sikap diri anda semasa mengikuti Modul Bersepadu Kursus Pra Perkahwinan Islam. Sejauh manakah anda mendapat manfaat hasil daripada kursus tersebut? Sila gunakan skala di bawah ini.

- i. Sangat setuju (SS)
- ii. Setuju (S)
- iii. Tidak pasti (TP)
- iv. Tidak setuju (TS)
- v. Sangat tidak setuju (STS)

---

1. Selepas mengikuti Modul Bersepadu Kursus Praperkahwinan Islam, saya bertambah yakin mempersiapkan diri dengan ilmu rumah tangga untuk menempuh alam perkahwinan	SS	S	TP	TS	STS
2. Saya dapat lebih memahami peranan dan tanggungjawab sebagai pasangan suami dan isteri	SS	S	TP	TS	STS
3. Saya akan berusaha dengan lebih gigih dan bertanggungjawab untuk membina keluarga muslim yang harmoni	SS	S	TP	TS	STS
4. Saya merasa lebih yakin dalam pengurusan rumah tangga bagi membina keluarga yang berdaya maju	SS	S	TP	TS	STS
5. Pendedahan awal dalam modul kursus tersebut menjadi asas pembentukan pasangan suami dan isteri yang lebih bertanggungjawab dalam melayari bahtera rumah tangga	SS	S	TP	TS	STS